

**IMPAK PANDEMIK COVID-19 KEPADA PENGURUSAN  
MUZIUM NELAYAN TANJUNG BALAU  
KOTA TINGGI JOHOR**

**NUR IZZATI NAJWA BINTI ALPIAN**

UNIVERSITI  
MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

FTKWW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKW

**IMPAK PANDEMIK COVID-19 KEPADA PENGURUSAN  
MUZIUM NELAYAN TANJUNG BALAU  
KOTA TINGGI JOHOR**

Oleh

**NUR IZZATI NAJWA BINTI ALPIAN**

Projek Penyelidikan Ini Disediakan Untuk Memenuhi Syarat Kelayakan  
Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

UNIVERSITI

MALAYSIA

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2022**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) \*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) \*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

*Najwa*

.....  
(NUR IZZATI NAJWA BINTI ALPIAN)

Tarikh: 28 Februari 2022

.....  
(DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN)

Tarikh: 28 Februari 2022

**DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah saya menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang menjalankan kajian ini telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan saya insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing saya sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi teguran, dorongan dan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi Alpian Bin Bujang (Ayah), Yatim Binti Kusni (Nenek), dan adik-adik tersayang yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk terus berjaya dalam apa jua bidang yang saya ceburi.

Di samping itu, terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan yang telah memberikan segala pertolongan, dorongan, dan sokongan moral kalian yang tidak berbelah bahagi sepanjang saya menjalankan kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **IMPAK PANDEMIK COVID-19 KEPADA PENGURUSAN MUZIUM NELAYAN TANJUNG BALAU, KOTA TINGGI, JOHOR**

## **ABSTRAK**

Muzium ialah kemudahan awam yang mempamerkan warisan manusia dan semula jadi untuk tujuan pendidikan dan rekreasi. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pandemik COVID-19, muzium di seluruh dunia terpaksa ditutup untuk menghentikan penyebaran penyakit itu. Oleh itu, ia memberi kesan kepada pengurusan muzium, koleksi, pemasaran, sumber kewangan dan kesihatan dan keselamatan profesional muzium. Hasilnya, tujuan penyelidikan ini adalah untuk menyiasat impak pandemik terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama: mengenal pasti kesan pandemik Covid-19 terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau; untuk mengkaji tindak balas pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau terhadap wabak Covid-19, dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam mengatasi kesan pandemik ke atas muzium. Begitu juga, kajian ini menggunakan kaedah campuran, dengan lapan responden ditemu bual dan 188 responden menjawab borang kaji selidik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 menjejaskan muzium dalam pelbagai cara, termasuk profesional muzium, sumber kewangan dan pentadbiran muzium. Hakikatnya, kajian ini penting dalam menyediakan maklumat dan kepakaran kepada profesional muzium dan pihak berkepentingan muzium mengenai pengurusan muzium dan mengurangkan Covid-19.

**Kata Kunci:** Kesan, Kewangan, Koleksi, Muzium, Pandemik COVID-19

# **IMPACTS OF PANDEMIC COVID-19 TOWARDS THE MANAGEMENT OF MUZIUM NELAYAN TANJUNG BALAU, KOTA TINGGI, JOHOR**

## **ABSTRACT**

A museum is a public facility that displays human and natural heritage for educational and recreational purposes. However, due to the COVID 19 pandemic, museums worldwide were compelled to close to stop the spread of the disease. Thus, it impacts museum management, collections, marketing, financial resources, and the health and safety of museum professionals. As a result, the purpose of this research is to investigate the effects of pandemics on the management of Muzium Nelayan Tanjung Balau. This study has three main objectives: to identify the effects of pandemic Covid-19 on the management of Muzium Nelayan Tanjung Balau; to examine the response of Muzium Nelayan Tanjung Balau management to pandemic Covid-19, and to analyse the roles of stakeholders in overcoming pandemic effects on the museum. Likewise, this study employs mixed methods, with eight respondents being interviewed and 188 responding to a survey form. The outcomes of this study demonstrated that the pandemic Covid-19 affected museums in various ways, including museum professionals, financial resources, and museum administration. As a matter of fact, this study is crucial in providing information and expertise to museum professionals and museum stakeholders regarding museum management and mitigating Covid-19.

Keywords: COVID-19 Pandemic, Collection, Finance, Impact, Museum, Management

## ISI KANDUNGAN

## HALAMAN

<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI KEPENDEKKAN</b>	x
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Lokasi Kajian	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.8.1 Individu	11
1.8.2 Masyarakat	12
1.8.3 Kurator Muzium	12
1.9 Struktur Kajian	13
<b>BAB 2 SOROTON KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Sejarah dan Perkembangan International Committee for Museology (ICOFOM)	16
2.3 Jenis- Jenis Muzium dan Pengurusannya	19
2.3.1 Muzium Umum	19
2.3.2 Muzium Sejarah dan Sains Semula Jadi	20
2.3.3 Muzium Sains dan Teknologi	22
2.3.4 Muzium Seni	23
2.3.5 Muzium Maya	24
2.4 Fungsi Muzium	25
2.4.1 Perolehan Koleksi	25
2.4.2 Penyimpanan Koleksi	27
2.4.3 Pemeliharaan Koleksi	28
2.4.4 Sumber Penyelidikan	29
2.4.5 Pameran Muzium	30
2.4.6 Sumber Pendidikan	31
2.5 Pengurusan Muzium	32
2.5.1 Pengurusan dan Penjagaan Koleksi	34
2.5.2 Pengurusan Sumber Kewangan	37
2.5.3 Pengurusan Pemasaran	38
2.6 Pandemik COVID-19	39
2.7 Kesan COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium	42



2.8	Langkah-Langkah Diambil Oleh Muzium Terhadap Kesan Pandemik COVID-19	44
2.9	Teori Pengurusan dan Pentadbiran Dalam Pengurusan Muzium	47
2.10	Rumusan	49
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	50
3.2	Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran	51
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	52
3.3.1	Sumber Data Primer	52
3.3.2	Sumber Data Sekunder	53
	a. Kajian Perpustakaan	53
	b. Kajian Internet	54
3.4	Kaedah Kajian	54
3.4.1	Temu Bual	55
3.4.2	Pemerhatian	56
3.4.3	Soal Selidik	57
3.5	Pensampelan Kajian	58
3.5.1	Pensampelan Kajian: Kaedah Kuantitatif	59
3.5.2	Pensampelan Kajian: Kaedah Kualitatif	60
3.5.3	Saiz Populasi: Kaedah Kuantitatif	62
3.6	Analisis Kajian	63
3.6.1	Analisis Kajian: Analisis Tematik	63
3.6.2	Analisis Kajian: Analisis Deskriptif	65
3.7	Rumusan	67
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	68
4.2	Demografi Responden	69
4.3	Mengenalpasti Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau	74
4.3.1	Kesan Pandemik Kepada Pekerja Muzium	75
4.3.2	Kesan Pandemik Kepada Kewangan Muzium	81
4.3.3	Kesan Pandemik Kepada Pengurusan Muzium	85
4.4	Mengkaji Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau Bertindak Balas Terhadap Pandemik COVID-19	91
4.4.1	Strategi Pengurusan Muzium Berhadapan Dengan Pandemik	91
4.4.2	Perubahan Pengurusan Semasa Pandemik	97
4.4.3	Strategi Menstabilkan Sumber Kewangan Muzium	103
4.4	Menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik COVID-19 terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau.	109
4.4.1	Peranan Pihak Berkepentingan Muzium Menangani Pandemik	110
4.4.2	Peranan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan Melestarikan Muzium	115
4.4.3	Ketersediaan Sumber Infrastruktur Muzium	121
4.4.4	Peranan Komuniti Melestarikan Muzium	122



4.5	Rumusan	128
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	130
5.2	Rumusan	130
5.3	Dapatan Kajian	132
5.4	Implikasi	135
	5.4.1 Implikasi Kepada Pengkaji	135
	5.4.2 Implikasi Kepada Bidang Pemuziuman	135
	5.4.3 Implikasi Kepada Masyarakat	136
5.5	Cadangan Kajian	137
5.6	Penutup	137
<b>RUJUKAN</b>		138

## SENARAI JADUAL

	<b>HALAMAN</b>
Jadual 3.1 Responden Temu Bual	61
Jadual 4.1 Jantina Responden	69
Jadual 4.2 Umur Responden	70
Jadual 4.3 Bangsa Responden	71
Jadual 4.4 Pekerjaan Responden	72
Jadual 4.5 Pendidikan Responden	73
Jadual 4.6 Kesan Pandemik Kepada Pekerja Muzium	74
Jadual 4.7 Kesan Pandemik Kepada Kewangan Muzium	81
Jadual 4.8 Kesan Pandemik Kepada Pengurusan Muzium	85
Jadual 4.9 Strategi Pengurusan Muzium Berhadapan Dengan Muzium	91
Jadual 4.10 Strategi Menstabilkan Sumber Kewangan Muzium	103
Jadual 4.11 Peranan Pihak Berkepentingan Muzium Menangani Pandemik	109
Jadual 4.12 Peranan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan Melestarikan Muzium	115
Jadual 4.13 Peranan Komuniti Melestarikan Muzium	122

## SENARAI RAJAH

	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1.1 Peta Lokasi Kajian Muzium Nelayan Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor	9
Rajah 1.2 Carta Alir Pross Analisis Data Tematik	64



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKQW

## SENARAI KEPENDEKKAN

KEJORA	-	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
ICOFOM	-	International Committee for Museology
ICOM	-	International Council of Museums
MKN	-	Majlis Keselamatan Negara
SOP	-	Standard Operating Procedure
UNESCO	-	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Majlis Muzium Antarabangsa atau *International Council of Museum* (ICOM) merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1946. ICOM adalah sebuah badan professional yang melibatkan penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan serta berkomunikasi dengan masyarakat mengenai warisan semula jadi dan budaya dunia (Sandhal, 2019). Perasmian dan pembukaan beberapa muzium telah mewujudkan satu tempat untuk melindungi warisan budaya yang telah menjadi sebahagian daripada perancangan ICOM. Kejayaan tahunan ICOM telah menyakinkan masyarakat global bahawa ICOM telah berfungsi sebagai organisasi antarabangsa yang mementingkan perlindungan dan pemeliharaan warisan daripada ancaman manusia dan alam semulajadi. Antaranya adalah seperti penyeludupan warisan budaya dan pemerdagangan artifak warisan secara haram.

ICOM dipercayai memainkan peranan penting dalam memberi perlindungan dan pemeliharaan warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Hal ini demikian kerana muzium telah menjadi subjek pengumpulan dan penyimpanan warisan budaya ketara yang telah berdaftar untuk dipelihara dan menjadi tatapan umum. ICOM mempunyai lima misi utama iaitu mewujudkan piawaian yang cemerlang (Kod Etika ICOM untuk muzium), menerajui forum diplomatik (perbincangan tentang isu warisan budaya yang terdiri daripada dari 137 negara dan wilayah), membangunkan rangkaian

profesional (melibatkan lebih daripada 30,000 profesional muzium di seluruh dunia) dan menerajui badan pemikiran global (terdiri daripada 31 Jawatankuasa Antarabangsa yang mewakili bidang pemuziuman) serta menjalankan misi antarabangsa (terutamanya dalam memerangi pemerdagangan warisan budaya dan program kecemasan sekiranya berlaku bencana alam atau konflik bersejata). Selaras dengan misi utama organisasi, ICOM telah bekerjasama dengan UNESCO untuk merangka cadangan yang boleh melindungi dan mempromosikan muzium dalam masyarakat selain memberi sumbangan terhadap pembangunan sektor ekonomi.

Muzium adalah sebuah institusi yang memelihara dan mempamerkan warisan budaya dan alam sekitar kepada orang ramai. Tujuan muzium adalah memberi pengalaman dan pengetahuan tentang sejarah, nilai estetika dan maklumat sosial masyarakat terdahulu. Walau bagaimanapun, selepas pandemik COVID-19 melanda dunia, ia telah menjejaskan masa depan muzium dan kehidupan profesional muzium di seluruh dunia. Pandemik COVID-19 bukan sahaja mempengaruhi aktiviti muzium yang telah dirancang, tetapi ia turut menjejaskan sumber kewangan dan pengurusan muzium. Hal dapat dibuktikan melalui kehadiran pengunjung ke muzium Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Nancy (2021), “di mana berlaku penurunan jumlah pelancong sehingga melebihi 70 peratus pada tahun 2020 dan 2021 susulan pandemik COVID-19”. Selain daripada itu, COVID-19 juga memberi kesan kepada pengurusan dan pentadbiran muzium terutama kepada pekerja dan koleksi muzium. Oleh itu, muzium terpaksa menyesuaikan diri dan merancang pelbagai strategi dalam memastikan muzium dapat beroperasi seperti mana sebelum berlaku pandemik COVID-19.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Muzium merupakan salah satu tempat yang berfungsi sebagai institusi pendidikan dalam menarik perhatian masyarakat untuk mengenali sejarah dan warisan budaya sesebuah tamadun. Kebanyakkan muzium di Malaysia diklasifikasikan mengikut pengumpulan koleksi mereka. Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan merupakan sesuatu perkara penting yang perlu diberikan penekanan kerana memerlukan kerjasama untuk menghargai warisan yang telah ditinggalkan. Industri muzium di Malaysia banyak memberi sumbangan terhadap pembangunan industri pelancongan negara. Pada tahun 2013, sebanyak 189 buah muzium di Malaysia telah ditubuhkan berdasarkan jenis dan ciri-ciri muzium (Ahmad, 2012). Koleksi muzium yang kaya dengan nilai sejarah keistimewaan warisan budaya telah memberi peluang kepada masyarakat tempatan atau luar negara mengunjungi muzium di Malaysia termasuk Muzium Nelayan Tanjung Balau.

Muzium Nelayan Tanjung Balau merupakan salah satu muzium di Malaysia yang memaparkan kehidupan masyarakat nelayan tradisional. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengurus dan mengawal muzium ini. Tanjung Balau dikenali sebagai salah satu pusat pembangunan pelancongan yang paling popular di kalangan pelancong. Pada 20 Ogos 1990, KEJORA telah membina sebuah muzium yang dinamakan sebagai Muzium Nelayan Tanjung Balau yang berkonsepkan seni tradisional Melayu yang direka oleh pakar dari Universiti Teknologi Malaysia. Pengaplikasian seni rekaan tradisional Melayu terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau ini juga dilihat sebagai salah satu strategi KEJORA dalam usaha menarik perhatian pengunjung untuk terus datang ke pusat pelancongan ini. Pada bulan September 1994, Muzium Nelayan Tanjung Balau mula dibuka kepada orang ramai. Bilangan pelancong yang mengunjungi Muzium Nelayan Tanjung Balau ini dilihat



semakin meningkat. Pada 4 Julai 2001, bangunan Muzium Nelayan Tanjung Balau telah siap sepenuhnya dan kemudian muzium ini dirasmikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar, Tunku Mahkota Johor. Koleksi yang terdapat di Muzium Nelayan Tanjung Balau terdiri daripada semua jenis kelengkapan yang diperlukan oleh nelayan untuk turun ke laut. Pengumpulan koleksi Muzium Nelayan Tanjung Balau bertujuan untuk mengenang dan menghargai jasa para nelayan yang telah menjadi penyumbang utama kepada industri makanan di Malaysia (Latif, 2016).

Dalam hal ini, KEJORA telah mengambil inisiatif dengan menambah tiga galeri sebagai satu revolusi yang dapat memberi nafas baru terhadap pembangunan muzium, kerana usia muzium itu telah mencecah 11 tahun sejak tahun 2005. Ketiga-tiga galeri dibina berdasarkan konsep yang sama seperti Galeri Utama yang memperkenalkan sejarah peradaban nelayan tradisional. Muzium Nelayan Tanjung Balau telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Galeri Geologi, Galeri Keselamatan dan Komunikasi Laut serta Galeri juga Kapal Karam Desaru. Penciptaan ketiga-tiga galeri ini bukan sahaja sebagai sokongan kepada Galeri Utama, ia turut mempunyai fungsi yang tersendiri dalam memberi keseluruhan imej Muzium Nelayan Tanjung Balau (Latif, 2016). Persekitaran muzium juga dilihat sentiasa melakukan penambahbaikan terhadap struktur bangunan untuk memberi keselesaan kepada pelancong. Dengan keadaan sedemikian, KEJORA telah memperuntukkan kos sebanyak RM700,000.00 bagi menaiktaraf ruangan hiasan dalaman sekitar tahun 2014 sehingga 2015 bagi menarik lebih ramai pelancong.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang ketara kepada aktiviti muzium di seluruh dunia termasuk sektor perkhidmatan yang melibatkan muzium, galeri, arkib dan perpustakaan. Menurut kajian yang dijalankan oleh *Network of European Museum Organisations* (NEMO) yang bertajuk “Kesan Situasi COVID-19 Ke Atas Muzium Di Eropah”, mendapati kebanyakan muzium di Eropah dan seluruh dunia telah diarah tutup buat sementara waktu, NEMO (2020) telah melaporkan penurunan hasil pendapatan, penyusunan semula pengurusan dan kesan ke atas pekerja muzium serta penggunaan muzium digital juga dibincangkan dalam laporan itu.

Penutupan muzium yang agak lama telah menimbulkan beberapa masalah kepada pengurusan muzium seperti penggunaan koleksi, sumber kewangan dan pemasaran muzium. Sebelum pandemik COVID-19, sumber kewangan muzium diperolehi daripada dana yang diberikan oleh golongan elit atau persendirian, yuran kemasukan pengunjung dan penganjuran aktiviti (Sen, 2020). Hasil daripada pendapatan ini muzium dapat mengadakan program pameran, memperbaharui program kad keahlian, pemeliharaan koleksi warisan dan membayar gaji pekerja (Khashan, 2020).

Selain itu, pengurusan koleksi muzium juga memerlukan penjagaan rapi sepanjang tempoh muzium ditutup. Sekiranya koleksi tidak diberikan perhatian yang khusus, ia akan memberi ancaman kepada artifak yang berada dalam muzium. Mengikut jurnal “Panduan Pembersihan Ruang Koleksi Dan Dalam Warisan Konteks COVID-19”, (2020) barangan koleksi muzium hanya perlu dibersihkan oleh seorang profesional yang terlatih sahaja (Riddell et al., 2020). Koleksi muzium yang telah tercemar dengan

virus COVID-19 perlu diberikan perhatian khusus seperti disanitasi atau dibiarkan selama tempoh tertentu untuk mengurangkan pembiakan virus terhadap koleksi muzium (ICOM, 2020).

Pihak pengurusan muzium juga berhadapan dengan masalah pembangunan aplikasi digital. Sebilangan muzium tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membeli peralatan digital kerana kos perbelanjaan yang agak tinggi. Berdasarkan kajian yang bertajuk “Kesan COVID-19 Terhadap Amalan Data Digital Muzium Dan Galeri Seni Di United Kingdom Dan Amerika Syarikat”, (2021) ia menjelaskan kelebihan pengaplikasian digital adalah sangat banyak dan memudahkan pengurusan muzium dilaksanakan dengan baik (Noehrer et al., 2021). Namun, kekurangan kemahiran digital memburukkan lagi masalah berterusan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi baharu (Newman et al., 2020).

Apabila muzium mengalami kesulitan dalam pembangunan aplikasi digital, ia turut menjejaskan kegiatan mempromosi muzium melalui teknologi maklumat (IT). Terdapat aktiviti muzium yang memerlukan penggunaan Imej Janaan Komputer atau dikenali sebagai *Computer-Generated Imagery* (CGI) untuk mencipta pameran maya yang mampu menarik perhatian pelancong. Dengan keadaan sedemikian, pemasaran muzium akan beroperasi dengan perlahan kerana kekurangan aplikasi digital untuk menjalankan aktiviti promosi secara dalam talian (Knight, 2020).

Masalah yang dihadapi oleh pekerja muzium juga perlu diberikan perhatian dengan sewajarnya. Ini kerana skop kerja yang berlebihan dan terpaksa menerima pelbagai arahan dalam satu masa akan memberi kesan kesihatan pekerja. Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) telah menetapkan mana-mana pekerja yang tidak memerlukan kehadiran di muzium bahawa mereka boleh terus bekerja dari rumah dan perlu mengikuti perkembangan piawaian yang ditetapkan oleh pemerintah di negara masing-masing (Itzkowitz, 2020). Persekitaran pekerja yang terhad dan masalah rangkaian internet memberi kesulitan kepada pekerja untuk berinteraksi dengan sesama rakan sekerja dan pihak muzium.

Dengan keadaan sedemikian, keadaan fizikal dan mental pekerja akan mula terjejas dan pekerja menghadapi kemurungan. Hal ini disokong Mahdavi et al., (2020) di mana pekerja akan mengalami tekanan apabila ruang kerja tidak mencukupi dari pelbagai aspek. Kualiti persekitaran dalaman seperti sistem pengudaraan, kelengkapan pejabat dan faktor pencahayaan sangat mempengaruhi kesejahteraan pekerja. Khususnya, apabila bekerja di lokasi yang tidak sesuai dengan persekitaran bekerja, boleh membawa kepada kesan negatif ke atas kesejahteraan fizikal dan mental pekerja, selain menurunkan prestasi kerja secara keseluruhan (Mahbob NS et al., 2011).

Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti lebih terperinci mengenai impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau dan melihat sejauh manakah muzium ini menangani permasalahan ini daripada terus berlarutan. Oleh itu, adalah tanggungjawab bersama untuk membantu Muzium Nelayan Tanjung Balau sentiasa kembali beroperasi dalam tempoh pandemik COVID-19 ini.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan kajian bagi kajian ini iaitu:

- i. Apakah kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau?
- ii. Bagaimanakah pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau bertindak balas terhadap pandemik COVID-19?
- iii. Apakah peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik COVID-19 terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau?


#### **1.5 Objektif Kajian**

Untuk mencapai matlamat pengkaji, objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau.
- ii. Mengkaji pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau bertindak balas terhadap pandemik COVID-19.
- iii. Menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik COVID-19 terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau.

## 1.6 Lokasi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji terletak di Muzium Nelayan Tanjung Balau Kota Tinggi, Johor. Muzium ini berhampiran Kompleks Pelancongan di mana mempunyai fasiliti yang memberi kepuasan kepada pelancong seperti penginapan, tempat membeli-belah dan aktiviti yang disediakan yang dapat menarik kehadiran pelancong ke lokasi yang dikenali sebagai Desaru. Desaru merupakan kawasan pembangunan wilayah KEJORA yang memberi tumpuan kepada produk pelancongan yang terletak di Bandar Penawar. Berdasarkan peta lokasi yang terdapat pada Rajah 1.1, menunjukkan jarak antara Daerah Kota Tinggi ke Muzium Nelayan Tanjung Balau adalah 50.1 kilometer yang mengambil masa selama 44 minit untuk sampai ke destinasi tersebut. Manakala jarak antara Bandar Johor Bharu ke destinasi Muzium Nelayan Tanjung Balau adalah 88.1 kilometer yang mengambil masa selama satu jam dua puluh minit.



Rajah 1.1: Peta Lokasi Kajian Muzium Nelayan Tanjung Balau Kota Tinggi, Johor

Sumber: Peta Google



## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini membataskan kepada kajian secara terperinci mengenai Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor. Melalui kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Kajian turut mengkaji pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau bertindak balas terhadap pandemik COVID-19. Seterusnya, kajian ini juga membantu menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik COVID-19 terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau. Dari aspek lokasi kajian, pengkaji akan menetapkan skop kajian di mana tertumpu kepada Muzium Nelayan Tanjung Balau, Kompleks Pelancongan di daerah Kota Tinggi, Johor. Pengkaji telah memilih Muzium Nelayan Tanjung Balau ini bagi membantu pengkaji untuk mengumpulkan maklumat dan data mengenai pengurusan muzium.

Bagi pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan data primer iaitu kaedah temu bual bersemuka, soal selidik dan pemerhatian secara langsung. Manakala data sekunder pengkaji telah merujuk kepada sumber internet dan sumber perpustakaan seperti buku, terbitan jurnal, dan sumber yang lain. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kaedah campuran di mana pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Dalam pada itu, pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian yang melibatkan pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji sebelum menjalankan temubual kepada responden yang menepati kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji mendapati saiz populasi terhadap pengunjung Muzium Nelayan Tanjung Balau sepanjang tempoh pandemik adalah seramai 800 orang. Bagi data kualitatif, pengkaji telah memilih lapan orang responden yang terdiri daripada dua orang pekerja muzium dan enam orang komuniti setempat. Manakala data kuantitatif, pengkaji telah berjaya



mengumpulkan seramai 188 orang responden yang melibatkan muzium dan masyarakat yang berhampiran dengan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Setelah menggunakan kedua-dua pendekatan ini, pengkaji menjalankan analisis tematik dan analisis deskriptif yang menggunakan beberapa langkah sebelum mendapatkan hasil keputusan kajian keseluruhan ini.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa kepentingan kajian ini dilakukan. Tujuan kepentingan kajian adalah untuk mengupas isu-isu yang tidak dapat dilihat secara khususnya terutama impak COVID-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau.

### **1.8.1 Kepentingan kepada Individu**

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji dapat meneroka lebih banyak pengetahuan dan pengalaman tentang aspek pengurusan muzium. Kajian ini turut memberi panduan kepada pengkaji untuk berfikir secara kritis dan menilai kewajaran sesuatu idea sebelum mengemukakan fakta atau bukti berdasarkan pemerhatian dalam kajian penyelidikan ini. Pengkaji turut memperolehi pengetahuan yang luas tentang peradaban masyarakat tradisional nelayan dan kisah dunia nelayan yang masih tidak diketahui ramai. Selain daripada itu, kelebihan dan kelemahan dalam kajian ini mendorong pengkaji menyesuaikan diri dalam bidang pemuziuman. Secara tidak langsung, kajian ini memberi peluang kepada individu untuk mengetahui pengurusan muzium secara jelas dan tepat. Sehubungan dengan itu, jenis dokumentari yang menunjukkan gambaran kajian boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji.

### **1.8.2 Kepentingan kepada Masyarakat**

Kepentingan kajian kepada masyarakat diharapkan dapat membantu masyarakat setempat memperkenalkan kewujudan Muzium Nelayan Tanjung Balau kepada masyarakat luar. Kerjasama antara KEJORA bersama masyarakat setempat mempromosikan Muzium Nelayan Tanjung Balau mampu memberi kesan yang positif semasa menghadapi pandemik COVID-19 kerana perkara ini dapat membantu pembangunan ekonomi atau infrastruktur muzium. Tambahan pula, lokasi Muzium Nelayan Tanjung Balau berhampiran persisiran pantai dan terdapat beberapa aktiviti pelancongan yang boleh dilakukan oleh pelancong untuk mengisi masa lapang mereka sambil menambah pengetahuan tentang muzium ini. Pelancong yang ingin mengunjungi muzium diharapkan dapat mengikut Garis Panduan dan Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh negara.

### **1.8.3 Kepentingan kepada Kurator Muzium**

Kepentingan kajian ini turut membantu kurator muzium mengurus Muzium Nelayan Tanjung Balau sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada kurator muzium lain untuk melihat cara muzium mengatasi masalah pandemik supaya muzium dapat beroperasi dengan baik. Kajian ini turut memberi kelebihan kepada kurator muzium untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sistem pengurusan muzium yang tidak pernah terlintas di fikiran mereka. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membantu kedua-dua pihak mengatasi masalah yang dihadapi dan berupaya mencari idea yang bernas untuk kemajuan Muzium Nelayan Tanjung Balau.

## 1.9 Struktur Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi kepada lima bab. Bab Satu kajian ini tertumpu kepada pengenalan awal kajian seperti latar belakang, lokasi kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Pada bahagian bab satu ini, kajian ini memberikan gambaran tentang Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor.

Bab Dua kajian memperjelaskan bahagian sorotan kajian. Sorotan kajian merangkumi penjelasan tentang sejarah dan perkembangan ICOFOM, jenis muzium dan pengurusannya, fungsi muzium yang merangkumi enam perkara turut diuraikan dalam Bab Dua. Selain itu, pengurusan muzium yang terdiri daripada aspek pengurusan koleksi, sumber kewangan dan pemasaran muzium, pandemik COVID-19 dan isu semasa objektif turut dibincangkan di bab ini. Pengkaji juga menggunakan Teori Pengurusan Pentadbiran Henri Fayol untuk melengkapkan hasil kajian ini.

Bab Tiga adalah bab yang menumpukan kepada metodologi kajian. Pengkaji telah menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Dalam bab ini, pengkaji telah menemubual seramai lapan orang responden untuk mengumpulkan data kualitatif dan soal selidik seramai 188 orang responden untuk membantu pengkaji mengumpulkan data kuantitatif. Pengkaji turut menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif bagi mendapatkan hasil dapatan kajian.

Bab Empat adalah adalah bab yang membincangkan dapatan kajian untuk mencapai objektif kajian. Beberapa bahagian telah dikategorikan mengikut kesesuaian tema. Pada bahagian pertama, pengkaji menerangkan data demografi responden. Bahagian kedua adalah kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan muzium, kesan kepada pekerja muzium dan kesan kepada sumber kewangan muzium serta pandemik COVID-19 mempengaruhi pekerja. Bahagian ketiga pula, strategi pengurusan muzium, perubahan pengurusan semasa pandemik, latihan dan pembangunan pekerja serta strategi mesntabilkan sumber kewangan muzium. Bahagian keempat adalah peranan pihak berkepentingan muzium menangani pandemik, peranan kerajaan dan badan bukan kerajaan serta peranan komuniti melestarikan muzium.

Bab Lima adalah bab yang menggambarkan rumusan kepada keseluruhan kajian Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Selain daripada itu, implikasi kepada pengkaji, implikasi kepada bidang pemuziuman dan implikasi kepada masyarakat serta cadangan untuk kajian pada masa hadapan turut disertakan sekali.

## BAB DUA

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab Dua ini terbahagi kepada lapan bahagian utama. Bahagian pertama, menerangkan tentang sejarah dan perkembangan Jawatankuasa Antarabangsa untuk Museologi atau dikenali sebagai *International Committee for Museology (ICOFOM)*. Pada bahagian kedua, pengkaji turut menghuraikan jenis-jenis muzium dan pengurusan berdasarkan pengumpulan koleksi muzium. Bahagian ketiga merujuk kepada fungsi muzium yang terdiri daripada perolehan, penyimpanan, pemeliharaan koleksi muzium, penyelidikan, pameran dan pendidikan diterangkan dengan lebih terperinci. Bahagian keempat, pengkaji menjelaskan tentang pengurusan muzium dari aspek pengurusan koleksi, penjagaan koleksi semasa pandemik, pengurusan sumber kewangan dan pengurusan pemasaran muzium. Sehubungan dengan pengurusan koleksi, definisi kepada pandemik COVID-19 turut dibincangkan di bahagian kelima. Selain daripada itu, di bahagian keenam, pengkaji membincangkan kesan COVID-19 kepada pengurusan muzium dalam tempoh pandemik. Pada bahagian ketujuh, langkah-langkah diambil oleh muzium terhadap kesan pandemik turut dibincangkan. Akhir sekali, pengkaji menggunakan Teori Pengurusan dan Pentadbiran Henri Fayol dalam membincangkan tajuk kajian iaitu Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor.

## 2.2 Sejarah dan Perkembangan International Committee for Museology

Jawatankuasa Antarabangsa untuk Museologi atau *International Committee for Museology* (ICOFOM) telah ditubuhkan pada tahun 1977. Misi utama penubuhan ini adalah mengkaji perkembangan muzium dan profesion muzium, serta peranan muzium kepada masyarakat (International Council of Museums, 2017). Jawatankuasa ini turut menekankan tentang kajian penyelidikan dan pemikiran teori yang melibatkan dunia pemuziuman (Carli et al., 2006). Pengasas pertama ICOFOM adalah Jan Jelinek iaitu bekas Presiden Majlis Muzium Antarabangsa dan Pengarah Muzium Kemanusiaan di Brno, Czechoslovakia. Penubuhan ICOFOM turut dibantu oleh Zbynek Z. Stransky dan Vinos Sofka yang merupakan ahli jawatankuasa yang banyak memberi sumbangan kepada organisasi ini.

Zbynek Z. Stransky ialah salah seorang tokoh penting dalam dunia muzik, dan namanya berkait rapat dengan kebangkitan muzik sebagai satu disiplin. Stransky menjadi ahli pertama ICOFOM yang diberi kepercayaan oleh Jan Jelinek untuk menjadi salah seorang ahli yang paling berpengaruh. Peranan yang dimainkan oleh Zbynek Z. Stransky dalam pembangunan museologi adalah sangat besar, kerana kebanyakan aktivitiya tertumpu kepada pembangunan disiplin ilmu dalam sistem akademik (Mairesse, 2016). Stransky telah berusaha untuk memberi definisi kepada beberapa konsep terutamanya proses musealisasi dan museografi untuk memberikan pemahaman yang lebih baik tentang pengurusan muzium secara spesifik. Selain daripada itu, Vinos Sofkas Sweden merupakan pakar ahli muzium dan juga pengerusi kepada ICOFOM pada tahun 1982 sehingga 1989 telah banyak memberi sumbangan idea mengenai muzium. Kepimpinan dinamik yang diberikan oleh pengerusi Vinos Sofkas Sweden, ICOFOM telah menetapkan matlamat untuk membuat persediaan mengembangkan ilmu pemuziuman

yang berkaitan dengan sains dalam struktur akademik di seluruh dunia (Mensch, 2016). Tujuan beliau mengembangkan perubuhan ICOFOM adalah untuk memupuk cara pemikiran masyarakat terhadap muzium dunia dan museologi adalah perkara yang berbeza. ICOFOM juga memanfaatkan karya penyelidikan dengan berusaha menyusun semula dokumen kajian untuk digunakan sebagai garis panduan dan ilmu penyelidikan mengenai muzium.

Kemunculan ICOFOM memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai makna 'muzium' yang dianggap sebagai tempat pengumpulan barangan bersejarah yang seringkali dikunjungi oleh pengunjung (Mairesse, 2018). Oleh yang demikian, ICOFOM telah membentuk Perikatan Serantau yang dianggotai oleh Amerika Latin, Kepulauan Caribbean, Asia dan Pasifik dalam dialog antara budaya dan wilayah. Perikatan Serantau ini turut menggunakan lingua Bahasa dalam memberikan ilmu dan pemahaman tentang tujuan dan nilai-nilai yang ada pada muzium dari masa lalu, kini dan masa hadapan (Karen, 2018). Berdasarkan Artikel 3 Bahagian 1 ICOM, menjelaskan muzium sebagai institusi yang tetap dan bukan hanya bergantung kepada keuntungan semata-mata (ICOM, 2017). Tetapi, fungsi muzium adalah berkongsi kepada umum mengenai perkembangan warisan, pemuliharaan dan pemeliharaan objek sejarah dan warisan budaya serta mempamerkan khazanah warisan. Muzium juga menjadi tempat pendidikan, sumber penyelidikan dan keseronokan kepada umum (ICOM, 2007). Penyelidikan ICOFOM menggunakan pelbagai bahasa dalam memberi definisi muzium untuk menunjukkan bahawa hubungan muzium dan masyarakat adalah berbentuk dua hala yang melambangkan kepelbagaian di antara benua.



Majlis Muzium Antarabangsa atau *International Council of Museum (ICOM)* telah membentuk sebuah Jawatankuasa Definisi Muzium, Prospek dan Potensi atau *Museum Definition, Prospects and Potentials (MDPP)* untuk memasuki proses penilaian semula terhadap ICOFOM. Jawatankuasa tetap MDPP telah dilantik oleh Lembaga Eksekutif ICOM untuk memberi maklum kepada muzium tentang penilaian terhadap perkembangan ICOFOM (Sandal, 2019). Bagi meluaskan wilayah pada peringkat antarabangsa, MDPP telah menggunakan ICOFOM LAC (Amerika Latin dan Caribbean) dan ICOFOM ASPAC (Asia dan Pasifik) di bawah kepimpinan kuat Olga Truevtseva dan Hildegard Vieregg untuk bersama-sama terlibat dalam misi pertukaran budaya antara wilayah dan dialog pelbagai bahasa. Jawatankuasa kecil di serantau ini telah menyediakan sokongan dan latihan kepada mereka yang berminat dengan kerja ICOFOM tetapi tidak berpeluang untuk menghadiri mesyuarat tahunan. Tambahan pula, peranan mereka telah menjadi sebahagian daripada aktiviti ICOFOM sejak ia diterbitkan.

Isu pertama Kertas Kerja Museologi diterbitkan pada tahun 1980 dan 1981, diikuti oleh Siri Penyelidikan ICOFOM tahunan atau *ICOFOM Study Series (ISS)*, yang berjumlah beberapa ribu halaman muka surat dan boleh didapati dalam talian di laman web ICOFOM. Secara amnya, ISS telah menerbitkan kertas kerja yang dibentangkan di bengkel ICOFOM. Pada tahun 2007, Lembaga Editorial ICOFOM telah menjalankan semakan terhadap kertas kerja yang dihantar untuk diterbitkan. Pada tahun 2010, ICOFOM telah melakukan penerbitan semula Konsep Utama Museologi yang telah diterjemahkan kepada 8 bahasa dan menjadi ciri utama "Ensiklopedia Museologi" yang diterbitkan pada tahun 2011. Dengan berbuat demikian, maka Kamus Ensiklopedia setebal 722 halaman ini telah dapat dihasilkan. Kamus ini kaya dengan artikel subjek

mencukupi seperti menggambarkan hasil kerja yang dimulakan oleh ICOFOM pada tahun 1993 (Armand, 2011).

### **2.3 Jenis-Jenis Muzium Dan Pengurusannya**

Muzium diklasifikasikan sebagai pengumpulan koleksi yang menyediakan bahan warisan arkeologi, sejarah dan budaya. Terdapat lima jenis muzium utama iaitu muzium umum, muzium sejarah dan sains, muzium sains dan teknologi, muzium sejarah dan muzium seni serta muzium maya (Talib, 2015). Kewujudan muzium maya menggambarkan koleksi muzium yang dirakam secara digital dan gambaran berbentuk grafik 3D (Lau, 2011). Jenis muzium ditubuhkan adalah berdasarkan sifat koleksi dan sejarah latar belakang yang berbeza. Banyak muzium dibentuk mengikut sumber pembiayaan yang disediakan oleh negeri, majlis perbandaran atau kumpulan swasta (Matassa, 2011). Muzium ini terdiri daripada pelbagai koleksi dan pamerannya. Masing-masing mempunyai ciri dan keperluan khas tersendiri. Berikut adalah beberapa jenis muzium yang disenaraikan.

#### **2.3.1 Muzium Umum**

Muzium Umum atau *general museum* dikenali sebagai muzium yang mempunyai koleksi warisan lebih daripada satu subjek. Muzium Umum telah dikategorikan sebagai muzium yang menggunakan pendekatan multidisiplin. Pada sekitar abad ke-18 sehingga awal abad ke-20 sebilangan besar daripada koleksi peribadi di muzium merupakan cerminan kepada perkembangan ilmu yang berlaku di sekeliling masyarakat (Britannica, 2012). Sebagai contoh, Muzium Negara Kyoto mempunyai koleksi warisan yang menggambarkan hubungan budaya melalui perdagangan. Antara koleksi yang terdapat di Muzium Negara Kyoto adalah patung dan lukisan Buddha, tembikar, buku bersejarah, baju besi dan

senjata seperti pedang dan pakaian peperangan. Koleksi ini memaparkan karya seni dari Asia Timur seperti Jepun dan China dapat menarik lebih ramai pengunjung menghayati nilai warisan tersebut (Hillary, 2015).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Erhardt (1997), pengurusan Muzium Umum menitikberatkan pemilihan suhu dan kelembapan kawasan persekitaran. Tujuan ini untuk memastikan persekitaran muzium sentiasa seimbang bersama koleksi warisannya. Suhu dan kelembapan yang terhad di persekitaran Muzium Umum boleh mengganggu ketidakelesaian pengunjung, kerana koleksi yang terlalu padat akan memberikan ruang keselesaan agak sempit. Selain daripada itu, suhu dan kelembapan relatif adalah berbeza daripada faktor persekitaran yang lain kerana ia boleh menimbulkan kerosakan pada bahan warisan jika penjagaan koleksi tidak diberikan. Koleksi muzium turut dibahagikan kepada empat kategori yang berbeza (Waller, 2016). Pertama, koleksi warisan yang tidak sensitif kepada kelembapan relatif. Sebagai contoh, sesetengah seramik secara teorinya boleh dihidratkan semula. Kedua, peninggalan bahan warisan yang memerlukan kelembapan relatif rendah, mungkin nilai suhu dalam keadaan normal seperti suhu bilik dari 20 ° C hingga -15 ° C. Ketiga, bahan warisan yang memerlukan suhu berada dalam julat tertentu. Keempat, bahan sejarah yang bertindak balas kepada perbezaan kelembapan relatif. Justeru, muzium seharusnya menitikberatkan ruang persekitaran dan koleksi supaya tidak menimbulkan kerosakan artifak yang berada dalam muzium.

### 2.3.2 Muzium Sejarah dan Sains Semula Jadi

Muzium Sejarah dan Sains Semula Jadi merujuk muzium yang mementingkan koleksi daripada alam semulajadi. Koleksi terdiri daripada spesimen tumbuhan, haiwan, batu, mineral dan fosil. Muzium-muzium ini dibina berdasarkan semangat individu terkemuka yang berpengalaman semasa Zaman Pembaharuan dan Zaman Pencerahan (Britannica, 2012). Mengikut kajian yang dijalankan oleh Bennett (2005), muzium sejarah dan sains semula jadi mempunyai beberapa fungsi iaitu penyelidikan, pendidikan sejarah dan sains serta pameran geologi. Tujuan pembinaan muzium dapat melahirkan lebih banyak tentang pengetahuan sains melalui gabungan koleksi yang unik, kepakaran pendidikan ilmiah dan awam serta disiplin ilmu museologi yang lebih luas mengenai sejarah dan sains.

Penyelidikan terhadap spesimen sumber semula jadi ini telah diwujudkan oleh beberapa muzium terawal antaranya Muzium Ashmolean di Oxford, England, Muzium British di London dan Muzium Nasional Sejarah Semulajadi di Paris (Britannica, 2012). Label spesimen biasanya mengandungi maklumat berikut: nama pengumpul, jenis organisma, tarikh dan lokasi pengumpulan (Rogers, 2016). Butiran ini selalunya ditulis tangan pada abad ke-18 atau ke-19 dan agak sukar untuk dibaca. Walau bagaimanapun, label biasanya tidak mengikut sebarang format dan piawaian boleh mengakses melalui institusi yang mempunyai laman web rasmi. Dalam sesetengah kes, format label mungkin tidak wujud dalam satu koleksi muzium sahaja. Penulisan yang menggunakan tulisan tangan pada abad ke-18 dan ke-19 telah diaplikasikan kepada pendigitalan untuk melakukan proses pengumpulan spesimen pada masa kini (Rogers, 2016). Seawal tahun 1960, muzium didapati telah memindahkan katalog dan maklumat pegangan mereka ke dalam pangkalan data komputer. Sebagai contoh, Akademik Sains California di San

Francisco sedang berusaha untuk mewujudkan konsep digital keseluruhan koleksi herbarium mereka (Petersson et al., 2012). Justeru, koleksi yang melibatkan konsep semula jadi ditukarkan kepada digital untuk memudahkan pengunjung mengakses laman rasmi muzium dengan lebih pantas dan menjimatkan masa.

### **2.3.3 Muzium Sains dan Teknologi**

Muzium sains dan teknologi adalah muzium yang berkaitan dengan kemajuan saintifik dan menyimpan bukti fizikal yang berkaitan dengan teknologi dan juga pendidikan sains (Britannica, 2012). Muzium ini telah mewujudkan beberapa jenis muzium yang berorientasikan sains dan teknologi serta bertanggungjawab menyediakan pameran yang tepat dan seimbang supaya dapat memberi inspirasi kepada pengunjung. Muzium yang memberi tumpuan kepada subjek khusus seperti muzium udara dan angkasa, muzium sains atau pusat sains, muzium industri dan juga muzium pengangkutan yang sering merangkumi komponen teknikal yang besar (Xiaoqi et al., 2011). Sebagai contoh, Muzium Sains dan Teknologi di Universiti Patras Yunani merupakan muzium universiti yang berfungsi sebagai tempat pembelajaran dan rekreasi. Muzium adalah tempat masyarakat berinteraksi sosial dengan hubungan di luar muzium seperti penglibatan persatuan dalam komuniti setempat dan organisasi luar (Kelly, 2006).

Selain daripada itu, Muzium Sains dan Teknologi Digital China juga menampilkan koleksi dan artifak melalui pelbagai platform media sosial (Jiancheng, 2020). Hal ini membolehkan pengurusan dapat dilaksanakan dengan mudah terutama dalam tempoh pandemik COVID-19. Bagi mengekang penularan ini, Muzium Sains dan Teknologi Digital China telah melancarkan program "Muzium Sains Tindakan Bersama Kebangsaan" untuk menghimpunkan institusi pendidikan, industri multimedia dan

perhubungan luar bandar untuk membentuk satu siri program sains popular dalam talian (Jiancheng, 2020). Dengan ini, muzium dapat menawarkan pendidikan dalam talian dan menggunakan Teknik sains untuk membantu rakyat memerangi pandemik COVID-19.

#### **2.3.4 Muzium Seni**

Muzium seni adalah muzium yang memberi tumpuan dalam karya seni mulai dari lukisan, gambar, patung, foto, dan lain-lain, yang boleh dipisahkan menjadi ruang kecil yang dipanggil galeri (Anderson, 1999). Muzium seni bukan hanya sekadar meletakkan barangan hasil seni, ia turut digunakan sebagai tempat persembahan muzik, filem, video dan teater untuk membantu mempromosikan seni dan penghayatan seni (Britannica, 2012). Kandungan galeri biasanya akan mengandungi karya yang mempunyai gaya yang serupa, sederhana atau lukisan yang dimiliki oleh artis seni. Ruangan kecil yang disediakan di dalam muzium berfungsi sebagai ruang meletakkan seni visual bagi menggantikan galeri seni. Kerosakan yang terdapat pada karya seni biasanya pakar konservator akan menggunakan kemahiran dan teknik mereka untuk memulihkan karya kembali dalam keadaan asal. Misalnya, dua ahli muzium profesional barat yang telah Berjaya adalah Henry Watson Kent (1866-1948) dan Alfred Hamilton Barr (1902-1981) (Seibert et al, 2017). Henry Watson Kent merupakan individu yang aktif dalam bidang muzium selama tempoh 35 tahun. Sumbangan beliau kepada Muzium Seni Metropolitan di New York sangat banyak sehingga muzium ini berkembang dengan jayanya.

Berikutan tempoh pandemik COVID-19, Muzium Seni telah diarahkan untuk tutup buat sementara waktu. Program yang melibatkan pameran, penjualan hasil karya dan kelas seni terpaksa dibatalkan dan tarikh berkenaan akan dibincangkan semula



bersama ahli muzium (Texeira et al., 2020). Implikasi daripada itu, muncul idea percetakan 3 Dimensi atau 3D dalam dunia seni untuk menghidupkan semula karya seni yang memberi penekanan terhadap warisan budaya. Pembangunan 3D untuk kesinambungan muzium mendedahkan sesuatu pengalaman yang baru tentang karya seni yang asli yang boleh membawa interaksi bersama dengan muzium (Tissen et al., 2021). Bagi memastikan teknologi tangkapan permukaan 3D sesuai untuk situasi tertentu, adalah penting untuk memahami tujuan dan niat pendokumentasian objek muzium (Claire, 2012). Interaksi antara cahaya dan permukaan sesuatu objek adalah penting kerana ia menentukan sejauh mana objek itu dirakam. Ini kerana penglibatan kos kewangan biasanya berkaitan dengan masa dan kemahiran yang diperlukan oleh editor (Julianne, 2012). Dari perspektif percetakan 3D, Tissen (2021) menjelaskan bahawa pandemik COVID-19 telah membuka peluang untuk menilai semula tentang kepentingan pengeluaran semula untuk seni asli dan cara ia boleh membantu mengekalkan muzium seni dalam persekitaran budaya kami yang berubah dengan pantas.

### **2.3.5 Muzium Maya**

Muzium Maya adalah hasil gabungan konsep muzium tradisional dengan penggunaan multimedia dan teknologi komunikasi internet (Jinjian, 2007). Perkembangan muzium maya bermula pada tahun 1970 yang masih menggunakan perisian pangkalan data museografik kemudian beransur-ansur menggunakan *Videotex* pada tahun 1980. Pada tahun 1990, penggunaan multimedia bersama mikro-filem mula berlaku perkembangan (Ollivato, 2016). Proses ini menunjukkan muzium maya sentiasa melakukan penambahbaikan dalam sistem digital untuk memberikan kualiti yang tinggi dan kepuasan kepada orang ramai.



Fungsi muzium maya merujuk kepada objek dan lawatan muzium seperti lawatan maya tanpa pemandu, persembahan objek di muzium dan pandangan objek yang berbentuk dalam 3D (Sanva, 2019). Muzium maya berperanan menawarkan lawatan digital untuk membolehkan pengunjung menyelami koleksi muzium tanpa mengira batasan waktu, lokasi dan sempadan geografi. Berikutan tempoh pandemik COVID-19, Muzium Maya memberi peluang kepada pengunjung untuk bersama-sama berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai muzium yang sebenar. Teknologi boleh membawa pengunjung dengan lebih dekat kepada seni melalui pameran maya, atau memberikan lebih banyak maklumat tentang objek, lukisan dan karya seni di muzium. Kejayaan sebuah muzium maya juga diukur berdasarkan jumlah kunjungan ke laman web ini (Gabriella, 2001).

## **2.4 Fungsi Muzium**

Muzium adalah tempat perkhidmatan awam yang mengendalikan objek pameran dan pemeliharaan koleksi. Ia mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap objek warisan dan masyarakat. Sumbangan muzium bukan sahaja dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, malah imej dan keterlihatan muzium turut memberi hiburan kepada masyarakat untuk memahami sejarah warisan tersebut (Kumar, 2006).

### **2.4.1 Perolehan Koleksi Muzium**

Pengumpulan koleksi muzium bermula sejak penemuan artifak yang dijumpai oleh penyelidik arkeologi melalui penggalian dan penerokaan. Ahli arkeologi yang menjalankan aktiviti penggalian peninggalan sejarah dan warisan budaya sejak berabad

lalu (Avrami et al., 2000). Koleksi yang dijumpai akan melalui proses penyelidikan sebelum ia disimpan dan dipamerkan di muzium. Pengumpulan koleksi dilakukan bertujuan mempersembahkan nilai warisan yang terdapat pada koleksi muzium dan cara ini mampu memberi inspirasi dan pengetahuan kepada mereka tentang sejarah dengan lebih meluas (Avrami et al., 2000). Koleksi muzium turut boleh digunakan sebagai bahan rujukan dan penerbitan seperti jurnal, buku, multimedia, kajian penyelidikan, program pendidikan dan aktiviti pameran. (Getty Publications, 2019).

Nilai sejarah yang diambil daripada koleksi atau spesimen perlu dipertimbangkan sebelum dipamerkan secara terbuka kepada orang ramai kerana koleksi sampel itu penting kepada warisan (Rumsey, 2020). Sebagai contoh, Muzium Sejarah Alam Semulajadi di London, United Kingdom telah menyimpan koleksi geologi seperti mineral dan spesimen tumbuh-tumbuhan yang telah dianggap sebagai koleksi terbesar di dunia. (Rumsey, 2020). Berbeza dengan Muzium Sains Perubatan London, pemerolehan bahan muzium di Muzium Sains Perubatan hanya tertumpu pada peralatan yang membimbangkan kesihatan dunia, yang kemudiannya akan disimpan dan direkod. Misalnya, Muzium Sains banyak mempamerkan koleksi yang terdiri daripada sampel Ebola yang melanda dunia sekitar tahun 2014 kepada orang ramai (Emmens et al., 2021). Tujuan pameran untuk memberikan gambaran yang unik tentang usaha ahli perubatan memerangi penyakit yang merebak dengan cepat dan tidak mempunyai alatan perubatan yang mencukupi. Tambahan pula, pengumpulan koleksi yang digunakan untuk membasmi wabak Ebola memberikan beberapa cabaran yang serius kepada para penyelidik.

Berikutan tempoh pandemik COVID-19 pada masa ini, Kurator Perubatan di Muzium Sains mula mengumpul maklumat tentang COVID-19 pada Februari 2020. Koleksi yang dikumpul, bahan arkib untuk perubatan dan data penyakit COVID-19 yang direkodkan dijangka memberikan pengalaman kepada pekerja muzium. Ini kerana untuk mendapatkan kutipan data berskala besar, kaedah yang bersesuaian perlu digunakan untuk mendapatkan data tersebut (McEnroe et al., 2021). Tambahan pula, pandemik COVID-19 ini adalah jangkitan baru yang perlu dikenal pasti dalam tempoh agak lama. Dengan kata lain, pengumpulan data untuk COVID-19 mungkin berubah dan perlu dipertimbangkan semula dari semasa ke semasa.

#### **2.4.2 Penyimpanan Koleksi Muzium**

Muzium berfungsi sebagai ruang simpanan yang menjadi perhatian utama bagi kebanyakan muzium di seluruh dunia kerana terkandung koleksi sejarah dan warisan budaya (Simon, 2014). Simpanan koleksi yang berlebihan dan terlalu padat akan memberikan risiko kepada koleksi sedia ada dan boleh memberi kesan kepada kemasukan koleksi muzium yang baharu. Antara kerosakan yang boleh didapati pada koleksi dan artifak termasuk kecuaiian pengendalian, serangan makhluk perosak yang tidak dapat dikesan, pencurian atau salah meletakkan tempat (Hugh H. et al., 2013). Sehubungan dengan itu, pekerja muzium perlu memastikan ruang koleksi berskala besar mempunyai sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik serta persekitaran yang bersih untuk mengelakkan berlaku kerosakan disebabkan kehadiran perosak. Ini kerana serangga yang merosakkan koleksi adalah sangat kecil sehingga sukar untuk dilihat. Koleksi dan artifak selalunya disimpan dalam kotak atau kabinet tertutup untuk memberi perlindungan kepada koleksi tersebut.

Tambahan pula, muzium mempunyai ruang galeri yang terhad dan kehadiran orang ramai yang mengunjungi muzium mempengaruhi keupayaan operasi muzium berjalan seperti biasa. Oleh hal demikian, adalah lebih baik muzium hanya memaparkan jenis objek atau koleksi tertentu untuk dipersembahkan kepada orang ramai. Ini kerana koleksi muzium hanya dikhususkan untuk kepentingan tertentu seperti pembelajaran, pameran dan penyelidikan (Mottus, 2014). Justeru, ruang penyimpanan muzium mestilah cukup untuk menampung jumlah dan pelbagai objek, spesimen, dan bahan arkib dalam koleksi muzium. Dengan berbuat demikian, muzium mempunyai ruang yang cukup untuk menampung koleksi selama sepuluh tahun akan datang (Museum Handbook, 2012).

#### **2.4.3 Pemeliharaan Koleksi Muzium**

Fungsi muzium adalah untuk memelihara objek warisan yang terpilih. Kurator yang bertanggungjawab ke atas muzium harus memahami bahawa tidak ada spesimen yang akan bertahan selama-lamanya. Tetapi, apa yang dilakukan muzium adalah memanjangkan jangka hayat objek (Pavlogeoratos, 2002). Pemeliharaan peninggalan atau artifak budaya perlu mengambil kira keadaan sekeliling muzium. Kehadiran muzium arkeologi ini sebenarnya membantu melindungi artifak daripada kerosakan akibat cuaca semula jadi. Ini dapat dilihat dalam ratusan muzium arkeologi yang dibuka di China, lebih daripada 50 masih dalam pembinaan (Watson et al., 2013). Pemeliharaan koleksi muzium ini membantu mengekalkan sejarah dan warisan sejak berabad-abad yang lalu. Matlamat utama memelihara koleksi muzium adalah untuk memelihara sebarang objek yang masih wujud, dan memastikan fizikal objek sentiasa terpelihara (Frantz & Sara L, 2007). Program perlindungan dan pemeliharaan koleksi yang berkesan akan meminimumkan kos keperluan rawatan pemeliharaan yang mahal. Bagi memastikan koleksi sentiasa dijaga dengan baik, satu perancangan khusus perlu diwujudkan untuk membahagikan

tugas kepada pekerja seperti penetapan jadual rutin pekerja, penyelarasan program pameran, perbelanjaan penyelenggaraan muzium, tanggungjawab kakitangan dalam menyusun semula data pengumpulan koleksi dan pengawasan kerja-kerja mengumpul koleksi muzium.

Terdapat langkah perlindungan diperlukan untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan pada objek muzium (Phillip R, 1986). Pertama, sentiasa menjalankan pemantauan dan kesan alam sekitar seperti cahaya, kelembapan relatif, suhu dan pencemaran udara. Kedua, semak dan rekod keadaan objek dengan kerap mengikut kitaran yang ditetapkan. Ketiga, mengawal alam sekitar. Sekiranya koleksi dipengaruhi oleh keadaan persekitaran, adalah lebih baik menempatkan koleksi itu di tempat yang sesuai. Keempat, mewujudkan Pengurusan Perosak Bersepadu atau dikenali sebagai *Integrated Pest Management* (IPM) di muzium dan juga ruang simpanan koleksi. Kelima, cuba mempraktikkan teknik pengendalian, penyimpanan, pameran, pengemasan dan teknik pembungkusan serta penghantaran yang betul. Keenam, menggabungkan maklumat yang diperlukan dan mematuhi piawaian Koleksi Muzium dalam Pelan Pengurusan Kecemasan. Sehubungan dengan itu, pemeliharaan koleksi perlu mengikut piawaian dan kriteria yang telah ditetapkan. Dengan berbuat demikian, segala koleksi dan artifak yang dipersembahkan melalui pameran akan sentiasa dipelihara dan diberikan pengawasan dengan sewajarnya.

#### **2.4.4 Sumber Penyelidikan**

Muzium juga berfungsi sebagai tempat penyelidikan kepada generasi muda. Penerbitan seperti jurnal ilmiah dan buku-buku yang dimiliki oleh muzium, membolehkan pelajar

melakukan penyelidikan ke atas objek tertentu untuk mengetahui lebih lanjut tentang keunikan koleksi (Miller, 2003). Penyelidik sering pergi ke muzium untuk menggunakan koleksi yang terdapat di muzium berkenaan. Sebagai contoh, pada tahun 2002, Jabatan Entomologi di Muzium Sejarah Alam Nasional Smithsonian Institution telah menerima kunjungan sebanyak 266 pengunjung iaitu selama 3663 hari untuk menggunakan sumber muzium sebagai objek penyelidikan mereka (Miller, 2003). Koleksi entomologi di Sains Akademik California kini mempunyai sekitar 750,000 spesimen yang dipinjamkan ke lebih dari 40 negara (Norman, 2003).

#### **2.4.5 Pameran Muzium**

Pameran adalah medium atau komunikasi visual yang menghubungkan institusi muzium dengan masyarakat. Pameran juga mempunyai fungsi yang penting kepada muzium untuk mengumpul dan menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat tentang warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi. Sehubungan dengan itu, jumlah bilangan pengunjung pada setiap hari adalah berbeza mengikut cuti umum atau hari biasa. Kebiasaan muzium akan mengadakan pameran secara besar-besaran apabila menjelang cuti umum yang mana orang ramai mula mengisi masa terluang mereka untuk mengunjungi muzium tersebut. Pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak muzium memberi peluang kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang ditawarkan. Tambahan pula, persepsi orang ramai terhadap sesebuah muzium selalunya berdasarkan pengalaman mereka tentang pameran di dalamnya. Ini kerana pameran yang berada dalam muzium kaya dengan sejarah dan warisan yang masih belum diketahui oleh pengunjung. Bagi pengunjung yang meminati sejarah atau koleksi lama, mereka akan merasai pengalaman itu dengan sesuatu perasaan yang tidak dapat digambarkan di luar muzium.



Selain daripada itu, pameran yang dianjurkan oleh muzium mempunyai tujuan yang berbeza. Pekerja muzium akan menggunakan koleksi asli sebagai objek untuk dipamerkan di mana memberi inspirasi atau perkongsian maklumat kepada pengunjung. Dengan berbuat demikian, mereka akan terhibur dengan pameran objek dipamerkan mengikut kreativiti pihak muzium (Kapukotuwa, 2020). Justeru, bagi mewujudkan pameran yang mampu menarik tarikan pengunjung, pekerja muzium boleh menambah pengetahuan saintifik dan teknologi baharu supaya dapat mengaplikasikan muzium bersemuka kepada muzium maya. Penggunaan teknologi baharu akan menjadikan pameran dan galeri muzium lebih menarik dan menyeronokkan untuk pengunjung.

#### **2.4.6 Sumber Pendidikan**

Muzium juga berfungsi sebagai institusi pendidikan bagi setiap generasi (Bayram, 2014). Terdapat beberapa sekolah menengah dan universiti merujuk muzium sebagai tempat belajar mereka seperti perbincangan berkumpulan, rujukan penyelidikan atau penglibatan diri dalam aktiviti muzium. Pelajar juga boleh menggunakan koleksi muzium sebagai panduan pembelajaran yang lebih nyata dan jelas. Mereka boleh menulis maklumat tambahan yang jarang mereka jumpai di buku teks atau pembelajaran (Hein, 2004). Muzium adalah tempat yang memberikan pengalaman hidup yang berbeza kepada para pelajar. Sebagai contoh, pembelajaran yang berkaitan dengan drama kreatif berupaya mengajar mereka menggunakan emosi untuk memberi penghayatan kepada penonton.

Selain itu, koleksi muzium juga membolehkan pelajar memberikan perhatian terhadap dunia penulisan seperti buku fiksyen yang menyingkap sejarah masa lalu (Latife,



2014). Dengan cara ini, pelajar dapat memahami evolusi sejarah manusia dan warisan budaya dengan lebih baik melalui koleksi yang dipamerkan di muzium tersebut. Pelajar juga boleh memikirkan secara terperinci mengenai sesuatu peristiwa atau menilai masa lalu dengan perspektif hari ini dengan berempati dengan orang-orang yang hidup di zaman itu.

## **2.5 Pengurusan Muzium**

Pengurusan muzium ditakrifkan sebagai tindakan yang memastikan segala pentadbiran muzium berjalan dengan lancar sesuai dengan bidang kerja muzium (Ricardo, 2013). Pengurusan muzium di Malaysia memfokuskan kepada pemeliharaan warisan budaya dan susunan pentadbiran muzium (Hasan, 2016). Pengurusan muzium adalah kerja yang kompleks kerana ia perlu berurusan dengan setiap organisasi atau pemasaran muzium. Muzium adalah seperti semua organisasi yang mempunyai struktur organisasi formal dan budaya tempat kerja tidak formal (Moore, 1994). Ini kerana aspek-aspek berkenaan melibatkan masa hadapan muzium untuk terus memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Gabungan Amerika Syarikat, Eropah dan Asia serta Organisasi Warisan Budaya atau *Cultural Heritage Organisations* (CHO) bersama-sama memastikan sistem pengurusan maklumat muzium dapat menjana inovasi dan menerima maklumat budaya supaya dapat dihebahkan kepada orang ramai (Chifley, 2001). Pengurusan muzium harus memberi tumpuan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kerana muzium memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang permuziuman. Orang ramai juga telah menjadikan muzium sebagai tempat di mana mereka boleh mencari inspirasi untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan. Banyak muzium memaparkan koleksi sejarah dan warisan budaya dalam talian yang berupaya menarik keinginan pengunjung untuk melawati muzium tersebut.

Peter Howard (2003) menyatakan bahawa ramai masyarakat berminat untuk menjadi sukarelawan di muzium kerana mereka berminat untuk menimba pengalaman dalam bidang pemuziuman. Pengurusan muzium juga melibatkan aspek pemasaran sebagai sumber pendapatan tambahan atau pekerjaan yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan. Strategi yang boleh meningkatkan hasil pendapatan termasuk mengenakan bayaran kemasukan pengunjung seperti yuran keahlian (*membership fees*), program pendidikan berbayar dan kedai cenderamata. Program keahlian boleh membentuk sekumpulan orang untuk membantu menyebarkan maklumat tentang muzium (Howard, 2003).

Pengurusan muzium pada masa kini lebih relevan dan bertanggungjawab sebagai pemeliharaan budaya dan tempat masyarakat berkumpul untuk berinteraksi dengan koleksi muzium. Namun, dengan adanya teknologi maklumat sebagai sumber komunikasi semasa, fungsi muzium dianggap semakin mencabar (Deladelle, 2001). Oleh itu, pihak

pengurusan muzium perlu memikirkan tindakan dan pendekatan yang berkesan untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada bagi menghadapi cabaran masa depan muzium.

### **2.5.1 Pengurusan Koleksi**

Koleksi telah wujud lebih lama daripada muzium (Simmons, 2010). Pendokumentasian koleksi mungkin bermula sebagai senarai katalog sejour selepas sistem tulisan dibangunkan pada era Mesopotamia sekitar 3200 SM. Konsep muzium moden memberi gambaran tentang pembelajaran yang dikatakan berasal dari Mousai yang telah berkembang pesat di Alexandria antara 330 hingga 30 SM (Findlen, 1989). Mousai merujuk kepada sekumpulan dewi yang dipercayai telah memberi inspirasi dalam penghasilan sastera, sains dan seni. Mereka boleh dianggap sebagai sumber pengetahuan yang terkandung dalam puisi, lirik dan mitos berkaitan dengan lisan (Guiovanna, 2013). Meskipun koleksi dikatakan telah menjadi sebahagian daripada muzium selama beratus-ratus tahun, pengurusan koleksi masih kelihatan sebagai satu profesion yang agak baru kerana konsep akreditasi diperkenalkan pada awal tahun 1970. Akreditasi ditakrifkan sebagai pengiktirafan rasmi terhadap sesuatu kursus pengajian atau sebagainya setelah memenuhi segala kriteria atau syarat yang ditetapkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Dari segi sejarah, pengurusan koleksi telah menjadi salah satu peranan penting yang perlu dikendalikan oleh kurator dan pembantu yang terlatih (Matassa 2011). Pengurusan koleksi merangkumi pemerolehan, penyertaan, pendaftaran, katalog, penjagaan, penggunaan (untuk tujuan pameran, pendidikan dan penyelidikan), pelupusan objek dan spesimen serta maklumat berkaitan, persekitaran keselamatan koleksi,

pemeliharaan dan penyimpanan koleksi (Sharon et al., 2013). Muzium yang mempunyai koleksi harus mematuhi beberapa etika dan piawaian yang telah digariskan oleh ICOM dalam aspek pengumpulan koleksi ini. Sebagai contoh, Muzium Nelayan Tanjung Balau memperolehi koleksi dalam beberapa kaedah seperti kaedah pembelian, hadiah, pinjaman dan sumber lain (Latiff, 2016). Sebelum melakukan proses pembelian, beberapa aspek perlu diberi penekanan di antaranya kos perbelanjaan dan tujuan pembelian koleksi dari peringkat awal sehingga koleksi itu dapat diperolehi. Pihak muzium juga perlu mengenalpasti tahap keaslian sesuatu koleksi sebelum melakukan pembelian. Koleksi itu mesti mempunyai sejarah atau keunikan koleksi tersebut (Latiff, 2016).

#### **2.5.1.1 Penjagaan Koleksi Semasa Pandemik COVID-19.**

Jangkitan COVID-19 bukan sahaja mempengaruhi kesihatan manusia ia turut memberi kesan kepada koleksi dan artifak muzium. Sekiranya koleksi muzium tidak dijaga mengikut garis piawaian yang telah ditetapkan, koleksi akan menjadi tempat pembiakan virus sehingga menimbulkan kerosakan kepada koleksi tersebut (Kampf et al., 2020). Virus COVID-19 boleh hidup dalam jangka masa yang berbeza-beza bergantung kepada jenis bahan. Berdasarkan artikel dalam *Journal of Hospital Infection* (2020) menjelaskan bahawa tempoh virus hidup di permukaan logam dan seramik adalah lima hari, permukaan kayu mengambil masa empat hari, permukaan kertas dan kaca boleh empat hingga lima hari.

Koleksi yang berada dalam beg plastik yang berkunci zip dan diperbuat daripada polipropilena, pembiakan virus boleh hidup selama enam hingga sembilan hari. Pembiakan virus juga boleh hidup selama dua hingga 12 hari terhadap koleksi yang diperbuat daripada batu (Bender et al., 2020). Oleh itu, terdapat beberapa langkah pengasingan dan pembasmian kuman terhadap koleksi muzium. Pertama, muzium perlu ditutup untuk mengelakkan kehadiran orang ramai dalam satu tempoh masa tertentu. Ini termasuk setiap bahagian atau seksyen muzium ditutup, pekerja diwajibkan kuarantin dan meninggalkan bangunan selama 9 hari. Kedua, pengasingan objek juga boleh dilakukan kepada beberapa peringkat. Pekerja muzium boleh menggunakan beg plastik gaya zip, saiz liter, saiz gelen saiz dua gelen dan saiz lima gelen. Bagi objek yang kecil boleh dimasukkan ke dalam beg plastik gaya zip yang perlu dua kali ganda, kemudian labelkan dengan maklumat objek, tarikh dan tujuan pembungkusan (Clifford et al., 2020).

Sekiranya pengasingan koleksi muzium tidak dapat dilaksanakan, pekerja muzium perlu mengambil tindakan untuk melakukan pembersihan dan pembasmian kuman (Doremalen et al., 2020). Pertama, jangan lakukan aktiviti pembasmian kuman berskala besar atau keseluruhan ruang muzium tanpa mengetahui kesan kepada objek muzium. Bagi melakukan pembasmian kuman, adalah lebih baik sekiranya mempunyai pakar atau profesional muzium untuk mendapatkan penerangan lebih terperinci. Kedua, jangan gunakan peluntur pada permukaan koleksi yang sensitif. Ini kerana sesetengah peluntur mempunyai natrium klorida yang dioksidakan kepada bahan garam natrium yang boleh menimbulkan kerosakan terhadap permukaan. Jangka panjang koleksi yang diperbuat kayu dan logam akan mudah terjejas disebabkan peluntur ini. Justeru, setiap langkah dimulai perlu diambil perhatian. Ketiga, pembersihan perlu menggunakan sabun cucian yang lembut seperti sabun cecair *Ivory* atau *Orvus* kerana ia lebih lembut kepada

permukaan koleksi. Sabun cecair itu perlu diletakkan dalam botol semburan. Kemudian, basahkan tuala kertas dengan cecair semburan itu dan lap pada permukaan koleksi muzium atau persekitaran ruang muzium. Hadkan jumlah air atau kain pembersihan untuk mengelakkan kerosakan pada bahan bersejarah.

Manakala, bagi koleksi yang melibatkan permukaan bata seperti seramik dan ia perlu dibersihkan dengan sabun dan air. Kemudian koleksi itu dibersihkan dengan alkohol Isopropanol atau larutan alkohol gosok yang sekurang-kurangnya 70% alkohol gosok. Alkohol boleh digunakan pada beberapa permukaan seperti serpihan marmar, batu kapur, atau lantai terrazzo. Jangan gunakan alkohol gosok pada kayu, kerana ia boleh merosakkan kemasan. Secara keseluruhan, pemeliharaan koleksi dicadangkan untuk melakukan pengasingan pertama dan koleksi terpenting selama 9 hari. Jika benar-benar tidak boleh mengasingkannya, gunakan sabun dan larutan air untuk membersihkan. Bagi permukaan bata, ia boleh menggunakan alkohol yang mempunyai larutan 70% seperti Isopropanol yang mempunyai nama lebih kurang sama. Tetapi perlu berhati-hati dengan permukaan dan kemasan yang sensitive (Bender et al., 2020).

### **2.5.2 Pengurusan Sumber Kewangan**

Pengurusan sumber kewangan menjadi salah satu peranan penting bagi setiap organisasi badan kerajaan atau organisasi persendirian. Begitu juga kepada pengurusan kewangan muzium yang memerlukan pengawalan dan pemerhatian yang teliti supaya sumber yang diperolehi tidak disalahgunakan oleh organisasi dan individu tertentu. Semua muzium mesti menguruskan dana yang mereka terima dengan cara yang berkesan. Muzium mesti mengemukakan bajet belanjawan, cadangan pembiayaan, melaporkan segala permasalahan yang melibatkan penderma, mengendalikan penjualan item dan



merekodkan yuran kemasukan dengan tepat serta mengurus gaji dan cukai kakitangan (Ndalelwa, 2015). Aktiviti muzium bergantung kepada pendapatan yang diperolehi dan sumbangan awam atau swasta (Santoni et al, 2006). Pelbagai jenis pendapatan utama muzium yang boleh diperolehi antaranya peruntukan dari organisasi, pendapatan yang diperolehi seperti hasil pameran dan aktiviti muzium, pembelian geran awam atau swasta yang melibatkan koleksi muzium, sumbangan atau dana yang diberikan, penajaan yang diterima hasil kerjasama, dan dana wakaf yang disumbangkan oleh individu tertentu (Toepler dan Dewees, 2005).

Keupayaan sumber kewangan sesebuah institusi bergantung kepada pengurusan yang baik bagi operasi kewangannya. Walau bagaimanapun, pengurusan pembiayaan yang telus dan boleh dipercayai juga penting untuk muzium membina kepercayaan dengan komuniti yang mereka berkhidmat. Sekiranya komuniti diminta untuk mendermakan barang atau koleksi kepada muzium, adalah sangat penting bagi mereka untuk mempercayai muzium dan mengetahui bahawa ia adalah organisasi yang bertanggungjawab (Ashipala, 2015). Muzium juga memerlukan sistem untuk memastikan semua pendapatan dan perbelanjaan dikira dan direkod dalam sistem, kemudian melakukan semakan terhadap imbangan aliran keluar masuk kewangan muzium. Dengan keadaan sedemikian, adalah penting mewujudkan sistem pengurusan kewangan untuk memudahkan muzium mengawasi dan mengawal pendapatan, perbelanjaan dan asetnya. Tujuan ini untuk memaksimumkan keuntungan dan memastikan pengendalian sumber kewangan muzium terus beroperasi untuk masa hadapan (Ndalelwa, 2015).



### **2.5.3 Pengurusan Pemasaran**

Muzium ini mewujudkan hubungan antara warisan budaya negara dan kehidupan kontemporari. Perubahan teknologi dan sosial telah mendorong pembangunan strategi pemasaran baharu yang membolehkan komunikasi dua hala mengubah hubungan muzium dengan penontonnya (McClellan, 2012). Walau bagaimanapun, muzium adalah organisasi bukan untuk keuntungan, mereka perlu menjana tahap pendapatan muzium yang mencukupi melalui pelbagai sumber yang berbeza, termasuk kedai muzium, penerbitan, kafe dan acara, untuk terus aktif dan bersaing dengan muzium yang lain. Pemasaran dalam bidang muzium biasanya melibatkan hubungan muzium dengan orang ramai. Bagi komuniti seperti pelawat, rakan kongsi keahlian muzium dan penderma dianggap sebagai pengguna, dan bukannya menggunakan istilah "khalayak atau umum" (Kotler et al., 2008). Pekerja muzium yang bekerja dalam pemasaran termasuk kurator, pereka pameran, pendidik, dan profesional adalah orang yang mencipta dan menggunakan visi mereka untuk memutuskan cara memasarkan muzium supaya pengunjung mudah tertarik dengan pendekatan pemasaran mereka (Kotler et al., 2008). Tambahan pula, pemasaran muzium memfokuskan lebih daripada perhubungan dengan pelawat untuk memudahkan komunikasi antara muzium dan pihak berkepentingan muzium lain, seperti ahli lembaga pengarah, agensi pembiayaan, penyelidik, pihak berkuasa tempatan dan media (Rentschler dan Reussner, 2002).

### **2.6 Pandemik COVID-19**

Pandemik Coronavirus 2019 atau COVID-19 didefinisikan sebagai penyakit berjangkit yang disebabkan oleh *Coronavirus Novel-2019* (2019-nCoV) dengan sindrom pernafasan yang teruk (Cennimo, 2021). Penyakit COVID-19 mula dikenal pasti di bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China di mana bilangan kes yang mengalami gejala pernafasan adalah

antara yang tertinggi (Cenimo, 2021). Pengisytiharan pandemik COVID-19 sebagai pandemik global yang menjejaskan kesihatan global pertama kali disebut selepas penyakit influenza H1N1 yang mula menular pada tahun 2009 (World Health Organization, 2020). Sebagai langkah berjaga-jaga, satu kenyataan rasmi berhubung COVID-19 telah dikeluarkan bagi mengekang penularan penyakit itu berterusan kepada manusia. Pandemik COVID-19 sememangnya telah memberi kesan kepada kehidupan seharian, perniagaan, mengganggu aktiviti perdagangan dan pergerakan dunia. Sebilangan besar ekonomi terkemuka di seluruh dunia telah mula melaksanakan *lockdown* dan hanya memberi tumpuan kepada permintaan produk dan perkhidmatan yang penting sahaja (Kumar, 2020). Kamus Cambridge (2021) mendefinisikan '*lockdown*' sebagai situasi di mana orang ramai tidak dibenarkan masuk atau keluar dari bangunan atau kawasan secara bebas kerana kecemasan.

Gejala pandemik COVID-19 telah mewujudkan krisis global yang memberi kesan besar kepada semua sektor terutama ekonomi. Dari sudut ekonomi khususnya sektor pelancongan, menunjukkan kerugian yang dihadapi paling banyak meningkat. Perkembangan industri pelancongan pada abad ke-21 juga dilihat terpaksa berhadapan dengan situasi global yang tidak stabil ini (Bruce, 2006). Ini turut disokong oleh *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO) atau Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2020), yang menjelaskan pelancongan masa kini merupakan sektor yang paling terjejas kerana negara zon merah terpaksa menyekat perjalanan bagi mengekang penularan penyakit COVID-19. Kesan ekonomi di Malaysia adalah dua kali ganda yang menjadi kesan langsung daripada impak COVID-19 ke atas negara yang mempunyai hubungan ekonomi dengan industri pelancongan (Cheng, 2020). Pada tahun 2019, jumlah kehadiran pelancong di Malaysia sebelum pandemik COVID-

19 adalah seramai 26,100,784 orang dan berlaku penurunan ketara kepada 21,847,787 orang pada pertengahan 2020 (Chan, 2021). Sektor pelancongan di Malaysia memainkan peranan penting untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan perbelanjaan asing untuk produk dan perkhidmatan di Malaysia. Sekiranya jumlah pelancong terus menurun, sebahagian industri pelancongan terpaksa ditutup kerana kerugian yang tidak tertanggung oleh syarikat atau organisasi kerana tidak dapat membayar gaji pekerja.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, industri pelancongan banyak menyumbang kepada pendapatan ekonomi negara dari pelbagai aspek seperti rangkaian hotel, pusat pelancongan dan syarikat pengangkutan. Institusi warisan seperti muzium, galeri, arkib dan pusat seni warisan turut sama mengalami kerugian kewangan kerana perlu mematuhi tindakan kuarantin antarabangsa (Medina, 2020). Pusat komuniti Internet dan pembangunan digital perlu diutamakan, terutamanya di negara yang masih mempunyai jaringan muzium yang rapuh (Harris, 2021). Majlis Muzium Antarabangsa atau *International Council of Museums (ICOM)* telah bertindak balas dengan pantas dalam menangani isu rangkaian internet yang dihadapi beberapa muzium semasa pandemik COVID-19. Tambahan pula, jaringan rangkaian internet untuk memudahkan pengurusan muzium dilaksanakan dengan baik tanpa menghadapi sebarang gangguan internet. Muzium turut berperanan menyediakan tempat khusus seperti tempat pengumpulan koleksi, kajian penyelidikan, memberi pendidikan dan pengalaman masyarakat dalam kunjungan alam maya sebagai sebahagian aktiviti mereka semasa menghadapi *lockdown* (Romano, 2020).

Dalam pada waktu yang sama, muzium masih boleh meningkatkan fungsi sosial dan menyusun semula aktiviti yang boleh melindungi warisan sejarah dan budaya. Situasi pandemik COVID-19 yang masih lagi dalam fasa pemulihan ini memberi peluang kepada muzium untuk mengambil langkah yang bijak bagi mempromosi muzium. Misalnya, muzium mengadakan program secara dalam talian seperti wacana Muzium Diraja, webinar bicara ilmu dan pameran hasil karya melalui laman web rasmi (Muzium Negara, 2020). Selain daripada itu, muzium juga boleh mengambil peluang ini dengan melakukan aktiviti pengubahsuaian atau penambahbaikan semula bangunan bagi menampilkan keistimewaan muzium berkenaan. Dengan berbuat demikian, pengunjung boleh melibatkan diri dalam program *Virtual Museum Tour* di mana kurator mempamerkan koleksi di sekitar muzium menggunakan video maya (Romano, 2020). Meskipun koleksi dan artifak telah dipaparkan secara dalam talian di laman rasmi muzium, perkara ini tidak menghalang pihak muzium untuk menambah koleksi bahan-bahan sejarah atau artifak untuk melestarikan semula muzium ini.

Kelebihan mencipta acara permainan di muzium memberikan lebih banyak peluang untuk menggunakan platform digital ini semasa pandemik COVID-19, terutamanya untuk berkongsi pendidikan dan hiburan dalam permainan seperti *Animal Crossing*. Aktiviti interaktif yang menarik juga boleh memberikan pengetahuan dan kepuasan kepada pengunjung dalam talian dan bersemuka pada masa hadapan (Richardson, 2021). Kakitangan muzium memainkan peranan penting bagi menggunakan idea mereka dengan bijak untuk memastikan muzium terus beroperasi. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh pegawai muzium profesional merupakan salah satu sumber asas yang penting untuk pembangunan mana-mana muzium. Ini kerana

mereka bertanggungjawab menerangkan sejarah pameran atau menjawab soalan pengunjung yang datang melawat muzium.

## **2.7 Kesan COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium**

Pandemik COVID-19 telah menjadi penghalang kepada kegiatan sosial muzium. Cabaran sepanjang tempoh pandemik telah memberi impak yang besar kepada muzium seperti kehilangan pendapatan pelancongan, bilangan pelawat antarabangsa semakin berkurangan, pembuangan pekerja, penangguhan aktiviti sosial seperti pameran lukisan pelukis profesional dan kekurangan peruntukan kewangan daripada pihak penyumbangan dana (Shuvro, 2020). Muzium yang paling terjejas disebabkan COVID-19 adalah muzium swasta kerana sumber pendapatan bergantung menerusi pengunjung yang datang ke muzium seperti yuran kemasukan, yuran keahlian dan peruntukan dana yang diberikan oleh penderma.

Berdasarkan pandangan profesional muzium terhadap pandemik COVID-19 yang memberi penjelasan tentang implikasi kepada kehidupan profesional muzium sepanjang tempoh sektor pelancongan ditutup demi menjaga keselamatan bersama (Bruno, 2020). Selepas tahun 2012, peningkatan jumlah muzium adalah sebanyak 60% daripada tempoh sebelum ini. Sehubungan dengan itu, impak pandemik COVID-19 telah memberi kesukaran kepada bentuk perkembangan muzium di seluruh dunia (Carlsson, 2020). Pelbagai andaian dan persepsi yang muncul yang menyatakan meskipun muzium diarahkan tutup pada sementara waktu ada kemungkinan muzium diramalkan akan tutup secara kekal.

Apabila banyak muzium mula ditutup, perasaan terancam dan kerisauan pekerja yang mula timbul apabila memikirkan mereka akan kehilangan pekerjaan dalam tempoh pandemik ini. Rangkaian Organisasi Muzium Eropah (2020) juga menyatakan bahawa muzium harus mengurangkan perbelanjaan mereka dengan mengurangkan pembayaran gaji kepada pekerja dan program sukarelawan. Dengan berbuat demikian, muzium mampu menampung segala perbelanjaan daripada mengalami kerugian yang sangat besar. Bagi mengelakkan kehilangan pekerjaan, pekerja mula terpaksa mengikuti arahan daripada majikan untuk mula bekerja dari rumah dalam satu tempoh tertentu. Sekiranya mereka mengingkari arahan itu, kemungkinan mereka akan hilang pekerjaan yang dipegang pada masa ini (Hadley, 2020).

Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda dunia, sebahagian besar muzium di bandaraya New York ditutup buat sementara waktu. Negara Amerika Syarikat juga enggan menetapkan dasar yang boleh mencegah pemberhentian pekerja atau tindakan yang boleh melindungi institusi warisan budaya daripada kesan COVID-19 (Bruno, 2020). Biarpun keadaan pandemik COVID-19 di sesetengah negara mula beransur pulih, segala kegiatan aktiviti muzium harus mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh UNESCO dan ICOFOM. Tambahan pula, beberapa muzium didapati mula menggunakan semburan pembasmi kuman di kawasan persekitaran muzium untuk mencegah penularan COVID-19. Penggunaan pembasmi kuman perlu diberi perhatian dengan sebaiknya terutama melibatkan objek muzium dari pelbagai material yang memerlukan proses tertentu. Sebilangan koleksi sejarah dan warisan budaya amat berbahaya kepada penggunaan cecair semburan pembasmi kuman ini (Asnawi, 2020).



## 2.8 Langkah-Langkah Diambil Oleh Muzium Terhadap Kesan Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 yang sedang melanda global telah memberi kesan yang ketara terhadap muzium awam dan swasta. Situasi ini telah menyebabkan berlaku penurunan pengunjung ke muzium dan juga penangguhan program yang telah dirancang sebelum ini. Justeru, muzium mula mengambil beberapa perancangan strategi untuk memastikan pengunjung masih boleh melakukan aktiviti bersama muzium melalui platform media yang disediakan. Melalui penggunaan media digital atau media sosial dapat meningkatkan jumlah penyertaan pengguna berbanding dengan muzium tradisional (Choi, 2021). Situasi seperti ini memberi peluang kepada organisasi muzium untuk mengambil kesempatan mengembangkan strategi mereka supaya muzium dapat mudah diakses di peringkat global (Keates, 2020). Dengan mewujudkan pameran dalam talian ini dapat menghiburkan penonton dan memberi inspirasi kepada mereka (Elassar et al., 2020).

Kurator dan kakitangan muzium boleh menggunakan media dalam talian untuk memastikan muzium itu sentiasa beroperasi dan dapat memberi kepuasan kepada pengunjung secara maya. Dengan cara ini, pihak muzium akan mulai menyedari bahawa sumber peruntukan khas untuk penyelenggaraan bangunan boleh ditukarkan kepada pembangunan koleksi digital dengan lebih cekap (Arnold, 2020). Muzium Auckland juga membuka pintunya dan memainkan peranan mereka untuk membantu memulihkan bandar Auckland. Semasa penutupan muzium sementara waktu, Muzium Auckland telah beroperasi secara dalam talian supaya dapat menyokong sistem pendidikan dan ekonomi yang sedang pulih ketika itu. Tindakan ini dapat menghubungkan penduduk Auckland dan masyarakat global berkomunikasi dengan Muzium Auckland. Laman web muzium



Auckland juga menyediakan pelbagai aktiviti seperti pertandingan bercerita, video dan teka-teki yang telah dikemaskini secara berkala. Kurator muzium Auckland juga memainkan peranan dengan merakam aktiviti yang dianjurkan, mengumpulkan bahan dan budaya sosial untuk tujuan penyelidikan, pameran atau perdebatan pada masa hadapan (David, 2020).

Program dalam talian dapat memberikan hubungan yang baik di antara pekerja yang melibatkan diri dalam kajian budaya seperti penyelidik, seniman, novelis, pendidik, penganjur atau pembuat filem untuk bersama-sama bertindak secara profesional mempertahankan industri hiburan dan kesenian ini (Shelton, 2020). Bagi menarik minat pengunjung, muzium perlu menayangkan semula pameran digital, mengadakan aktiviti berkumpulan, program pengucapan awam, perbincangan webinar, lawatan maya atau aktiviti yang berinovatif yang dapat memberi penghayatan kepada pengunjung (Nicola, 2020). Pameran dalam talian merangkumi pameran tetap, pameran sementara, dan pertunjukan pelancongan popular yang baru-baru ini dibawa ke China dari pelbagai negara seperti pameran budaya Mesir, yang jarang diambil oleh muzium China (Linda, 2020). Masyarakat Cina juga telah disediakan pameran secara maya, permainan dalam talian, dokumentari atau konsert dalam talian untuk mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti berfaedah. Program latihan untuk kakitangan profesional muzium juga sering diadakan secara dalam talian. Pihak muzium China berpendapat melalui perkhidmatan dalam talian dapat mengumpulkan merakam peristiwa tragis atau sejarah China untuk dijadikan rujukan masa hadapan (Jiang, 2020).

Teknologi maya yang menghasilkan ruang galeri tiga dimensi atau dikenali sebagai 3D memberi peluang kepada pengunjung untuk meneroka, meneliti pameran melalui teks atau media yang berkaitan ke ruang galeri secara alam maya (Chris, 2020). Sebagai contoh, Muzium Sejarah Korea menggabungkan aplikasi panduan pameran dengan menggunakan kod QR untuk memberikan maklumat mengenai koleksi yang terkumpul dalam arkib digital di lokasi muzium tersebut. Aplikasi, seperti 'Smarty' dari Galeri Nasional di London, memainkan peranan yang serupa. Meskipun data yang terkumpul melalui percubaan tersebut telah membentuk jaringan pembelajaran muzium sejak tahun 2000-an, kesan pandemik COVID-19 telah memberikan peluang untuk menunjukkan maklumat secara dalam talian (Choi, 2021).

Muzium Seni Moden dan Kontemporari Nasional Korea membuka muzium seni dalam talian pada April 2020. Dengan wujudnya muzium seni ini, ia memudahkan kakitangan muzium menerangkan maklumat mengenai rangkaian pembelajaran yang disediakan di ruang dalam talian seperti program taklimat daripada pakar dalam bidang yang berkaitan (Kim, 2021). Oleh kerana banyak maklumat diberikan dari perspektif yang berbeza, pemandu pelancong memainkan peranan penting dalam menerangkan pelbagai koleksi yang terdapat di muzium. Pensyarah dari universiti juga boleh mengupas mengenai isu-isu tertentu yang berkaitan dengan objek dan koleksi muzium bersama pihak muzium. Para konservator dapat menyampaikan maklumat secara saintifik mengenai penemuan baru dan perincian koleksi. Ini dapat mempelbagaikan perspektif masyarakat umum dalam melihat koleksi seterusnya dan secara langsung merangsang imaginasi sejarah pengguna dan melengkapkan penghargaan mereka (Kim, 2021).

## 2.9 Teori Pengurusan dan Pentadbiran Dalam Pengurusan Muzium

Pengurusan muzium biasanya dilakukan oleh kakitangan yang berbeza di bawah arahan dasar muzium dan pentadbiran. Kakitangan muzium termasuk pengarah dan kurator perlu mengendalikan pengurusan itu sendiri kerana pengurusan muzium tidak mempunyai pengurus yang khusus (Adam, 2009). Pendekatan pengurusan selalu digunakan dalam organisasi yang paling berjaya seperti profesional muzium atau dikenali sebagai Pengarah Muzium atau Galeri. Ini adalah kerana pengurusan muzium menggunakan fungsi yang diberikan Fayol kepada pengurusan tanpa menyedari bahawa mereka menggunakan pendekatan klasiknya.

Teori pengurusan pentadbiran merupakan teori yang diwujudkan oleh Henri Fayol yang bertanggungjawab membina asas teori pengurusan moden. Teori ini menjelaskan bagaimana pengurus harus mengatur dan berinteraksi dengan kakitangan. Pengkaji menggunakan teori pengurusan pentadbiran ini untuk mengaitkan hasil kajian bersesuaian dengan objektif pengkaji yang mementingkan aspek pengurusan muzium semasa menghadapi pandemik COVID-19. Muzium juga seperti organisasi lain yang bertujuan untuk mencapai kecekapan dan keberkesanan dalam pentadbiran. Keberkesanan ini akan menghasilkan impak kepada masyarakat kemudian dihubungkan dengan dasar tertentu yang akan disokong oleh muzium (Gault et al; 2013).

Prinsip analisis Henri Fayol terdiri daripada lima elemen utama iaitu Merancang (*Planning*), Menyusun (*Organizing*), Mengetuai (*Leading*), Menyelaraskan (*Coordinating*) dan Mengawal (*Controlling*). Perancangan dapat dibahagikan kepada tujuh elemen. Seorang pengurus harus merancang atau mengembangkan objektif, ramalan, program, dasar, jadual, prosedur dan anggaran. Seterusnya ini dilanjutkan

dengan pengorganisasian yang terdiri dari pengembangan struktur organisasi dan hubungan sesama pekerja. Kepimpinan juga dibahagikan mengikut aspek iaitu memberi arahan kepada kakitangan atau pegawai, menyediakan tempat latihan dan bimbingan supaya pekerja sentiasa bermotivasi, menjalankan pemantauan dan pengawasan serta pembuat keputusan terhadap sesuatu perbincangan. Selain daripada itu, pengurus mesti bertindak menyelaraskan prosedur dan aktiviti yang dilakukan oleh syarikat supaya pentadbiran organisasi dapat dijalankan dengan sempurna. Seterusnya, pengawalan pula memiliki empat elemen iaitu menetapkan piawaian organisasi, mengukur kreadibiliti, menilai dan memperbaiki segala perbincangan dan permasalahan yang berlaku. Penggunaan teori Henri Fayol juga boleh dikatakan membawa kepada pemikiran yang logik. Pendekatan ini biasanya banyak digunakan dalam bidang muzium sekitar tahun 1950 sehingga akhir tahun 1970. Walau bagaimanapun, muzium pada masa ini telah kurang menggunakan pendekatan Henri Fayol disebabkan pengurusan dan pentadbiran yang berbeza.

## **2.10 Rumusan**

Fenomena COVID-19 adalah sesuatu yang sangat membimbangkan oleh semua peringkat global kerana kesan begitu mendalam kepada kegiatan ekonomi termasuk pengurusan muzium. Perbincangan sorotan kajian tentang impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan muzium dibicarakan melalui rujukan hasil kajian tempatan dan luar negara. Pada bahagian Bab Dua ini, pengkaji telah menjelaskan sejarah dan perkembangan ICOFOM, jenis-jenis muzium dan pengurusannya, fungsi muzium, pengurusan muzium yang merangkumi pengurusan koleksi, sumber kewangan dan pemasaran serta perkembangan pandemik COVID-19 pada masa kini. Kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan muzium dan langkah yang diambil untuk membendung pandemik

ini turut dibincangkan menggunakan sorotan kajian lepas. Pengkaji turut menerangkan pengaplikasian Teori Pengurusan dan Pentadbiran Henri Fayol yang dijadikan sebagai panduan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini. Justeru, sorotan kajian yang digunakan sebagai panduan diharapkan dapat memberi lebih banyak pengetahuan di samping menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

ETKW

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab Tiga menerangkan tentang kaedah kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian mengenai impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau di Kota Tinggi, Johor. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan lebih terperinci mengenai kaedah yang digunakan dalam metodologi kajian. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah campuran yang melibatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Melalui kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan temu bual separa berstruktur dan pemerhatian secara langsung. Manakala kaedah kuantitatif pula, pengkaji menggunakan soal selidik mengumpulkan responden yang dapat memberi perkongsian dan pandangan mengenai Muzium Nelayan Tanjung Balau. Selain itu, pengkaji menggunakan pensampelan kajian bukan kebarangkalian yang melibatkan pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Bagi analisis data, pengkaji menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif untuk mencapai objektif kajian.

#### 3.2 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran

Pendekatan kajian membolehkan pengkaji menjalankan kajian dengan lebih terperinci untuk mendapatkan data yang mencapai kepada objektif kajian. Justeru, pengkaji menggunakan kaedah campuran yang melibatkan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif bagi membantu mengumpulkan data dalam kajian impak pandemik COVID-19

kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah campuran merujuk kepada kaedah inkuiri yang melibatkan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif. Gabungan kedua-dua pendekatan ini mampu memberikan pemahaman yang lebih lengkap tentang persoalan kajian berbanding kaedah lain sahaja.

Kaedah kuantitatif sentiasa melibatkan kesahan, kebolehpercayaan, dan objektif. Pendekatan jenis ini lebih cenderung untuk diterangkan, digeneralisasikan daripada contoh khusus atau sampel ujian. Kaedah kuantitatif mempunyai ciri yang dibahagikan kepada tiga peringkat asas iaitu mencari pembolehubah untuk konsep, memanipulasinya dalam penyelidikan, dan mengukur tahap kebolehpercayaan data. Rata-rata pengkaji berminat untuk mengenal pasti hubungan antara pembolehubah, melakukan perbandingan antara hubungan dan sebab data diperolehi, menguji hipotesis dan teori, menggunakan statistik untuk mentafsir data berangka, dan triangulasi berdasarkan penemuannya (Dolowitz et al., 2008). Dalam pendekatan kuantitatif ini, kaedah pengumpulan data yang biasa digunakan adalah melalui soal selidik, tinjauan web, pemerhatian tingkah laku menggunakan senarai semakan dan ukuran prestasi menggunakan ujian pencapaian (Vanderstoep & Johnston, 2009).

Kaedah kualitatif melibatkan kajian yang mendalam tentang kumpulan seperti temu bual, kumpulan fokus, pemerhatian, nota lapangan, ulasan literatur, dan analisis kandungan. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif bertujuan untuk memahami, menerangkan dan menjelaskan fenomena sosial dari perspektif orang dalam meneliti dan menganalisis pengalaman individu, kumpulan, interaksi dan dokumen (Gibbs, 2007). Kebiasaan pengkaji melibatkan diri dengan sesuatu topik kemudian berinteraksi dengan



mereka yang terlibat dalam proses penyelidikan untuk mendapatkan pandangan orang dalam tentang fenomena tersebut. Pendekatan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri dan agak berbeza dengan pendekatan kuantitatif. Kelebihan utama data kualitatif adalah menggunakan strategi yang pelbagai untuk menghasilkan keputusan yang lebih positif dan menyeluruh (Badzis, 2020).

### **3.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Sumber data atau maklumat yang diperolehi dalam penyelidikan dapat diklasifikasikan kepada data primer dan data sekunder. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan dua kaedah pengumpulan data dalam kajian impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau.

#### **3.3.1 Sumber Data Primer**

Pengumpulan data primer digunakan untuk tujuan kajian bagi mendapatkan maklumat yang boleh diperolehi secara langsung atau pengalaman pengkaji. Data primer biasanya boleh menjadi proses yang panjang tetapi pada masa yang sama dapat memberi maklumat yang banyak dalam menjalankan kajian (Valcheva, 2021). Sumber data primer yang paling popular terdiri daripada tinjauan, soal selidik, temu bual, pemerhatian, kumpulan fokus dan kajian kes. Pengumpulan data primer hanya boleh dikumpulkan oleh pengkaji sahaja dan tidak boleh dikongsi dengan orang lain. Ini kerana maklumat yang diperolehi adalah sulit dan perlu dielakkan daripada pengkaji yang lain yang turut menjalankan kajian bersama-sama.

### 3.3.2 Sumber Data Sekunder

Data sekunder merupakan kaedah penyelidikan yang menggunakan data yang sedia ada. Data sekunder merangkumi bahan penyelidikan yang telah diterbitkan dalam laporan penyelidikan dan dokumen yang lebih serupa. Kaedah kajian menggunakan data sekunder ini dilihat lebih jimat kerana tidak memerlukan proses seperti data primer (Secondary Research, 2021). Data sekunder mungkin termasuk dalam data yang sebelum ini dikumpulkan dan kemudian dipertimbangkan untuk digunakan kembali bagi mengumpulkan maklumat (Vartanian, 2010). Bagi memastikan data-data yang dikumpulkan mempunyai sokongan yang jelas, pengkaji akan menggunakan data sekunder seperti buku-buku atau kajian-kajian literatur yang boleh menyumbang kepada perolehan maklumat kajian dari sumber sedia ada. Kaedah ini juga akan membantu pengkaji membuat penambahan yang mungkin mempunyai maklumat yang tidak mencukupi.

#### a. Kajian Perpustakaan

Maklumat yang diperolehi daripada buku menjadi salah satu sumber yang boleh mengukuhkan data dengan fakta yang sedia ada. Apabila mencari maklumat daripada sumber ini, pengkaji perlu mendapatkan maklumat tentang tajuk buku tersebut. Maklumat ini boleh didapati daripada bibliografi umum seperti buku perpustakaan. Pengkaji harus memastikan bahawa kata kunci yang digunakan terhadap sesuatu topik tidak terlalu sempit dan perlu mengembangkan dalam kategori yang berbeza untuk memastikan proses carian berjalan dengan lancar (Awang, 2013). Selain daripada buku, pengkaji boleh menggunakan jurnal, dasar polisi kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi mendapatkan lebih terperinci berkaitan dengan organisasi di luar. Jurnal adalah satu-satunya sumber

maklumat terbaik untuk penyelidikan, kerana terdapat beribu-ribu penerbitan yang merangkumi hampir setiap topik. Justeru, pengkaji menggunakan kajian perpustakaan adalah untuk melihat cara pengurusan muzium dalam menyelesaikan pelbagai masalah.

#### b. Kajian Internet

Sistem pencarian maklumat berkomputer menggunakan pangkalan data memberi kepuasan kepada pengkaji untuk mengakses dengan lebih cepat bagi mendapatkan dari pelbagai sumber maklumat yang diperlukan (Bohanon, 2016). Melalui carian computer, pengkaji boleh menggabungkan topik yang berkaitan dengan kajian penyelidikan (Zainudin Awang, 2013). Misalnya, pengkaji menggunakan laman web yang menyediakan kajian penyelidikan seperti laman *Science Direct* yang boleh dimuat turun melalui laman *Sci-hub*, *Z-library* yang mengumpulkan E-buku dari setiap tahun dan juga *Open Knowledge Maps* yang mengeluarkan kajian yang saling berkaitan. (Bohanon, 2016).

### 3.4 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merupakan teknik pengumpulan data bagi mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap kajian yang khusus. Pengkaji menggunakan kaedah ini adalah berdasarkan jenis maklumat yang dicari, siapa pemberi maklumat dan keadaan kawasan kajian untuk mendapatkan data yang kukuh. Oleh itu, terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau.

### 3.4.1 Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan pendekatan kualitatif. Kaedah ini biasanya pengkaji melakukan temu bual separa berstruktur bersama responden untuk mendapatkan maklumat yang sesuai dengan objektif kajian. Kepentingan temu bual juga dapat menyumbangkan pengetahuan baru kepada pembaca atau pengkaji yang lain (Kvale, 1996). Temu bual bersemuka separa berstruktur boleh membantu pengkaji mengemukakan lebih banyak soalan kepada responden. Sebelum temu bual dimulakan, pengkaji akan menjelaskan objektif kajian, meminta kerjasama, dan memberi jaminan bahawa data diberikan oleh responden hanya untuk tujuan penyelidikan dan maklumat tersebut dirahsiakan.

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual bersemuka separa berstruktur kepada lapan orang responden iaitu seorang kurator muzium, seorang pembantu muzium dan enam orang komuniti setempat. Berikutan tempoh pandemik ini, pergerakan pengkaji untuk menjalankan temu bual secara bersemuka adalah terbatas. Justeru, pengkaji telah menggunakan temubual dalam talian seperti aplikasi *Google Meet* kepada dua orang pekerja muzium dan temubual melalui telefon melibatkan enam orang responden komuniti setempat. Pengkaji mengambil tempoh selama dua bulan mulai 20 Oktober hingga 20 November 2021 untuk mengadakan sesi temu bual dalam talian.

Sebelum pengkaji mengadakan sesi temu bual, pengkaji telah memaklumkan terlebih dahulu kepada responden untuk memohon kerjasama menjawab soalan yang akan dinyatakan. Soalan-soalan temu bual yang dikemukakan oleh pengkaji adalah berdasarkan objektif kajian iaitu mengenalpasti kesan pandemik Covid-19 terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau, mengkaji pengurusan Muzium Nelayan

Tanjung Balau bertindak balas terhadap pandemik; dan ketiga mengenalpasti peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau. Peralatan yang digunakan dalam kajian ini adalah rakaman audio. Audio atau video rakaman menawarkan rakaman peristiwa yang lebih objektif supaya maklumat yang diperolehi dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih terperinci terhadap soalan dalam bentuk pertanyaan (Sullivan et al., 2010).

### **3.4.2 Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian mempunyai teknik dan strategi di mana ditakrifkan sebagai sistem pengambilan sampel yang digunakan dalam pengumpulan bukti termasuk catatan yang merungkai peristiwa atau strategi pengkaji merakam bukti yang dijumpai (Tilstone, 1998). Kesan daripada pemerhatian, beberapa impak positif akan muncul apabila menggunakan pendekatan pemerhatian antaranya pemerhatian fleksibel dan tidak mengikut susunan berdasarkan hipotesis akan dibuat kemudian (Brown, 1997).

Pemerhatian langsung dalam kaedah ini di mana pengkaji mengenal pasti lokasi kajian, mendapatkan responden yang memenuhi kriteria dan mencatat data yang diperlukan berdasarkan apa yang diperhatikannya. Misalnya, sebelum melakukan kajian, pengkaji akan memerhatikan terlebih dahulu lokasi kajian Muzium Nelayan Tanjung Balau untuk melihat sendiri situasi muzium sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Selain daripada itu, pengkaji turut meninjau dan memerhati beberapa orang responden yang mempunyai kriteria tertentu untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Tujuan berbuat demikian untuk memberi kemudahan kepada pengkaji mendapatkan data dan maklumat yang sahih yang bersesuaian objektif kajian. Instrumen kajian bagi

pemerhatian adalah penggunaan kamera. Penggunaan kamera memerlukan pengetahuan teknikal untuk memastikan pemilihan kamera yang tepat, penyesuaian kualiti video, dan kedudukan kamera (Wilson, 2003). Hal ini kerana teknologi kamera yang dipertingkatkan memungkinkan untuk mendapatkan data yang lebih sempurna dan memudahkan proses pengumpulan data dengan alternatif seperti aliran pelbagai saluran dan kamera kawalan jauh.

### **3.4.3 Soal Selidik**

Soal selidik ditakrifkan sebagai satu set soalan berstruktur yang direka untuk mengumpul data yang diperlukan semasa membuat kajian. Pengumpulan soal selidik membantu mengurangkan masa dan kos kerana ia membolehkan responden melengkapkannya pada masa yang sesuai tanpa sebarang campur tangan pengkaji. Soal selidik mempunyai instrumen yang baik tetapi untuk mendapatkan data mengikut data sasaran memerlukan masa dan usaha. Bagi mendapatkan data kepada kajian Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau, pengkaji telah mengambil tempoh selama empat bulan dari bulan Oktober sehingga November 2021 untuk mengagihkan soal selidik dan mendapatkan data dalam tempoh yang disasarkan. Pengkaji telah menyediakan soal selidik ini kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F.

Pada bahagian A, data klasifikasi mengikut ciri-ciri responden seperti demografi responden yang melibatkan jantina, umur, bangsa, pekerjaan dan taraf pendidikan. Pada bahagian B pula berkaitan tentang kesan pandemik kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau yang mengandungi tiga sub-topik iaitu kesan pandemik kepada pekerja



muzium mengandungi enam kenyataan, kesan pandemik kepada sumber kewangan muzium mengandungi empat kenyataan dan kesan pandemik kepada pengurusan muzium mengandungi enam kenyataan.

Manakala, Bahagian C adalah strategi pengurusan muzium semasa berhadapan dengan pandemik mengandungi sembilan kenyataan dan strategi mesntabilkan sumber kewangan muzium mengandungi tujuh kenyataan. Akhir sekali, Bahagian D merangkumi peranan pihak berkepentingan muzium menangani pandemik mempunyai tujuh kenyataan, peranan kerajaan dan badan bukan kerajaan melestarikan muzium mengandungi tujuh kenyataan serta peranan komuniti dalam melestarikan muzium adalah enam kenyataan. Setiap respon yang diperolehi mencerminkan pendapat sebenar daripada responden. Pengkaji berpandukan lima skala likert pada Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Setiap kenyataan yang disenaraikan, responden perlu menandakan jawapan mengikut skala likert satu hingga lima iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Tidak Pasti (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5).

### **3.5 Pensampelan Kajian**

Pensampelan kajian ditakrifkan sebagai sekumpulan data yang lebih kecil dipilih oleh pengkaji atau dipilih berdasarkan populasi yang lebih besar dengan menggunakan kaedah pemilihan yang telah ditentukan dalam penyelidikan. Pensampelan dari populasi selalunya lebih praktikal dan membolehkan data yang dikumpulkan lebih cepat kerana sampel akan digunakan untuk membuat kesimpulan mengenai populasi dari data tersebut (Turner, 2020). Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) bagi membolehkan

pengkaji mengumpulkan data kajian impak pandemik covid-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau dengan lebih mudah.

### **3.5.1 Pensampelan Kajian: Kaedah Kuantitatif**

Pensampelan bukan kebarangkalian yang dipilih oleh pengkaji adalah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pensampelan bertujuan digunakan apabila pengkaji menyasarkan sekumpulan kelompok atau individu tertentu yang dapat memenuhi kriteria dalam kajian (Lohr, 2009). Pengkaji menggunakan strategi di mana orang atau peristiwa tertentu dipilih dengan sengaja untuk memberikan maklumat penting yang tidak dapat diperolehi dari pilihan lain (Maxwell, 1996). Sampel kajian menggunakan pensampelan bertujuan adalah pengkaji memilih Muzium Nelayan Tanjung Balau untuk memahami masalah yang dihadapi oleh muzium terhadap kesan pandemik ini.

Pada peringkat awal, setelah mendapat kelulusan daripada pihak muzium, pengkaji mula mengagihkan borang soal selidik kepada pekerja Muzium Nelayan Tanjung Balau dan pekerja KEJORA. Sementara borang selidik ini diagihkan, pengkaji turut mendapatkan nombor telefon atau media sosial yang boleh dihubungi untuk memberi hebahan soal selidik kepada masyarakat yang berada di persekitaran muzium. Bagi menyokong data kajian penyelidikan ini, pengkaji telah memilih komuniti setempat yang pernah mengunjungi Muzium Nelayan Tanjung Balau dalam tempoh sebelum atau semasa pandemik COVID-19. Setelah mendapati responden masih tidak mencukupi, pengkaji mula mengedarkan borang soal selidik kepada masyarakat yang berhampiran dengan Muzium Nelayan Tanjung Balau seperti daerah Kota Tinggi dan Johor Bahru.

### 3.5.2 Pensampelan Kajian: Kaedah Kualitatif

Pengkaji turut menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian bola salji (*snowball sampling*). Kaedah pensampelan bola salji boleh digunakan dalam beberapa kes yang mengambil bahagian dalam kajian yang dijalankan. Pensampelan bola salji merupakan pendekatan paling sesuai digunakan pada populasi kecil yang sukar dikenali atau dihubungi (Breweton, 2001). Jenis pensampelan bola salji boleh digunakan kepada responden yang mencadangkan lebih banyak responden bagi mendapatkan maklumat data yang diperlukan oleh pengkaji (Wisberg, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji terlebih dahulu menghubungi *gatekeeper* melalui telefon. *Gatekeeper* dipilih daripada salah seorang pekerja Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) yang merupakan seorang kakitangan di bawah Unit Pelancongan KEJORA. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) merupakan sebuah organisasi yang menempatkan Muzium Nelayan Tanjung Balau di bawah kendalian organisasi tersebut.

Pensampelan bola salji ini bermula apabila kakitangan Unit Pelancongan KEJORA memberi maklumat responden yang boleh dihubungi oleh pengkaji seperti Kurator Muzium. Setelah mendapatkan maklumat itu, pengkaji terus menghubungi Kurator Muzium Nelayan Tanjung Balau untuk mengadakan sesi temu bual bagi mendapatkan data kepada objektif kajian. Selepas sesi temu bual selesai, pengkaji turut mendapatkan nombor telefon Pembantu Muzium untuk mengadakan sesi temu bual bagi menyokong data kajian penyelidikan ini. Begitu juga temu bual bersama komuniti setempat, pengkaji telah memilih responden berdasarkan pengetahuan atau pengalaman mereka sebagai pengunjung yang pernah melawat Muzium Nelayan Tanjung Balau. Responden di dalam kajian ini melibatkan lapan orang responden yang terdiri daripada dua orang pekerja muzium dan enam orang komuniti setempat. Pengkaji telah

menemubual kesemua responden ini untuk mendapatkan perkongsian maklumat dan pandangan terhadap tajuk kajian ini. Jadual 3.1 menunjukkan sampel kajian yang dipilih berdasarkan jenis latar belakang dan pekerjaan responden yang berbeza.

Jadual 3.1: Responden Temu Bual

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

<b>Kod</b>	<b>Huraian</b>	<b>Pekerjaan</b>
R1	Kurator Muzium Responden 1	Kurator Muzium
R2	Pembantu Muzium Responden 2	Pembantu Muzium
R3	Komuniti Setempat Responden 3	Pelajar IPTA
R4	Komuniti Setempat Responden 4	Pekerja Swasta
R5	Komuniti Setempat Responden 5	Pelajar IPTA
R6	Komuniti Setempat Responden 6	Pelajar IPTA
R7	Komuniti Setempat Responden 7	Bekerja Sendiri
R8	Komuniti Setempat Responden 8	Pekerja Swasta

Berdasarkan Jadual 3.1, pengkaji menggunakan responden 1 dan responden 2 untuk mendapatkan data daripada objektif pertama iaitu mengenalpasti kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan muzium dan objektif kedua, mengkaji pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau bertindak balas terhadap pandemik COVID-19. Manakala, data kepada objektif ketiga iaitu menghuraikan peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau, pengkaji memberi fokus terhadap responden 3 sehingga responden 8. Justeru, kaedah pensampelan perlu mengikut prosedur atau kriteria yang telah disediakan dalam mendapatkan data kajian penyelidikan ini.

### 3.5.3 Saiz Populasi: Kaedah Kuantitatif

Bagi mendapatkan responden tinjauan soal selidik, pengkaji telah menggunakan kalkulator untuk mengira bilangan minimum sampel yang diperlukan untuk memenuhi statistik yang dikehendaki. Pada peringkat pertama, pengkaji mendapatkan data pengunjung Muzium Nelayan Tanjung Balau daripada Encik Iqbal iaitu selaku kurator muzium. Beliau memberitahu anggaran saiz populasi pengunjung Muzium Nelayan Tanjung Balau semasa muzium ditutup dalam tempoh pandemik COVID-19 adalah 800 orang yang pernah melawat muzium sama ada secara bersemuka atau penglibatan aktiviti secara maya. Tempoh muzium ditutup mulai dari bulan April 2020 sehingga bulai Mei 2021. Pada peringkat kedua, setelah saiz populasi seramai 800 orang direkod, pengkaji mula membahagikan saiz populasi menggunakan kalkulator dan hasilnya pengkaji perlu mendapatkan seramai 260 orang responden bagi menjawab soal selidik ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mengambil tempoh selama empat bulan mulai September sehingga Disember 2021 untuk mendapatkan data tersebut. Pada peringkat ketiga, pengkaji mula membuat borang soal selidik menggunakan *Google Form* dan kemudian link pautan mula diedarkan melalui media sosial seperti E-mail, Whatsapp, Instagram, Twitter, Facebook untuk diberikan kepada komuniti setempat dan pihak Muzium Nelayan Tanjung Balau.

Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati jumlah sasaran responden tidak mencapai sasaran kerana pandemik COVID-19 telah menyekat pergerakan pengkaji untuk mendapatkan lebih banyak data daripada responden. Kini, pengkaji hanya berjaya mendapatkan seramai 188 orang responden sahaja. Setelah melakukan penelitian, responden tinjauan soal selidik terdiri daripada 44 orang pihak Muzium Nelayan Tanjung

Balau dan 144 orang adalah komuniti setempat. Jumlah responden yang diperolehi ini dapat membantu pengkaji menjawab ketiga-tiga objektif kajian ini.


### **3.6 Analisis Kajian**

Analisis Data merupakan proses pengaplikasian teknik statistik atau teknik logik secara sistematik untuk menerangkan dan menggambarkan, merekod dan merakam, serta menilai data. Pelbagai prosedur atau langkah yang perlu diikuti untuk membuat kesimpulan data dan perbezaan isyarat yang terdapat dalam data (Shamoo et al., 2003). Dengan kata lain, proses analisis data bermula pada masa yang sama dengan proses pengumpulan data. Ini bermaksud pengumpulan data seterusnya harus didasarkan pada apa yang telah dianalisis sebelumnya (Corbin 1990). Oleh itu, pengkaji menggunakan dua kaedah untuk menganalisis data kajian iaitu analisis tematik dan analisis deskriptif.

#### **3.6.1 Analisis Kajian: Analisis Tematik**

Pengkaji menggunakan analisis tematik kerana ia sesuai dengan penggunaan data kualitatif. Ia dapat membantu menggambarkan data dengan lebih terperinci dan pengkaji dapat menangani pelbagai subjek melalui tafsiran (Badzis, 2020). Analisis Tematik memberi peluang kepada pengkaji untuk memahami sebarang masalah yang lebih meluas (Marks, 2004). Dengan menggunakan analisis tematik ada kemungkinan dapat menghubungkan pelbagai konsep dan pendapat pengkaji serta membandingkannya dengan data yang telah dikumpulkan dalam situasi berbeza semasa melakukan penyelidikan. Berikut adalah carta aliran proses analisis data yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2:





Rajah 1.2: Carta Aliran Proses Analisis Data

Pada peringkat pertama, proses transkrip data bermula setelah pengkaji selesai mengadakan temu bual bersama kelapan-lapan responden. Pengkaji menggunakan rakaman audio dan video untuk menulis semula transkrip hasil temu bual sehingga selesai. Peringkat kedua, pengkaji melakukan pembacaan berulang-kali untuk membentuk tema yang bersesuaian dengan tajuk kajian dan kemudian berlaku pemilihan kod bagi mengecilkan tema kepada sub-tema. Pengekodan merujuk kepada tema dan corak yang ketara muncul daripada transkrip yang telah dibuat. Dalam teknik pengekodan pada peringkat ketiga ini, pengkaji perlu mengenal pasti makna dalam teks tanpa sebarang prasangka dan dikategorikan mengikut kod analisis (Berg, 2004). Setelah melihat kod yang telah dibuat dan mengenalpasti data akan muncul idea untuk membina tema. Pada peringkat keempat, pengkaji membina tema berdasarkan data yang sesuai dengan tujuan kajian. Walaubagaimanapun, untuk mendapatkan data mestilah dibina berdasarkan pendapat atau maklum balas responden semasa kajian. Ini kerana untuk memberi fokus

utama dalam analisis untuk melihat sama ada tema itu mengikut perspektif berasingan atau kumpulan individu (Hatch et al., 2002). Pada peringkat kelima, pengkaji memastikan setiap tema mempunyai data yang mencukupi untuk menyokongnya dan berbeza. Sekiranya menghadapi masalah dengan tema, pengkaji membuang tema yang tidak mempunyai kaitan dan meneliti semula tema yang sedia ada. Proses penamaan tema hadir dengan nama pendek dan ringkas untuk setiap topik. Pada peringkat keenam, pengkaji cuba mencari sorotan kajian yang mempunyai kaitan dengan hasil data daripada temu bual. Setelah menjumpai topik yang bersesuaian, pengkaji membuat semakan terakhir untuk memastikan triangulasi yang dibuat merujuk kepada objektif kajian. Sekiranya triangulasi didapati tidak bersesuaian, data tersebut akan diteliti dengan lebih terperinci.

### **3.6.2 Analisis Kajian: Analisis Deskriptif**

Analisis Deskriptif untuk menerangkan apa yang wujud dan cuba membuka ruang untuk mencari fakta baharu. Pengkaji turut menggunakan analisis deskriptif untuk menganalisis dan mengumpulkan data dari kaedah kuantitatif. Pengumpulan data yang menggunakan analisis ini biasanya berkaitan dengan produk, orang, individu, peristiwa dan situasi (Travers R, 1978). Kemudian pengkaji akan menyusun, menjadualkan, menggambarkan dan menerangkan hasil data yang diperolehi. Oleh itu, pengkaji menggunakan analisis deskriptif untuk menunjukkan jumlah kekerapan atau frekuensi, peratus, min dan mod dalam dapatan kajian. Pengkaji telah menyediakan soal selidik ini kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F.

Pada bahagian A, data klasifikasi mengikut ciri-ciri responden seperti demografi responden yang melibatkan jantina, umur, bangsa, pekerjaan dan taraf pendidikan. Pada bahagian B pula, berkaitan tentang kesan pandemik kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau yang mengandungi tiga sub-topik iaitu kesan pandemik kepada pekerja muzium mengandungi enam kenyataan, kesan pandemik kepada sumber kewangan muzium mengandungi empat kenyataan dan kesan pandemik kepada pengurusan muzium mengandungi enam kenyataan. Manakala, Bahagian C adalah strategi pengurusan muzium semasa berhadapan dengan pandemik mengandungi sembilan kenyataan dan strategi menstabilkan sumber kewangan muzium mengandungi tujuh kenyataan. Akhir sekali, Bahagian D merangkumi peranan pihak berkepentingan muzium menangani pandemik mempunyai tujuh kenyataan, peranan kerajaan dan badan bukan kerajaan melestarikan muzium mengandungi tujuh kenyataan serta peranan komuniti dalam melestarikan muzium adalah enam kenyataan. Setiap maklum balas yang diterima mencerminkan pendapat sebenar daripada responden.

Pengkaji membuat triangulasi berdasarkan sorotan kajian lepas dan data daripada temu bual yang boleh dikaitkan dengan objektif kajian. Tujuan triangulasi data adalah untuk menyokong jawapan kepada soalan kajian dan menghapuskan kesilapan dan ancaman yang diperoleh daripada satu kaedah sahaja. Triangulasi data mempunyai empat jenis asas yang dianjurkan oleh Patton (1990) di mana terdapat kaedah triangulasi, yang menunjukkan data signifikan atau sebaliknya. Kedua, triangulasi yang diperoleh daripada sumber. Triangulasi seperti ini akan melibatkan perbezaan atau seragam berulang kali untuk melihat maklumat diperolehi itu mempunyai tujuan berlainan. Ketiga, triangulasi berdasarkan analisis di mana pengkaji menganalisis menggunakan teori yang sama dan dalam pada waktu yang sama membandingkan data sehingga menyemak semula data

yang dijumpai. Keempat, triangulasi berdasarkan teori yang melibatkan penggunaan teori yang berbeza dalam kajian yang sama dan merentas disiplin dalam mentafsir data. Akhir sekali, pengkaji akan melakukan semakan semula setelah melalui proses yang dinyatakan dalam Rajah 1.2 untuk melihat hasil perbincangan mencapai sasaran seperti mana yang terdapat dalam objektif kajian. Tambahan pula, proses analisis data akan menjadi lebih mudah dan berkesan sekiranya data kualitatif dan kuantitatif mempunyai data yang sama.

### **3.7 Rumusan**

Secara keseluruhannya, metodologi kajian merupakan aspek penting perlu diberi diketengahkan kerana hasil perbincangan dapatan kajian bergantung kepada metodologi yang digunakan oleh pengkaji. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini meliputi pendekatan kajian yang menggunakan pendekatan campuran untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif seperti soal selidik dan kaedah kualitatif, termasuk temu bual dan pemerhatian dan sumber perpustakaan. Pengkaji juga menggunakan teknik pengumpulan data yang terdiri daripada data primer dan data sekunder. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian di mana melibatkan pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Bagi menganalisis data pula, pengkaji menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif untuk melihat sama ada data yang dikumpul mencapai matlamat kajian.

## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang dilakukan terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau untuk menganalisis tinjauan impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan muzium. Dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah temu bual, soal selidik dan pemerhatian telah dianalisis untuk mendapatkan data statistik seperti kekerapan dan peratus yang dipersembahkan melalui bentuk jadual. Analisis dapatan kajian impak pandemik kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau diperolehi daripada beberapa soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Pengkaji telah mendapatkan seramai 188 orang responden yang memberi kerjasama untuk menjawab tinjauan soal selidik ini. Bahagian A soalan berkaitan latar belakang atau demografi responden. Antaranya ialah jantina, umur, bangsa, pekerjaan dan pendidikan. Bahagian B, merangkumi soalan kesan pandemik kepada pengurusan muzium termasuk pekerja dan sumber kewangan muzium. Seterusnya, Bahagian C pula merangkumi tindakan muzium berhadapan dengan pandemik yang memperihalkan strategi pengurusan muzium, strategi latihan dan pembangunan pekerja dan strategi menstabilkan sumber kewangan muzium.

Bahagian D mempunyai tiga bahagian yang telah dipecahkan iaitu peranan pihak berkepentingan menangani pandemik, peranan kerajaan dan badan bukan kerajaan serta peranan komuniti melestarikan muzium. Bagi mendapatkan sokongan terhadap tinjauan soal selidik, data soalan temu bual turut dikumpul yang melibatkan lapan orang responden

untuk menjawab beberapa soalan yang mempunyai kaitan dengan objektif pengkaji. Antara penglibatan responden temu bual adalah kurator muzium, pembantu muzium dan beberapa orang responden komuniti yang berhampiran Muzium Nelayan Tanjung Balau yang memberi kerjasama dalam sesi temu bual ini.

#### 4.2 Demografi Responden

Pada bahagian A ini, pengkaji menghuraikan latar belakang responden daripada aspek jantina, umur, bangsa, pekerjaan dan tahap pendidikan responden yang dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 4.1: Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratus %</b>
Jantina	Lelaki	53	28.2 %
	Perempuan	135	71.8 %
Jumlah Keseluruhan		188	100 %
Mod Kekerapan		2.00	

Jadual 4.1 menunjukkan terdapat 53 orang responden yang terdiri daripada lelaki (28.2%) dan seramai 135 orang responden daripada perempuan (71.8%). Jumlah kekerapan paling tinggi merujuk jantina responden iaitu perempuan. Daripada analisis kuantitatif, pengkaji mendapati bilangan responden perempuan lebih ramai kerana mereka lebih mudah



berinteraksi dengan sesama jantina melalui media sosial. Justeru, borang soal selidik ini lebih banyak diedarkan kepada responden perempuan dari responden lelaki.

Jadual 4.2: Umur Responden  
Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Umur	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus %
	20-29 tahun	99	52.7 %
	30-39 tahun	72	38.3 %
	40-49 tahun	12	6.4 %
	50-59 tahun	5	2.7 %
Jumlah Keseluruhan		188	100 %
Mod Kekerapan		1.00	

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah responden berumur 20 hingga 29 tahun adalah seramai 99 orang responden (52.7%). Bagi responden berumur 30 hingga 39 tahun adalah 72 orang responden (38.3%) dan diikuti responden yang berumur 40 hingga 49 tahun adalah seramai 12 orang responden (6.4%). Manakala responden yang berumur 50 hingga 59 tahun mempunyai bilangan yang paling sedikit iaitu 5 orang sahaja (2.7%). Hal ini kerana mereka mengalami kekangan masa dan kurang mahir mengisi borang soal selidik secara dalam talian. Jumlah kekerapan dan peratus tertinggi adalah kategori umur 20 hingga 29 tahun kerana mereka lebih mudah memberi kerjasama untuk mengisi borang soal selidik ini.

Jadual 4.3: Bangsa Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Bangsa	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus %
	Melayu	174	92.6
	Cina	10	5.3
	India	4	2.1
Jumlah Keseluruhan		188	100 %
Mod Kekerapan		1.00	

Selain daripada itu, Jadual 4.3 menunjukkan tiga jenis bangsa yang dikenalpasti dalam kalangan responden. Daripada jumlah responden yang menyertai kajian ini, mendapati seramai 174 orang responden (92.6%) adalah berbangsa Melayu, 10 orang responden (5.3%) berbangsa Cina dan diikuti responden berbangsa India seramai 4 orang responden (2.1%). Jumlah kekerapandan peratus tertinggi merujuk berbangsa Melayu kerana kadar populasi responden yang menetap berhampiran Muzium Nelayan Tanjung Balau lebih ramai dan mereka lebih mengetahui persekitaran muzium tersebut.

Jadual 4.4: Pekerjaan Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Pekerjaan	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus %
	Pekerja Kerajaan	47	25.0
	Pekerja Swasta	63	33.5
	Bekerja Sendiri	16	8.5
	Pelajar	51	27.1
	Tidak Bekerja	11	5.9
Jumlah Keseluruhan		188	100 %
Mod Kekerapan		2.00	

Seterusnya, Jadual 4.4 menunjukkan lima jenis pekerjaan yang telah dikenalpasti dalam kalangan responden. Analisis dapatan kajian mendapati, responden yang bekerja dalam sektor kerajaan adalah seramai 47 orang responden (25.0%). Responden yang bekerja dalam sektor kerajaan terdiri daripada 44 orang yang mempunyai kaitan dengan muzium dan tiga orang dalam sektor pendidikan awal kanak-kanak. Bagi responden yang bekerja dalam sektor swasta adalah seramai 63 orang responden (31.9%) yang terdiri daripada pekerja pasaraya, jururawat hospital swasta, pekerja kilang, telekomunikasi dan sukarelawan badan bukan kerajaan. Responden yang bekerja sendiri adalah seramai 16 orang responden (8.5%) yang terdiri daripada perniagaan kedai makan, penjaja kecil, bengkel dan penjual dalam talian. Manakala responden pelajar adalah seramai 51 orang responden (27.1%) dan diikuti responden yang tidak bekerja adalah 11 orang responden (5.9%) yang mengisi borang soal selidik ini. Jumlah kekerapan dan peratus tertinggi adalah pekerja swasta yang paling ramai yang menjawab soal selidik ini.

Jadual 4.5: Taraf Pendidikan Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Taraf Pendidikan	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus %
	SPM / SVM	31	16.5
	STPM / STAM / Diploma / A-Level	65	34.6
	Ijazah Sarjana Muda	82	43.6
	Ijazah Sarjana	10	5.3
Jumlah Keseluruhan		188	100 %
Mod Kekerapan		3.00	

Berdasarkan Jadual 4.5 menunjukkan lima jenis pendidikan telah dikenalpasti di kalangan responden. Jumlah responden yang berkelulusan SPM atau SVM seramai 31 orang responden (16.5%) dan diikuti responden yang memiliki STPM, STAM, Diploma, A-Level adalah seramai 65 orang responden (34.6%). Manakala responden yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda adalah seramai 82 orang responden (43.6%) dan responden yang berkelulusan Ijazah Sarjana seramai 10 orang responden (5.3%) yang mengisi borang soal selidik ini. Jumlah kekerapan dan peratus tertinggi adalah kelulusan Ijazah Sarjana Muda kerana responden ini telah dipilih sebagai kajian yang menggunakan pensampelan bertujuan. Hal ini demikian kerana responden kategori ini lebih cenderung memberi pandangan dan persepsi yang berbeza terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau.

### 4.3 Mengenalpasti Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Pengurusan Muzium

#### Nelayan Tanjung Balau

Berikutan muzium telah ditutup dalam tempoh tertentu, terdapat beberapa kesan pandemik terhadap pengurusan muzium telah dikenalpasti oleh pengkaji. Pengkaji turut mendapati pandemik COVID-19 telah mempengaruhi muzium dalam aspek pekerja muzium, sumber kewangan muzium dan pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Pada bahagian ini, pengkaji telah menemubual dua orang responden utama iaitu seorang kurator muzium dan seorang pembantu muzium untuk memberi pandangan terhadap kesan pandemik kepada Muzium Nelayan Tanjung Balau. Pengkaji turut menggunakan tinjauan soal selidik yang melibatkan 44 orang responden terdiri daripada pekerja muzium dan kakitangan KEJORA untuk menyokong data yang telah dapat dikumpulkan. Berikut adalah kesan pandemik COVID-19 terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau.

#### 4.3.1 Kesan Pandemik Kepada Pekerja Muzium

Jadual 4.6: Kesan Pandemik Kepada Pekerja Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Pekerja bekerja dari rumah (BDR)	0	0	5	11.4	11	25.0	19	43.2	9	20.5	100

2. Pekerja terpaksa bekerja lebih masa (BDR)	0	0	0	0	16	36.4	17	38.6	11	25.0	100
3. Pekerja mengadaptasi norma baharu	0	0	0	0	8	18.2	23	52.3	13	29.5	100
4. Pekerja kurang mahir dalam penggunaan teknologi maklumat (IT)	0	0	3	6.8	11	25.0	19	43.2	11	25.0	100
5. Pekerja berhadapan dengan masalah kesihatan	0	0	1	2.3	13	29.5	21	47.7	9	20.5	100
6. Pembahagian kerja mengikut SOP yang telah ditetapkan	0	0	0	0	4	9.1	19	43.2	21	47.7	100

N=kekerapan % Peratus

Berdasarkan hasil tinjauan dalam Jadual 4.6, bagi kenyataan pertama iaitu *pekerja bekerja dari rumah (BDR)* menunjukkan seramai 19 orang responden (43.2%) yang memilih setuju. Kenyataan ini mendapat sokongan daripada hasil temu bual bersama Responden 1 (R1) yang menjelaskan sepanjang tempoh penutupan Muzium Nelayan Tanjung Balau bermula Mac 2020 sehingga November 2021 ini, pekerja muzium telah diarahkan untuk bekerja dari rumah seperti yang dinyatakan:

*Bermula daripada negara kita mengalami pandemik Covid ini memang kami akui berlaku perubahan dalam pengurusan muzium nelayan. Sememangnya berlaku*



*perubahan dari segi tugas ... kami akan bermula bekerja dari rumah mengikut sistem penggiliran tugas yang telah disusun. ... seperti empat orang bekerja dari rumah dan seorang bekerja di muzium. (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021)*

Kenyataan yang diberikan oleh Responden 1 membuktikan bahawa kesan pandemik mempengaruhi pekerja untuk terus bekerja dari rumah sepanjang tempoh pandemik ini. Terdapat pekerja mengalami kesukaran apabila bekerja dari rumah kerana terpaksa menghadapi tekanan untuk memisahkan urusan peribadi dan kehidupan profesional. Mereka juga beranggapan bahawa kaedah kerja dan interaksi sosial akan berhadapan dengan masalah sekiranya tiada berlaku perbincangan bersemuka (Melanie et al., 2020). Manakala responden yang memilih tidak pasti adalah seramai 11 orang responden (25%) dan 5 orang responden (11.4%) yang menjawab tidak setuju. Hal ini kerana bekerja dari rumah dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti pekerja di samping pengurusan kaedah kerja yang lebih cekap (Kramer, 2020). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan pertama adalah 3.77.

Selain itu, kenyataan kedua adalah *pekerja terpaksa bekerja lebih masa* menunjukkan seramai 17 orang responden (38.6%) yang memilih setuju. Manakala responden yang memilih tidak pasti adalah seramai 16 orang responden (36.4%) dan diikuti 11 orang responden menjawab sangat setuju (25%). Bekerja lebih masa mempengaruhi kehidupan peribadi pekerja dan kesannya pekerja berhadapan dengan masalah kesihatan dari aspek fizikal dan mental (Tomono et al., 2021). Tambahan pula, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan 2020-2021 untuk membendung penularan jangkitan COVID-19. Oleh hal demikian, pergerakan pekerja

dari tempat kerja adalah terbatas dan mereka perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kedua adalah 3.89.

Di samping itu, kenyataan ketiga adalah *pekerja mengadaptasi norma baharu* menunjukkan seramai 23 orang responden (52.3%) yang memilih setuju dan diikuti 13 orang responden (29.5%) yang menjawab sangat setuju. Manakala responden yang memilih tidak pasti adalah seramai 8 orang responden (18.2%). Bekerja dalam norma baharu dapat menguruskan pengkhususan kerja dengan lebih cekap tanpa berlaku sebarang perubahan budaya bekerja (Jeff, 2021). Pekerja turut beranggapan bahawa norma baharu ini memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan teknologi semasa tempoh mereka bekerja. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketiga adalah 4.11.

Seterusnya, kenyataan keempat adalah *pekerja kurang mahir dalam penggunaan teknologi maklumat (IT)* menunjukkan seramai 19 orang responden (43.2%) yang memilih setuju. Hal ini kerana tahap penguasaan dan kemahiran pekerja terhadap teknologi maklumat masih kurang memuaskan, selain kekurangan bahan sokongan teknologi dan capaian internet yang perlahan menjadi salah satu cabaran kepada mereka untuk mempelajari penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (Susanti, 2020). Manakala responden yang memilih sangat setuju dan tidak pasti adalah seramai 11 orang responden (25.0%) dan diikuti 3 orang responden (6.8%) yang memilih tidak setuju. Kenyataan ini turut mendapatkan sokongan daripada Responden 1 yang menjelaskan “...sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Muzium Nelayan Tanjung Balau telah menukar program bersemuka kepada konsep komunikasi secara maya seperti program mencipta poster E-Digital dan program Explorasi Maya Muzium Nelayan Tanjung Balau

*secara dalam talian. Meskipun mereka terpaksa menghadapi sedikit kesulitan semasa membuat persediaan program ini, mereka sedaya upaya mencuba meningkatkan kemahiran dalam teknologi ...”* (Responden 1, Temubual, 20 Oktober 2021). Sekiranya pihak muzium dan pekerja memainkan peranan, mereka boleh menjadikan situasi seperti pandemik COVID-19 sebagai persediaan untuk organisasi melaksanakan transformasi digital dalam ancaman krisis tersebut (Iivari et al., 2020). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keempat adalah 3.6.

Selanjutnya, kenyataan kelima adalah *pekerja berhadapan dengan masalah kesihatan* menunjukkan seramai 21 orang responden (47.7%) yang memilih setuju. Risiko penularan jangkitan COVID-19 telah memberi kebimbangan kepada pihak muzium kerana kesihatan pekerja mulai merosot. Kenyataan ini turut mendapat sokongan daripada hasil temu bual bersama Responden 1 yang menjelaskan seperti

*Dari segi kehadiran di muzium mungkin ada sedikit permasalahan. Kadang-kadang ada waktu tertentu, terdapat pekerja yang terkena jangkitan covid ini, jadi kami terpaksa menghentikan semua kegiatan promosi untuk mengelakkan individu itu hadir ke pejabat. (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021)*

Pekerja yang menghadapi sebarang masalah kehadiran untuk bekerja di muzium perlu memaklumkan perihal tersebut kepada Bahagian Sumber Manusia Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. Dengan berbuat demikian, pekerja Muzium Nelayan Tanjung Balau dan masyarakat dapat mengelakkan berlaku penularan jangkitan ini. Manakala responden yang memilih tidak pasti adalah seramai 13 orang responden (29.5%), diikuti

9 orang responden (20.5%) yang menjawab sangat setuju dan seorang responden (2.3%) memilih tidak setuju. Kini, sistem kesihatan global juga sedang berhadapan dengan masalah pandemik COVID-19 yang masih menjadi isu semakin membimbangkan kerana kes jangkitan semakin meningkat. Oleh itu, pihak perubatan memerlukan organisasi yang boleh memantau kesihatan pekerja supaya pekerja yang mempunyai jangkitan ini segera mendapatkan rawatan pemulihan (Pappa et al., 2020). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kelima adalah 3.86.

Kenyataan keenam iaitu *pembahagian kerja mengikut SOP yang telah ditetapkan* mempunyai seramai 21 orang responden (47.7%) yang memilih sangat setuju dan diikuti responden yang memilih setuju adalah 19 orang responden (43.2%).

Manakala responden yang memilih tidak pasti adalah 4 orang responden (9.1%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keenam adalah 4.38. Pembahagian pengkhususan kerja perlu mengikut Tatacara Operasi Standard (Standard Operating Procedure, SOP) yang ditetapkan. ICOM turut menyenaraikan garis panduan dan syarat khas kepada pekerja muzium, sekiranya muzium mula beroperasi semula (ICOM, 2020). Antara garis panduan kepada pekerja muzium adalah;

- i. Memastikan semua pekerja muzium mempunyai kemudahan aksesibiliti untuk membenarkan mereka bekerja di muzium.
- ii. Menyediakan kemudahan mencuci tangan seperti air panas, sabun, gel sanitasi dan sarung tangan pakai buang. Kerap mencuci dan melakukan sanitasi terhadap permukaan keras, pemegang tombol pintu, suis lampu dan seumpamanya dengan dilakukan dengan kerap. Pekerja muzium harus sentiasa memakai topeng muka (*Face Mask*).

- iii. Memastikan bilangan orang yang bekerja dalam bilik yang sama adalah terhad dan sentiasa menjaga jarak yang selamat antara satu sama lain. Secara amnya, jarak antara individu yang dicadangkan adalah 1.5-meter hingga 2 meter.
- iv. Kumpulan pekerja yang lebih besar boleh diasingkan dan bekerja secara bergantian untuk mengekalkan jarak yang selamat antara satu sama lain. Bahagikan kakitangan atau pekerja muzium dalam pasukan yang boleh memberi kerjasama antara pasukan.
- v. Menangguhkan terlebih dahulu aktiviti yang melibatkan berkumpul seperti mesyuarat, perhimpunan, jawatankuasa pemerolehan atau sebarang aktiviti lain yang kurang diberikan perhatian yang serius. Sekiranya memerlukan perbincangan yang penting, pekerja perlu memastikan jarak di antara mereka sentiasa terkawal.
- vi. Hadkan pengendalian koleksi. Pertimbangkan kerja-kerja yang melibatkan pinjaman atau koleksi muzium untuk lebih selamat bagi mengelakkan berlaku pengangkutan dan pengendalian.
- vii. Penyampaian koleksi muzium yang tetap akan diberikan keutamaan berbanding pameran sementara sehingga keadaan kesihatan kembali normal.
- viii. Muzium harus mempunyai kawasan kuarantin untuk objek. Kawasan ini harus mempunyai rak kosong, kabinet, kotak, di mana objek yang dipamerkan dengan sentuhan atau pengendalian minimum boleh diasingkan daripada koleksi utama, serta sistem penandaan mudah yang menunjukkan tarikh, apa, mengapa dan oleh siapa objek itu telah diletakkan dalam kuarantin.

### 4.3.2 Kesan Pandemik Kepada Kewangan Muzium

Jadual 4.7: Kesan Pandemik Kepada Kewangan Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Muzium hilang pendapatan yuran keahlian	0	0	0	0	14	31.8	18	40.9	12	27.3	100
2. Muzium hilang pendapatan hasil jualan pameran	0	0	0	0	7	15.9	22	50.0	15	34.1	100
3. Muzium hilang pendapatan hasil jualan tiket	0	0	0	0	10	22.7	19	43.2	15	34.1	100
4. Muzium hilang pendapatan hasil jualan cenderamata	0	0	1	2.3	10	22.7	21	47.7	12	27.3	100

N=kekerapan % Peratus



Berdasarkan hasil tinjauan Jadual 4.7, bagi kenyataan pertama *Muzium hilang pendapatan yuran keahlian* menunjukkan seramai 18 orang responden (40.9%) yang memilih setuju. Kesan pandemik kepada kewangan muzium mempengaruhi dari segi pendapatan yuran keahlian muzium. Ini kerana yuran keahlian merupakan sumber pendapatan yang penting bagi organisasi bukan untung. Program keahlian ini dilihat berupaya meningkatkan kesetiaan pengunjung kepada organisasi selain memberi manfaat kepada kedua-dua pihak (Frank C et al., 2017). Manakala responden yang memilih tidak pasti adalah 14 orang responden (31.8%) dan diikuti responden yang memilih sangat setuju iaitu 12 orang responden (27.3%). Hasil pendapatan yuran daripada program dalam talian telah memberi peluang kepada Muzium Nelayan Tanjung Balau untuk menambah pendapatan muzium melalui aktiviti yang dianjurkan secara dalam talian. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan pertama adalah 3.95.

Selain itu, kenyataan kedua *menunjukkan muzium hilang pendapatan melalui jualan pameran* mempunyai seramai 22 orang responden (50%) yang memilih setuju. Muzium mula diarahkan tutup di seluruh dunia akibat COVID-19 telah menimbulkan kesukaran kepada beberapa pihak seperti penangguhan program berbayar dan perjanjian pinjaman koleksi untuk pameran yang telah dirancang. Kenyataan ini turut mendapatkan sokongan dari *The Art Newspaper* yang menjelaskan bahawa “*Semua Muzium Eropah yang telah dihubungi oleh mereka turut mengalami kerugian disebabkan pandemik ini*” (Sansom,2020). Sebagai contoh, Galeri Nasional London yang dijadualkan untuk mengadakan pameran dari 4 April hingga 26 Julai 2020 terpaksa menangguhkan tarikh pameran dan tarikh pameran akan dibincangkan semula. Manakala seramai 15 orang responden (34.1%) yang memilih sangat setuju dan diikuti responden yang menjawab tidak pasti adalah 7 orang responden (15.9%). Kenyataan ini turut disokong oleh temubual



Responden 1 yang menjelaskan “*Muzium Nelayan Tanjung Balau mengalami kehilangan pendapatan dari hasil jualan pameran kerana berlaku penangguhan sementara dan akan digantikan kepada konsep pameran maya secara berbayar*” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kedua adalah 4.18.

Di samping itu, kenyataan ketiga iaitu *muzium hilang pendapatan hasil jualan tiket* mempunyai responden seramai 19 orang responden (43.2%) yang memilih setuju dan diikuti seramai 15 orang responden (34.1%) yang menjawab sangat setuju. Manakala bagi responden yang memilih tidak pasti seramai 10 orang responden (22.7%). Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan hasil temu bual bersama Responden 1 yang menjelaskan seperti “*Memang berlaku kesan hasil kutipan tiket. Kalau kami ceritakan waktu pandemik memang sepanjang dua tahun ini tidak silap saya kami hanya buka 3 bulan sahaja dan banyak perubahan dari segi kutipan tiket ...*” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021).

Kenyataan Responden 1 seperti di atas turut disokong oleh kurator muzium lain yang menerangkan “*Sebagai pihak berkepentingan di sebuah muzium, saya berpendapat bahawa tanggapan COVID-19 tidak mungkin berlaku serta-merta...ia perlu diberi tumpuan. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi kesan kemelesetan kewangan yang berlaku di tengah-tengah pandemik COVID-19, badan organisasi seperti Lembaga Pengarah atau pihak berkuasa tinggi perlu meneliti keutamaan mereka dalam menangani cabaran pembiayaan tambahan seperti pendapatan jualan tiket*” (Wafer Hadley, 2020). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketiga adalah 4.11.

Seterusnya, kenyataan keempat *adalah muzium hilang pendapatan jualan cenderamata* menunjukkan seramai 21 orang responden (47.7%) yang memilih setuju dan diikuti responden seramai 12 orang responden (27.3%) yang menjawab sangat setuju. Majoriti responden yang terlibat dengan muzium menyokong bahawa kesan pandemik mempengaruhi jualan cenderamata yang terdapat di Muzium Nelayan Tanjung Balau disebabkan penutupan muzium seperti yang dinyatakan “*Apabila pengunjung tidak dibenarkan mengunjungi muzium, barangan yang berbentuk cenderamata turut tidak dijual kerana untuk mengelakkan berlaku penularan COVID-19*” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021). Manakala responden yang memilih tidak pasti seramai 10 orang responden (22.7%) dan diikuti seorang responden (2.3%) yang menjawab tidak setuju. Hal ini kerana terdapat responden daripada kakitangan KEJORA kurang mengetahui tentang aliran keluar masuk kewangan Muzium Nelayan Tanjung Balau disebabkan mereka berada dalam unit pengurusan dan pentadbiran yang berbeza. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketiga adalah 4.0.

Secara keseluruhan, Muzium Nelayan Tanjung Balau tidak mengalami kemerosotan sumber kewangan yang ketara sehingga menjejaskan pengurusan muzium. Hal ini kerana Muzium Nelayan Tanjung Balau di bawah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang merupakan badan kerajaan. Jadi sebarang peruntukan kewangan yang diperlukan muzium telah disediakan dengan secukupnya dan hanya memerlukan tindakan serta persetujuan kerajaan sahaja. Tambahan pula, perbelanjaan muzium terdiri daripada tiga saluran utama, iaitu sumber manusia, kemudahan dan aset, serta projek dan aktiviti yang dirancang. Kos dan perbelanjaan muzium sering dikaitkan dengan aset fizikal dalam bentuk koleksi, dan aset ini lebih berkemungkinan meningkat dari semasa ke semasa termasuk kos penjagaan koleksi dan artifak muzium. Mengikut Babbidge (2000),

permintaan sokongan orang ramai terhadap Muzium Eropah adalah tinggi sejak dekad yang lalu kerana muzium sering dikaitkan bahawa kos penyelenggaraan yang tinggi demi menjaga keselamatan dan keselesaan pengunjung. Oleh itu, kerajaan pada hari ini sentiasa menyediakan peruntukan sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung muzium yang berhadapan dengan masalah kewangan.

### 4.3.3 Kesan Pandemik Kepada Pengurusan Muzium

Jadual 4.8: Kesan Pandemik Kepada Pengurusan Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Merombak pengagihan tugas pekerja	0	0	0	0	12	27.3	24	54.5	8	18.2	100
2. Melakukan pembersihan data di dalam sistem muzium	0	0	0	0	15	34.1	21	47.7	8	18.2	100
3. Mengemaskini maklumat koleksi	0	0	3	6.8	13	29.5	18	40.9	10	22.7	100
4. Bahan koleksi muzium tidak terjaga	0	0	2	4.5	12	27.3	20	45.5	10	22.7	100
5. Penangguhan program pendidikan	0	0	0	0	11	25.0	22	50.0	11	25.0	100

dan kerja penyelidikan											
6. Pembatalan program pameran secara bersemuka	0	0	1	2.3	10	22.7	19	43.2	14	31.8	100

N=kekerapan % Peratus

Berdasarkan yang ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.8, kenyataan pertama adalah *rombakan pengagihan tugas pekerja* menunjukkan seramai 24 orang responden (54.5%) yang memilih setuju. Kesan pandemik COVID-19 mempengaruhi pengurusan muzium Nelayan Tanjung Balau dalam pengkhususan kerja. Berikutan tempoh penutupan muzium dalam jangka masa tertentu, setiap muzium perlu menyusun semula sumber pengurusan dan perancangan. Pembahagian skop kerja dilakukan untuk diberikan kepada pekerja supaya mereka dapat melaksanakan secara cekap dan berkesan (Mokhtar Pet., 2013). Manakala bagi responden yang memilih tidak pasti mempunyai seramai 12 orang responden (27.3%) dan diikuti responden yang memilih sangat setuju iaitu 8 orang responden (18.2%). Rombakan pengagihan tugas dilaksanakan untuk mengelakkan berlaku pertindihan tugas di antara pekerja. Operasi pengurusan dan pentadbiran Muzium Nelayan Tanjung Balau akan menjadi perlahan sekiranya pekerja hanya menumpukan satu kerja dalam satu masa sahaja (Evans, 2021). Secara tidak langsung kegiatan mempromosi akan menjadi kurang cekap atau kurang berkesan. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan pertama adalah 3.90.

Selain itu, kenyataan kedua adalah *melakukan pembersihan data di dalam sistem muzium* mempunyai seramai 21 orang responden (47.7%) yang memilih setuju. Kesan pandemik kepada pengurusan memberi peluang kepada pekerja muzium untuk melakukan pembersihan data supaya data yang melibatkan maklumat rujukan koleksi dapat disimpan dengan sistematik. Umumnya, hasil data diperoleh daripada pemerhatian dan tinjauan menjadi rekod data yang paling berharga kepada muzium kerana banyak kajian terhadap koleksi muzium boleh dijadikan sebagai rujukan (Chapman, 2005). Apabila data koleksi atau artifak disusun secara teratur dan sistematik ia memberi kemudahan kepada pekerja muzium untuk mengakses dan mencari kumpulan data dengan lebih cepat dan mudah. Manakala bagi responden yang memilih tidak pasti mempunyai seramai 15 orang responden (34.1%) dan diikuti responden yang memilih sangat setuju iaitu 8 orang responden (18.2%). Terdapat juga responden yang kurang pasti dengan kenyataan ini kerana mereka berkemungkinan hanya memantau muzium dari aspek yang berbeza. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kedua adalah 3.84.

Di samping itu, kenyataan ketiga adalah *mengemaskini maklumat koleksi* mempunyai responden seramai 18 orang (40.9%) yang memilih setuju. Bagi responden yang memilih tidak pasti seramai 13 orang responden (29.5%) dan diikuti dengan responden yang memilih sangat setuju seramai 10 orang responden (22.7%). Manakala bagi responden yang memilih tidak setuju adalah 3 orang responden (6.8%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketiga adalah 3.79. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan hasil temu bual bersama Responden 1 yang menjelaskan seperti bahawa “... tempoh pandemik memberi peluang kepada Muzium Nelayan Tanjung Balau untuk mewujudkan Galeri Sejarah yang merangkumi koleksi warisan yang dijumpai di Johor

*Tenggara. Kemudian koleksi berkenaan akan diletakkan di salah satu galeri khas Muzium Nelayan Tanjung Balau ...”* (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021).

Seterusnya, kenyataan keempat adalah *bahan koleksi muzium tidak terjaga* menunjukkan seramai 20 orang responden (45.5%) yang memilih setuju. Kesan pandemik COVID-19 mempengaruhi penjagaan koleksi muzium kerana pekerja mula bekerja dari rumah. Hal ini demikian kerana pekerja jarang mengendalikan koleksi muzium untuk mengelakkan jangkitan COVID-19. Berdasarkan tinjauan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), orang ramai boleh dijangkiti COVID-19 dengan menyentuh permukaan atau objek yang tercemar terutama koleksi yang telah dijangkiti virus COVID-19 ini. Jadi, koleksi muzium terpaksa dikuarantin buat sementara waktu sehingga virus dapat dinyahaktifkan secara semula jadi (Karsten et al., 2020). Bagi responden yang memilih tidak pasti seramai 12 orang responden (27.3%) dan diikuti responden yang memilih sangat setuju 10 orang responden (22.7%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden kerana mereka beranggapan tempoh pandemik ini membolehkan Muzium Nelayan Tanjung Balau menjaga koleksi secara penggiliran mengikut jadual kerja yang telah disusun. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keempat adalah 3.86.

Selanjutnya, kenyataan kelima adalah *penangguhan program pendidikan dan kerja penyelidikan* menunjukkan seramai 22 orang responden (50%) yang memilih setuju. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan hasil temu bual bersama Responden 2 seperti



*Jadi begini sebelum pandemik COVID-19 ini, kami memang banyak menerima lawatan dari pihak luar seperti sekolah, NGO atau apa-apa jabatan untuk membuat program atau lawatan memang kami alu-alukan. Tetapi selepas pandemik, ...kami masih belum terima ... mengadakan aktiviti bersemuka. Maksudnya kami perlu kelulusan dari pihak pengurusan untuk tindakan ini ...*  
(Responden 2, Temu bual, 07 November 2021)

Kenyataan yang diberikan oleh Responden 2 ini merujuk kepada program pendidikan bersemuka sebelum pandemik telah ditukarkan kepada konsep secara maya. “.. Sebagai contoh, karnival World Children Day’s diadakan di Muzium Nelayan Tanjung Balau akan tetapi semasa tempoh pandemik muzium mengadakan karnival ini secara dalam talian sahaja” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021). Manakala responden yang memilih sangat setuju dan tidak pasti mempunyai bilangan kekerapan yang sama iaitu 11 orang responden (25%). Penangguhan program pendidikan dan penyelidikan sebaiknya ditangguhkan terlebih dahulu bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 di kalangan pihak muzium dan masyarakat. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kelima adalah 4.0.

Kenyataan keenam adalah *pembatalan program pameran secara bersemuka* menunjukkan seramai 19 orang responden (43.2%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang menjawab sangat setuju adalah 14 orang responden (31.8%). Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan hasil temu bual bersama Responden 2 seperti



... Bagi pameran dalam muzium, kami kecilkan jumlah kapasiti pengunjung mengikut peraturan SOP yang telah ditetapkan ... Manakala pameran luar muzium, kami bergantung kepada kelulusan jabatan atau pihak kementerian kerana kami di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar jadi mereka mempunyai peraturan SOP tersendiri. Sekiranya diluluskan kami akan mengadakan pameran itu ... (Responden 2, Temu bual, 07 November 2021)

Kenyataan yang diberikan oleh Responden 2 ini merujuk kepada jumlah atau kapasiti pengunjung yang melawati Muzium Nelayan Tanjung Balau adalah terhad. Jika program pameran diadakan tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan adalah lebih baik muzium menangguhkan terlebih dahulu aktiviti tersebut. Manakala bagi responden yang memilih tidak pasti seramai 10 orang responden (22.7%) diikuti dengan seorang responden (2.3%) yang menjawab tidak setuju. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keenam adalah 4.05. Program pameran masih boleh dilaksanakan secara bersemuka sekiranya pihak muzium sentiasa memantau keadaan persekitaran. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keenam adalah 4.05.

#### **4.4 Mengkaji pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau bertindak balas terhadap pandemik COVID-19.**

Pada borang selidik bahagian C, pengkaji mendedahkan strategi yang boleh digunakan oleh pihak muzium untuk membantu pengurusan muzium sentiasa beroperasi. Pengkaji telah menggunakan dua orang responden iaitu kurator muzium dan pembantu Muzium Nelayan Tanjung Balau untuk memberi pandangan terhadap tindak balas muzium semasa pandemik. Pengkaji juga melibatkan 44 orang responden daripada tinjauan soal selidik

untuk menyokong data yang telah dapat dikumpulkan. Berikut adalah strategi pengurusan muzium Nelayan Tanjung Balau berhadapan dengan pandemik COVID-19.

#### 4.4.1 Strategi Pengurusan Muzium Berhadapan Dengan Pandemik

Jadual 4.9: Strategi Pengurusan Muzium Berhadapan Dengan Pandemik

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Pembahagian kerja disusun dengan secara fleksibel	0	0	0	0	4	9.1	26	59.1	14	31.8	100
2. Pelaksanaan pengurusan sumber manusia secara dalam talian	0	0	0	0	3	6.8	28	63.6	13	29.5	100
3. Pemantauan kesihatan pekerja secara lebih efisien	0	0	0	0	4	9.1	18	40.9	22	50.0	100
4. Membangunkan pengurusan kewangan kecemasan	0	0	0	0	8	18.2	23	52.3	13	29.5	100
5. Mengkatalog koleksi muzium secara sistematik	0	0	0	0	7	15.9	22	50.0	15	34.1	100

6. Meningkatkan bilangan koleksi dan bahan rujukan	0	0	0	0	0	0	28	63.6	16	36.4	100
7. Memastikan pameran artifak dipamerkan dengan baik	0	0	0	0	5	11.4	25	56.8	14	31.8	100
8. Meningkatkan kemahiran digital dan aksesibiliti muzium	0	0	0	0	0	0	28	63.6	16	36.4	100
9. Menyesuaikan program muzium dengan format digital	0	0	0	0	5	11.4	28	63.6	11	25.0	100

N=kekerapan % Peratus

Berdasarkan hasil data daripada Jadual 4.9, kenyataan pertama adalah *pembahagian kerja disusun dengan secara fleksibel* menunjukkan seramai 26 orang responden (59.1%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 14 orang responden (31.8%). Manakala bagi responden yang memilih tidak pasti adalah 4 orang responden (9.1%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan pertama adalah 4.22. Pembahagian kerja merupakan prinsip pertama untuk teori pengurusan Henri Fayol. Oleh hal demikian, pembahagian kerja yang lebih fleksibel akan mengelakkan berlaku pertindihan tugas antara satu sama lain. Kenyataan turut dapat dibuktikan dengan hasil temu bual bersama Responden 1 seperti

*Dari segi tugas kami telah membuat jadual secara berkala ... Pemeliharaan artifak muzium kami mengagihkan tugas kepada lima orang kakitangan muzium*

... Bagi aktiviti promosi, saya telah mengarahkan semua kakitangan untuk menyediakan poster dan artikel tentang sejarah peradaban nelayan secara maya (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021)

Kenyataan yang diberikan oleh Responden 1 adalah sangat relevan bahawa pembahagian tugas ini memberi kemudahan kepada organisasi untuk terus beroperasi. Terdapat beberapa cadangan yang boleh menyokong kenyataan tersebut. Setiap pekerja perlu meningkatkan kemahiran yang dimiliki atau *multitasking* supaya skop kerja yang dapat dijalankan secara sistematik. Selain daripada itu, organisasi perlu mewujudkan kerja berpasukan dan bukannya hanya tertumpu kepada pengurus untuk menyelaraskan skop kerja. Seterusnya meningkatkan tahap autonomi pekerja menjadi salah satu sebab strategi pembahagian kerja perlu dilaksanakan (Roche et al., 2020).

Selain itu, kenyataan kedua adalah *pelaksanaan pengurusan sumber manusia secara dalam talian* mempunyai seramai 28 orang responden (63.6%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 13 orang responden (29.5%). Bagi responden yang memilih tidak pasti adalah 3 orang responden (6.8%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kedua adalah 4.18. Kenyataan kedua turut disokong dalam jurnal Faedah Utama Mengambil Pengurusan Sumber Manusia Anda Dalam Talian (2015) bahawa sistem sumber manusia secara dalam talian dapat menawarkan alat pembangunan pekerja yang disesuaikan mengikut jadual yang disusun. Pekerja turut mempunyai peluang untuk menilai prestasi mereka sendiri serta prestasi rakan sekerja (Carney & John, 2015). Dengan berbuat demikian, mereka akan berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja mereka.

Di samping itu, kenyataan ketiga adalah *pemantauan kesihatan pekerja secara lebih efisien* mempunyai responden seramai 22 orang (50%) yang memilih sangat setuju. Manakala responden yang memilih setuju adalah 18 orang responden (40.9%) dan diikuti dengan responden yang memilih tidak pasti iaitu 4 orang responden (9.1%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketiga adalah 4.41. Strategi memantau kesihatan pekerja boleh dibuat melalui penilaian kesihatan mental, perkhidmatan sokongan dan penyediaan rawatan kepada setiap penjagaan kesihatan pekerja (Xiang et al., 2020). Muzium Nelayan Tanjung Balau perlu kerap melaksanakan pemantauan kesihatan pekerja untuk mengelakkan pekerja mengalami jangkitan COVID-19.

Seterusnya, kenyataan keempat adalah *membangunkan pengurusan kewangan kecemasan* iaitu 23 orang responden (52.3%) yang memilih setuju dan diikuti seramai 13 orang responden (29.5%) yang memilih sangat setuju. Manakala responden yang memilih tidak pasti iaitu 8 orang responden (18.2%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keempat adalah 4.11. Pengurusan kewangan yang cekap berupaya membantu muzium menghadapi masalah pada masa hadapan. Kenyataan turut mendapat penjelasan oleh beberapa responden yang menjelaskan bahawa “*Muzium Nelayan Tanjung Balau telah mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi dan tiada masalah dalam bajet kewangan muzium. Mereka hanya memerlukan kelulusan daripada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar sekiranya muzium ingin menganjurkan program yang melibatkan sumber kewangan muzium*”. (Responden 1 & Responden 2, Temu bual, 2021).

Selanjutnya, kenyataan kelima adalah *mengkatalog koleksi muzium secara sistematik* menunjukkan seramai 22 orang responden (50.0%) yang memilih setuju dan diikuti responden seramai 15 orang responden (34.1%) yang memilih sangat setuju. Responden yang memilih tidak pasti adalah 7 orang responden (15.9%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kelima adalah 4.18. Kenyataan kelima turut mendapat sokongan dalam jurnal *Koleksi Muzium China Di Web: Status Semasa, Masalah dan Masa Depan* (2005) yang menjelaskan bahawa perkembangan teknologi dalam sistem digital telah mewujudkan koleksi Cina di laman web. Koleksi muzium China telah dikategorikan mengikut katalog di laman web. Katalog ini menawarkan kepada pengguna di seluruh dunia untuk mengakses koleksi muzium dengan lebih mudah. Tujuan ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai budaya Cina (Chen, 2005). Oleh itu, Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh mengambil inspirasi daripada Muzium China bagaimana mengurus koleksi muzium secara tersusun dan sistematik.

Kenyataan keenam adalah *meningkatkan bilangan koleksi dan bahan rujukan* menunjukkan seramai 28 orang responden (63.6%) yang memilih setuju kemudian diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 16 orang responden (36.4%). Muzium Nelayan Tanjung Balau perlu menambah koleksi dan bahan rujukan yang boleh menjadi sebagai sumber pendidikan dan penyelidikan masyarakat. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keenam adalah 4.13. Kenyataan keenam turut disokong dalam jurnal *Koleksi Pendidikan sebagai Koleksi Muzium* (2001), menjelaskan bahawa penambahan koleksi muzium boleh dijadikan sebagai sumber rujukan untuk pelajar dan masyarakat yang ingin menambah pengetahuan mereka tentang sejarah koleksi muzium (Macfarlan 2001).



Kenyataan ketujuh adalah *memastikan pameran artifak dipamerkan dengan baik* menunjukkan seramai 25 orang responden (56.8%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 16 orang responden (36.4%). Responden yang memilih tidak pasti adalah 5 orang responden (11.4%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketujuh adalah 4.20. Perancangan untuk mengadakan sebarang pameran di muzium seharusnya mempunyai pengetahuan yang lengkap supaya objek yang dipamerkan ini memberi persepsi yang baik daripada pengunjung (Anedo, 2020). Kenyataan turut disokong oleh Responden 1 yang menjelaskan “... *pameran muzium akan menjadi lebih menarik sekiranya objek pameran dan maklumat pameran diterangkan dengan jelas dan mudah difahami dan jelas. Pameran yang dilaksanakan berkemungkinan terdiri daripada objek lama yang menampilkan sejarah peradaban nelayan di Malaysia yang mampu memberi kepuasan kepada pengunjung*” (Responden 1, Temubual, 20 Oktober 2021).

Selain daripada itu, kenyataan kelapan adalah *meningkatkan kemahiran digital dan aksesibiliti muzium* menunjukkan seramai 28 orang responden (63.6%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju iaitu 16 orang responden (36.4%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kelapan adalah 4.25. Kenyataan turut disokong oleh Walker (2018) bahawa penggunaan teknologi seperti navigasi Web mempunyai banyak kelebihan dan amat sesuai digunakan kepada sesiapa yang baru mempelajari kemahiran asas dalam pendigitalan.

Kenyataan kesembilan adalah *menyesuaikan program muzium dengan format digital* menunjukkan seramai 28 orang responden (66.3%) yang memilih setuju kemudian diikuti dengan 11 orang responden (25%) yang memilih sangat setuju. Responden yang



memilih tidak pasti adalah 5 orang responden (11.4%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kesembilan adalah 4.13. Berdasarkan temu bual bersama kedua-dua responden yang bekerja di Muzium Nelayan Tanjung Balau, mereka menjelaskan “...sebarang aktiviti atau program muzium yang memerlukan penggunaan format digital harus mendapatkan keizinan dan kelulusan daripada pihak pengurusan kerana ia melibatkan penggunaan kos yang tinggi...” (Responden 2, Temu bual, 07 November 2021).

#### **4.4.2 Perubahan Pengurusan Semasa Pandemik**

Mengikut pandangan responden yang telah ditemu bual, mendapati pengurusan muzium sebelum pandemik sentiasa menerima pengunjung secara bersemuka. Pelbagai program dan lawatan yang melibatkan kerjasama daripada pihak luar seperti sekolah, badan bukan kerajaan (NGO) dan jabatan tertentu telah diadakan bersama. Disebabkan pandemik COVID-19, tempoh pembukaan muzium kelihatan beransur-ansur dibuka pada awal tahun 2020. Muzium Nelayan Tanjung Balau hanya dibenarkan dibuka kepada tiga bulan sekali sahaja. Perkara ini boleh dilihat melalui kenyataan yang diberikan oleh R1;

*Pelan untuk melaksanakan promosi Muzium Nelayan di antaranya Bermalam Di Muzium, Karnival Aspirasi Pendidik, Karnival World Children Day's, AMAN Merdeka, Pameran Bermusim...kami juga pernah membuat permainan rakyat. Kesemua ini adalah secara bersemuka. Tetapi berikutan pandemik ini, kita telah menukar konsep program kita kepada maya (virtual)...pertandingan yang disebut sebentar tadi akan diadakan dalam talian. Pada tahun 2020 kami turut mengadakan program poster E-Digital. Tahun ini 2021, kami mengadakan satu*

*program Explorasi Maya di Muzium Nelayan di mana peserta ini explorasi dalam talian. (Temu bual R1, 20 Oktober 2021)*

Sehubungan dengan itu, pengkaji turut mendapatkan maklumat bahawa sepanjang tempoh muzium ditutup, pihak muzium Nelayan Tanjung Balau mengambil beberapa inisiatif yang boleh mempromosikan muzium tersebut kepada pengunjung di luar. Kebiasaan aktiviti muzium seperti pameran yang melibatkan kerjasama bersama pihak Jabatan Muzium Negara atau Muzium Lain akan dilakukan secara digital. Jika dilihat pameran digital Muzium Nelayan Tanjung Balau yang pernah terlibat adalah Hari Antarabangsa Peringkat Kebangsaan yang melibatkan seluruh muzium di Malaysia. Jadi Muzium Nelayan Tanjung Balau berpendapat peluang ini mungkin jarang berlaku, maka pihak Muzium Nelayan Tanjung Balau mengambil tindakan dengan mempamerkan artifak yang dirasai unik serta mempunyai nilai sejarah yang tinggi kemudian dipersembahkan melalui laman web digital tersebut. Dengan berbuat demikian pengunjung yang mengenali Muzium Nelayan Tanjung Balau atau sebaliknya akan mudah mengakses link pautan itu untuk melihat lebih terperinci maklumat artifak itu.

Tambahan pula, tindakan pihak Muzium Nelayan Tanjung Balau membuat hebahan promosi turut disokong oleh kesemua responden yang telah ditemu bual oleh pengkaji. Majoriti responden memberi pandangan yang sama seperti responden pertama. Kerja-kerja promosi seperti bekerjasama dengan pihak luar yang melibatkan peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, Pihak Kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan ini menggalakkan komuniti setempat mengadakan hebahan bagi memastikan penglibatan peserta sepanjang tempoh pandemik atau selepas pandemik ini sentiasa meningkat dan

mencapai sasaran Muzium Nelayan Tanjung Balau. Perkara ini boleh dibuktikan melalui pernyataan yang diberikan oleh responden seperti

*Muzium Nelayan Tanjung Balau berhampiran dengan Bayu Balau Resort. Strategi yang boleh saya cadangkan adalah muzium boleh sahaja buat kolaborasi dengan Bayu Balai Resort untuk mengeluarkan pakej-pakej seperti penginapan dan lawatan ke muzium. Sekiranya mempunyai hebahan seperti tersebut saya boleh berkongsi dengan kawan-kawan saya semua. (Temu bual Responden 3, 27 Oktober 2021)*

*Saya sebagai komuniti mungkin boleh menarik tarikan pengunjung ini melalui program seperti hari keluarga...persekitaran yang membolehkan kita berjalan melihat benda-benda baru...anjurkan program bersama Muzium Nelayan seperti contohnya kolaborasi bersama kelab-kelab di taman perumahan saya. Ini secara tidak langsung dapat membantu menarik pengunjung di sana. (Temu bual Responden 5, 30 Oktober 2021)*

Jika dilihat kenyataan yang diberikan seperti petikan di atas, majoriti responden temu bual sangat menyokong tindakan Muzium Nelayan Tanjung Balau membuat hebahan atau mewujudkan pelbagai program yang boleh menarik lebih ramai pengunjung. Misalnya, R7 dan R8 bersetuju sekiranya muzium menggalakkan masyarakat atau pengunjung mengadakan dokumentari yang boleh mempromosikan pengunjung. Terdapat beberapa program yang telah dianjurkan oleh Muzium Nelayan Tanjung Balau seperti webinar, kuiz, karnival, pameran secara dalam talian menerusi media sosial. Melalui media sosial seperti ini, masyarakat berpeluang menyertai segala

aktiviti yang dianjurkan oleh muzium secara maya. Sememangnya cara mengadakan dokumentari dan bekerjasama dengan muzium merupakan cara yang terbaik untuk membantu Muzium Nelayan Tanjung Balau menangani kesan pandemik. Ini kerana melalui dokumentari bersama muzium dapat mempromosikan dan memperkenalkan kewujudan Muzium Nelayan Tanjung Balau kepada komuniti luar melalui laman media sosial seperti Facebook dan Instagram. Dengan berbuat demikian dapat menarik minat pengunjung dari pelbagai negeri untuk mengunjungi Muzium Nelayan Tanjung Balau selepas tempoh pandemik semakin pulih.

Selain daripada pengurusan muzium dari aspek luaran, pengkaji turut didapati Muzium Nelayan Tanjung Balau menekankan aspek penjagaan koleksi dan artifak muzium supaya lebih terjaga dan terpelihara. Meskipun tempoh muzium ditutup dan akan dibuka semula pada tempoh yang dibenarkan, pekerja muzium akan memastikan pemeliharaan artifak muzium akan sentiasa dipantau mengikut jadual secara berkala. Misalnya, pemeriksaan koleksi dijalankan enam kali dalam tempoh tiga bulan. Kerja melakukan restorasi memerlukan sebulan dua kali hanya bergantung kepada artifak seperti berasaskan kayu, seramik, kaca, bersaiz skala besar dan skala kecil. Muzium Nelayan Tanjung Balau turut mengagihkan tugas di mana pekerja muzium akan melakukan pembersihan sehari dalam seminggu. Bukan setakat artifak sahaja diberikan perhatian sewajarnya, pihak muzium turut melakukan pembersihan persekitaran kompleks Muzium Nelayan Tanjung Balau. Ini untuk memastikan sekiranya Muzium Nelayan Tanjung Balau dibuka, jangkitan COVID-19 boleh dihindari.

Seterusnya, pengkaji turut mendapat pandangan daripada R1 dan R2 berkaitan penggunaan teknologi digital dalam mempromosikan muzium. Jawapan yang diterima oleh pengkaji didapati pihak muzium mempunyai kesukaran untuk membangunkan pengaplikasian digital kearah lebih moden. Mereka berpendapat untuk membangunkan aplikasi digital ini bagi mereka tiada masalah akan tetapi memerlukan arahan pihak atasan sahaja sama ada mereka diluluskan mahupun sebaliknya. Ini dapat dibuktikan melalui hasil temu bual bersama R2 seperti

*Pihak muzium sebenarnya tiada masalah untuk teknologi... kami hanya bergantung kepada peruntukan yang dibenarkan oleh kementerian atau KEJORA. Jika mereka ini membenarkan peruntukan kami akan laksanakan. Kami mengetahui kos pendigitalan ini memang tinggi kosnya jadi kita tiada masalah sekiranya diluluskan. Bila kos peruntukan lulus kami ambil tindakan untuk mengambil konsep digital di sini. Semuanya menunggu kebenarandari pada pihak atasan sahaja. (Temu bual Responden 2, 07 November 2021)*

Selanjutnya pengkaji turut mendapat maklum balas yang positif di mana menunjukkan strategi pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau perlu diberikan perhatian yang lebih terperinci kerana melibatkan kesihatan semua masyarakat. Mengikut kesemua responden yang telah dkenyataanu bual mereka mempunyai pandangan yang sama mengenai hal ini. Mengikut pandangan R1, bahawa “...tempoh jangkaan Muzium Nelayan Tanjung Balau akan dibuka mulai bulan November 2021 selepas menerima kebenaran daripada pengurus besar dari KEJORA. Pada masa yang sama muzium perlu mengikut syarat atau garis panduan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)...” (Responden 1 Temu bual, 20 Oktober 2021). Sepanjang pelan pemulihan negara ini, pihak Muzium Nelayan Tanjung Balau sentiasa mengikuti

perkembangan semasa Majlis Keselamatan Negara tentang syarat-syarat dan SOP yang telah dibenarkan. Begitu juga Muzium Negara dan muzium yang lain di Malaysia, mereka akan buka muzium dan mula beroperasi apabila mereka cukup yakin bahawa muzium mereka boleh mengikut garis panduan. Misalnya program yang melibatkan secara bersemuka dan perlu mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara yang hanya membenarkan 30 orang sahaja dalam satu masa maka mereka perlu mengikut arahan tersebut. Lebihan penglibatan peserta boleh dijalankan secara dalam talian.

Bagi aspek pameran, Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh menggunakan dua kaedah di mana menerima kunjungan secara bersemuka atau dalam talian. Namun pada masa yang sama, ia masih memberi penekanan kepada penjagaan SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Jumlah kapasiti pengunjung setiap hari juga perlu dihadkan. Misalnya, sebelum pandemik penglibatan peserta bergantung kepada 100% atau 200%, mungkin selepas ini pihak Muzium Nelayan Tanjung Balau perlu mengecilkan peratus kepada 50% untuk pengunjung yang hadir ke muzium.

Kesimpulannya, analisis hasil responden temu bual dan soal selidik memberi persepsi yang sama di mana strategi Muzium Nelayan Tanjung Balau mungkin boleh digunakan untuk menarik lebih ramai pengunjung sama ada di Malaysia mahupun luar negara untuk menyertai penglibatan program ini. Pengkaji turut boleh mengaitkan strategi pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau bersama Teori Pengurusan dan Pentadbiran Henri Fayol di mana memperlihatkan pembahagian kerja yang diamalkan secara sistem pengkhususan kerja tersusun dan sistematik. Prinsip kepentingan bersama turut boleh diaplikasikan kerana Muzium Nelayan Tanjung Balau tidak hanya memberi fokus kepada



organisasi sendiri malah memberi perhatian kepada masyarakat yang dianggap sebagai pelancong.

#### 4.4.3 Strategi Menstabilkan Sumber Kewangan Muzium

Jadual 4.10: Strategi Pengurusan Muzium Berhadapan Dengan Pandemik

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Menjana pendapatan secara dalam talian	0	0	0	0	6	13.6	19	43.2	19	43.2	100
2. Membangunkan kedai dalam talian (website)	0	0	0	0	0	0	28	63.6	16	36.4	100
3. Mengadakan aktiviti pendidikan dan pelancongan dalam talian secara berbayar	0	0	0	0	7	15.9	21	47.7	16	36.4	100
4. Pameran dalam talian secara berbayar	0	0	0	0	6	13.6	25	56.8	13	29.5	100
5. Menawarkan aktiviti permainan dalam talian secara berbayar	0	0	0	0	5	11.4	24	54.5	15	34.1	100



6. Membangunkan program keahlian digital	0	0	0	0	6	13.6	21	47.7	17	38.6	100
7. Membangunkan bengkel komuniti dalam talian	0	0	0	0	7	15.9	22	50.0	15	34.1	100

N=kekerapan % Peratus

Berdasarkan hasil data daripada Jadual 4.10, kenyataan pertama adalah *menjana pendapatan secara dalam talian* menunjukkan responden yang memilih sangat setuju dan setuju adalah sama iaitu 19 orang responden (43.2%). Manakala responden yang memilih tidak pasti adalah 6 orang responden (13.6%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan pertama iaitu 4.29. Menambah pendapatan melalui dalam talian merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk membantu Muzium Nelayan Tanjung Balau menstabilkan sumber kewangan mereka. Kenyataan turut disokong oleh responden temu bual yang menjelaskan “...Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh menjana pendapatan melalui penjualan cenderamata dan program muzium secara berbayar sekiranya mereka memerlukan peruntukan sampingan ...” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021).

Selain itu, kenyataan kedua adalah *membangunkan kedai dalam talian seperti laman media sesawang* mempunyai seramai 28 orang responden (63.6%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 16 orang responden (36.4%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kedua iaitu 4.15. Kenyataan turut disokong oleh Apollo (2020), menyatakan bahawa pandemik COVID-19 telah membolehkan E-Dagang berkembang dengan pesat berikutan pembelian barangan banyak dilakukan secara dalam talian. Sebagai contoh, hasil jualan Muzium British melonjak naik berikutan pengunjung hanya membuat pembelian cenderamata dalam

talian sahaja. Terdapat muzium dan galeri yang mula menjual topeng muka dengan reka bentuk unik dalam talian untuk membantu mereka menangani masalah kewangan semasa berhadapan dengan kekurangan pelawat. (Mashell, 2020).

Di samping itu, kenyataan ketiga adalah *mengadakan aktiviti pendidikan dan pelancongan dalam talian secara berbayar* menunjukkan seramai seramai 21 orang responden (47.7%) yang memilih setuju. Manakala responden yang memilih sangat setuju adalah 16 orang responden (36.4%) dan diikuti 7 orang responden yang menjawab tidak pasti (15.9%) dalam soal selidik ini. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketiga iaitu 4.20. Kenyataan ini disokong oleh responden temu bual yang menjelaskan “...Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh mengenakan sebarang bayaran yang tinggi sekiranya terdapat pihak yang ingin bekerjasama untuk bersama-sama melaksanakan program kolaborasi...” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021). Tambahan pula, sebelum pandemik COVID-19 Muzium Nelayan Tanjung Balau sangat kerap menerima pelajar sekolah dalam pelbagai acara yang dianjurkan. Oleh itu, penglibatan peserta ini boleh dianggap mencapai sasaran seperti yang dimahukan oleh Muzium Nelayan Tanjung Balau.

Seterusnya, kenyataan keempat adalah *pameran dalam talian secara berbayar* yang mempunyai seramai 25 orang responden (56.8%) yang memilih setuju dan diikuti seramai 13 orang responden (29.5%) yang memilih sangat setuju. Responden yang memilih tidak pasti seramai 5 orang responden (11.4%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keempat iaitu 4.15. Strategi menstabilkan sumber kewangan muzium boleh dilakukan dengan cara mengenakan harga tiket mengikut program pameran yang

dipersembahkan melalui dalam talian. Kenyataan turut disokong oleh Responden 1 yang menjelaskan seperti

*Muzium Nelayan Tanjung Balau pernah mengadakan pameran khas yang melibatkan bayaran tambahan seperti pameran senjata Rasulullah. Semua peserta yang ingin melibatkan diri perlu membayar harga tiket mulai RM10 sehingga RM30 mengikut kadar kesesuaian pameran. Pihak Muzium Nelayan Tanjung Balau juga boleh membuat keputusan untuk memberi harga bayaran masuk hanya RM2 untuk dewasa dan RM1 untuk kanak-kanak. Manakala, kumpulan sekolah badan unitform akan diberikan secara percuma dan jika mereka ingin mengadakan program kerjasama antara Muzium Nelayan Tanjung Balau ada kemungkinan bayaran masih boleh dirunding semula. (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021)*

Selanjutnya, kenyataan kelima adalah *menawarkan aktiviti permainan dalam talian secara berbayar* menunjukkan seramai 24 orang responden (54.5%) yang setuju dan diikuti responden seramai 15 orang responden (34.1%) yang memilih sangat setuju. Manakala responden yang menjawab tidak pasti adalah 5 orang responden (11.4%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kelima iaitu 4.22. Program permainan tradisional seperti ini boleh dilihat melalui anjuran Muzium Negara Malaysia yang pernah mengadakan program Nostalgia Anak Kampung pada 22 November 2021 hingga 26 Disember 2021. Tujuan program untuk mengajak masyarakat mengimbau semula kenangan silam semasa kehidupan kanak-kanak (Jabatan Muzium Malaysia, 2021). Oleh itu, Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh mengambil inspirasi daripada program

anjaran Muzium Negara Malaysia yang boleh dilakukan secara dalam talian seperti permainan congkak, sepak raga atau gasing. Mungkin harga bayaran mengikut kesesuaian permainan tersebut.

Kenyataan keenam adalah *membangunkan program keahlian digital* menunjukkan seramai 21 orang responden (47.7%) yang setuju dan diikuti responden seramai 17 orang responden (38.6%) yang memilih sangat setuju. Manakala responden yang menjawab tidak pasti adalah 6 orang responden (13.6%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keenam iaitu 4.18. Muzium Nelayan Tanjung Balau perlu mewujudkan program kad keahlian digital yang boleh menawarkan pelbagai keistimewaan kepada pengguna kad digital. Kemudahan kad digital ini memberi peluang untuk mempromosikan muzium kepada masyarakat yang masih belum mengetahui kewujudan muzium ini. Sebagai contoh, Muzium Sejarah Washington telah menyediakan kad digital untuk pengunjung supaya kad digital boleh digunakan semasa menyertai pameran atau apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh muzium. (Verboort, 2017).

Selanjutnya, kenyataan ketujuh adalah *membangunkan bengkel komuniti dalam talian* menunjukkan seramai 22 orang responden (50%) yang setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju adalah 15 orang responden (34.1%). Responden yang memilih tidak pasti seramai 7 orang responden (15.9%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketujuh iaitu 4.25. Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh menganjurkan program atau bengkel bersama komuniti seperti webinar, membuat arca atau program memasak resepi warisan secara dalam talian dengan kadar bayaran yang bersesuaian.

Kesimpulannya, hasil daripada 44 orang responden yang menjawab soal selidik dan dua orang responden temu bual, mendapati program pameran dalam talian secara berbayar sangat memberi kesan yang positif kepada strategi menstabilkan sumber kewangan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Apabila dikemukakan soalan kepada responden muzium, mereka dengan jelas memberitahu sepanjang tempoh pandemik muzium hanya mengalami kesan ketara terhadap anjuran pameran secara bersemuka. Justeru, Muzium Nelayan Tanjung Balau telah mempunyai beberapa cadangan untuk mewujudkan program secara dalam talian mengikut harga bersesuaian dengan program tersebut.

#### **4.5 Menghuraikan peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik COVID-19 terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau.**

Pada bahagian D dalam borang soal selidik ini, pengkaji mendapati peranan pihak berkepentingan sangat penting membantu dan mempromosi muzium Nelayan Tanjung Balau semasa berhadapan dengan pandemik. Oleh itu, pengkaji akan mendedahkan beberapa peranan pihak tertentu seperti pihak berkepentingan muzium, pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan serta komuniti setempat bagi menangani kesan pandemik COVID-19. Pengkaji turut menggunakan tinjauan soal selidik melibatkan 188 orang responden dan lapan orang responden temu bual yang melibatkan kurator muzium, pembantu muzium dan komuniti setempat yang dapat memberi pandangan mereka terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau. Berikut adalah peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik COVID-19 terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau.

#### 4.5.1 Peranan Pihak Berkepentingan Muzium Menangani Pandemik

Jadual 4.11: Peranan Pihak Berkepentingan Muzium Menangani Pandemik

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Menambah dana muzium	1	0.5	4	2.1	20	10.6	99	52.7	64	34.0	100
2. Pelaburan dalam warisan digital	2	1.1	2	1.1	24	12.8	99	52.7	61	32.4	100
3. Penambahbaikan media digital dalam talian	2	1.1	0	0	22	11.7	96	51.1	68	36.2	100
4. Menjaga koleksi semasa penutupan muzium	2	1.1	1	0.5	19	10.1	97	51.6	69	36.7	100
5. Bertindak menyampaikan pengetahuan koleksi kepada pengguna	1	0.5	1	0.5	17	9.0	100	53.2	69	36.7	100
6. Meningkatkan rakan perkongsian	1	0.5	3	1.6	24	12.8	99	52.7	61	32.4	100
7. Mewujudkan kaedah kerja	1	0.5	2	1.1	19	10.1	102	54.3	64	34.0	100



pengurusan yang baru											
-------------------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**N=kekerapan % Peratus**

Berdasarkan hasil data daripada Jadual 4.11, kenyataan pertama adalah *menambah dana muzium* menunjukkan seramai 99 orang responden (52.7%) yang setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 64 orang responden (34.0%). Bagi responden yang menjawab tidak pasti adalah 20 orang responden (10.6%). Manakala responden yang memilih tidak setuju mempunyai 4 orang responden (2.1%) dan diikuti seorang responden (0.5%) yang sangat tidak setuju. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan pertama iaitu 4.17. Pihak berkepentingan seperti rakan kongsi, penderma, sukarelawan, kakitangan, pemegang amanah, pendidik atau pemimpin muzium boleh berkongsi idea bagaimana untuk mempromosi muzium Nelayan Tanjung Balau sepanjang tempoh pandemik. Kenyataan ini disokong oleh Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah yang menyatakan dalam media Utusan Borneo bahawa dana yang bernilai RM10 juta adalah peruntukan daripada kementeriannya untuk diagihkan kepada organisasi yang layak antaranya Muzium Budaya Borneo, Kuching Sarawak sebagai tanda menyokong pemeliharaan warisan, seni dan budaya Sarawak (Emmor, 2021). Jelaslah bahawa, setiap muzium mempunyai badan organisasi yang menguruskan peruntukan kewangan muzium.

Selain itu, kenyataan kedua adalah *pelaburan dalam warisan digital* menunjukkan seramai 99 orang responden (52.7%) yang setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 61 orang responden (32.4%). Bagi responden yang menjawab tidak pasti adalah 24 orang responden (12.8%). Manakala responden yang

memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan kedua iaitu 4.14. Skop mempromosi muzium boleh menjadi meluas apabila wujudnya pelaburan warisan digital di Muzium Nelayan Tanjung Balau. Tujuan warisan digital diwujudkan untuk menggalakkan lebih ramai pelancong mengenali sejarah peradaban nelayan yang satu-satunya muzium yang terdapat di Malaysia. “...Pihak muzium boleh mempamerkan koleksi dan artifak muzium dalam bentuk Grafik Komputer atau dikenali sebagai 3D. Dengan berbuat demikian, pengunjung yang berada di luar negara boleh mengakses dengan lebih mudah untuk melihat koleksi tersebut...” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021).

Di samping itu, kenyataan ketiga adalah *penambahbaikan media digital dalam talian* menunjukkan seramai seramai 96 orang responden (51.1%) yang bersetuju. Bagi responden yang memilih sangat setuju seramai 68 orang responden (36.2%) dan diikuti dengan responden yang menjawab tidak pasti adalah 22 orang responden (11.7%). Manakala 2 orang responden (1.1%) yang menjawab sangat tidak setuju. Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan ketiga iaitu 4.21. Selain menyediakan peruntukan kewangan, “...pihak berkepentingan Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh memberi pandangan bagaimana cara untuk melakukan penambahbaikan media digital Muzium Nelayan Tanjung Balau...” (Responden 2, Temu bual, 07 Nivember 2021). Fungsi dan nilai warisan budaya direalisasikan melalui perkongsian ilmu dan pertukaran idea. Tanpa bantuan teknologi canggih, matlamat muzium untuk menjadi muzium digital mungkin tidak mudah dicapai dengan berkesan. Oleh itu, tumpuan muzium digital harus berdasarkan pengalaman pengunjung, bukan kepada teknologi sendiri. (Chang Li et al., 2012).

Kenyataan keempat adalah *menjaga koleksi semasa penutupan muzium* menunjukkan seramai 97 orang responden (51.6%) yang memilih setuju dan diikuti seramai 69 orang responden (36.7%) yang memilih sangat setuju. Responden yang menjawab tidak pasti seramai 19 orang responden (10.1%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah seorang responden (0.5%) dan diikuti dengan 2 orang responden yang memilih sangat tidak setuju (1.1%). Min kekerapan bagi keseluruhan kenyataan keempat iaitu 4.22. Muzium Nelayan Tanjung Balau mementingkan penjagaan koleksi yang rapi sepanjang tempoh penutupan muzium. Mengikut temu bual bersama responden yang terlibat dengan muzium, mereka menjelaskan bahawa “...*Muzium Nelayan Tanjung Balau telah mempunyai sistem penggiliran untuk menjaga koleksi dan artifak muzium. Misalnya dalam tempoh seminggu pekerja muzium akan mengambil masa selama sehari untuk melakukan restorasi koleksi dan kerja pembersihan di persekitaran Muzium Nelayan Tanjung Balau...*” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021).

Seterusnya, kenyataan kelima adalah *bertindak menyampaikan pengetahuan koleksi kepada pengguna* menunjukkan seramai 100 orang responden (53.2%) yang memilih setuju dan diikuti responden seramai 69 orang responden (36.7%) yang memilih sangat setuju. Responden yang menjawab tidak pasti seramai 17 orang responden (9%). Manakala responden yang memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah seorang responden (0.5%). Min untuk keseluruhan kenyataan kelima iaitu 4.25. Tindakan pihak berkepentingan muzium dalam menyampaikan pengetahuan koleksi Muzium Nelayan Tanjung Balau kepada pengguna mampu memberi impak positif di antara kedua-dua pihak. “...*Ini kerana sesuatu penyampaian berkaitan dengan sejarah perlu diterangkan*

*dengan lebih jelas dan hebahan maklumat mesti sahik mengikut fakta sejarah...”*  
(Responden 7, Temu bual, 17 Oktober 2021).

Kenyataan keenam adalah *meningkatkan rakan perkongsian* menunjukkan seramai 99 orang responden (52.7%) yang setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 61 orang responden (32.4%). Responden yang menjawab tidak pasti adalah 24 orang responden (12.8%). Manakala responden yang memilih tidak setuju seramai 3 orang responden (1.6%) dan responden yang memilih sangat tidak setuju adalah seorang responden (0.1%). Min bagi keseluruhan kenyataan keenam iaitu 4.11. Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh menambah rakan perkongsian yang mempunyai kelebihan kepada aplikasi digital. “...Muzium perlu memilih koleksi dan artifak yang menarik minat pelancong dan secara tidak langsung menunjukkan Muzium Nelayan Tanjung Balau tidak mudah ditiru dan mempunyai reputasi serta daya saing untuk menarik pelancong...” (Responden 3, Temu bual, 27 Oktober 2021). Oleh itu, lebih ramai rakan kongsi Muzium Nelayan Tanjung Balau berpeluang membawa muzium mereka ke peringkat antarabangsa. Hasilnya, muzium ini akan mula dikenali ramai pelancong yang berminat dengan sejarah peradaban nelayan.

Selanjutnya, kenyataan ketujuh adalah *mewujudkan kaedah kerja pengurusan yang baru* menunjukkan seramai 102 orang responden (54.3%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 64 orang responden (34.0%). Responden yang menjawab tidak pasti adalah 19 orang responden (10.1%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%) dan sangat tidak setuju adalah seorang responden (0.5%). Min keseluruhan kenyataan ketujuh iaitu 4.20. Pengurusan muzium selalunya melibatkan keputusan tentang penambahbaikan

penggunaan teknologi baharu untuk kegiatan mempromosi. Teknologi muzium yang inovatif harus disediakan dalam bentuk pengurusan yang inovatif terhadap tindak balas keperluan sosial (Vasylenko, 2020). Masalah utama yang kerap dihadapi oleh setiap muzium untuk mewujudkan muzium digital ialah kekurangan dana yang mencukupi, kekurangan jabatan atau kakitangan khusus dan hanya menumpukan kepada pembangunan muzium berdasarkan promosi. Justeru Muzium Nelayan Tanjung Balau perlu mewujudkan beberapa kaedah baru yang melibatkan aspek pengurusan muzium, perancangan aktiviti atau sistem pengorganisasian secara inovatif.

Kesimpulannya, hasil daripada analisis soal selidik yang dibuat, didapati mewujudkan kaedah pengurusan baru memberi kesan yang positif kepada Muzium Nelayan Tanjung Balau. Melalui hasil daripada temu bual bersama beberapa responden mereka turut mengatakan kaedah pengurusan yang baru ini dapat membantu muzium merancang dan mengurus dengan baik meskipun masih berada dalam tempoh pandemik COVID-19 ini.

#### 4.5.2 Peranan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan Melestarikan Muzium

Jadual 4.12: Peranan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan Melestarikan Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Memberi bantuan sokongan dari segi kewangan	1	0.5	2	1.1	3	16.0	10	55.9	5	26.6	100
2. Membantu muzium mengumpul koleksi muzium	1	0.5	2	1.1	2	12.4	96	51.1	6	34.6	100
3. Membantu meminjam bahan-bahan pameran	2	1.1	1	0.5	2	15.9	10	56.9	4	26.1	100
4. Menyediakan sumber infrastruktur	1	0.5	2	1.1	2	13.6	10	58.9	5	26.6	100
5. Menyediakan program kaunseling dan khidmat nasihat	1	0.5	2	1.1	2	14.7	88	46.8	7	37.2	100
6. Menggalakkan usaha penyelidikan sejarah dan kebudayaan	1	0.5	1	0.5	2	14.7	10	56.4	5	28.3	100



7. Kerjasama daripada pihak muzium lain	1	0.5	2	1.1	2.2	11.7	91	48.4	7.2	38.3	100
---	---	-----	---	-----	-----	------	----	------	-----	------	-----

N=kekerapan % Peratus

Berdasarkan hasil data daripada 4.12, kenyataan pertama adalah *memberi bantuan sokongan dari segi kewangan* menunjukkan seramai 105 orang responden (55.9%) yang setuju. Bagi responden yang memilih sangat setuju seramai 50 orang responden (26.6%) diikuti responden yang menjawab tidak pasti seramai 30 orang responden (16.9%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden (1.15) dan sangat tidak setuju adalah seorang responden (0.5%). Min untuk keseluruhan kenyataan pertama iaitu 4.06. Kenyataan ini turut disokong oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri menjelaskan sebelum pandemik COVID-19 melanda, Jabatan Muzium Malaysia menerusi 22 buah muzium berjaya mengutip hasil pendapatan melebihi RM3 juta daripada pameran yang dilaksanakan pada tahun 2019 (Jabatan Muzium Malaysia 2021). Justeru tempoh pandemik ini pihak mereka akan sedaya upaya membantu muzium di Malaysia dari segi sumber kewangan untuk memastikan produk pelancongan budaya ini berpotensi menjana ekonomi negara.

Selain itu, kenyataan kedua adalah *membantu muzium mengumpul koleksi muzium* mempunyai seramai 51 orang responden (51.1%) yang sangat setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 65 orang responden (34.6%). Bagi responden yang menjawab tidak pasti seramai 24 orang responden (12.8%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang reesponden (1.1%) dan diikuti seorang responden (0.5%). Min untuk keseluruhan kenyataan kedua iaitu 4.18. Galakan daripada agensi

ETKMW

kerajaan dan organisasi luar yang membantu Muzium Nelayan Tanjung Balau menambah koleksi dan artifak untuk dipamerkan di muzium. Misalnya penemuan sebuah kampung Melayu yang terletak di Tanjung Pengelih, Johor menunjukkan kampung itu telah lama wujud sejak zaman kedudukan Jepun. Sekumpulan pengkaji sejarah dan kurator Muzium Nelayan Tanjung Balau didapati mengunjungi ke tempat itu untuk melakukan galian sekiranya penemuan itu sememangnya wujud. “...Sepanjang membuat galian mereka telah menjumpai beberapa peralatan lama seperti mangkuk besar, botol dan seramik lama. Koleksi ini dikatakan akan diserahkan kepada Muzium Negeri Johor untuk dinilai dan disimpan...” (Responden 1, Temu bual, 21 Oktober 2021).

Di samping itu, kenyataan ketiga adalah *membantu meminjam bahan-bahan pameran* mempunyai responden seramai 107 orang responden (56.9%) yang setuju. Bagi responden yang memilih sangat setuju seramai 49 orang responden (26.1%) dan diikuti dengan responden yang menjawab tidak pasti seramai 29 orang responden (15.4%). Manakala seorang responden (0.5%) yang memilih tidak setuju dan diikuti responden seramai 2 orang responden (1.1%) yang memilih sangat tidak setuju. Min untuk keseluruhan kenyataan ketiga iaitu 4.06. Kenyataan ini turut disokong oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Datuk Kamarul Baharin A. Kassim menjelaskan bahawa Jabatan Muzium Malaysia pernah menerima sebanyak 1,120 koleksi hasil sumbangan orang awam. Koleksi itu kebanyakan daripada artifak persendirian yang mempunyai nilai sejarah, seni, budaya dan alam semula jadi yang boleh dipamerkan di muzium (Jabatan Muzium Malaysia 2021).

Kenyataan keempat adalah *menyediakan sumber infrastruktur* yang menunjukkan seramai 109 orang responden (58%) yang memilih setuju dan diikuti seramai 50 orang

responden (26.6%) yang memilih sangat setuju. Responden yang menjawab tidak pasti seramai 26 orang responden (18.3%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%) dan diikuti sangat tidak setuju adalah seorang responden (0.5%). Min keseluruhan untuk kenyataan keempat iaitu 4.09. Mengikut pandangan dari beberapa responden temu bual mendapati “...Muzium Nelayan Tanjung Balau mempunyai cadangan untuk menambah satu galeri sejarah yang diberikan nama Galeri Warisan Johor Tenggara tersebut...” (Responden 1, Temu bual, 20 Oktober 2021). Galeri ini akan menempatkan artifak yang dijumpai di Johor Tenggara kemudian disimpan di muzium tersebut. Dengan berbuat demikian, koleksi dan artifak Muzium Nelayan Tanjung Balau semakin bertambah dan kemudian akan menarik lebih ramai perhatian pengunjung untuk menghayati sejarah dan nilai warisan itu.

Seterusnya, kenyataan kelima adalah *menyediakan program kaunseling dan khidmat nasihat* menunjukkan seramai 88 orang responden (46.8%) yang memilih setuju dan diikuti responden seramai 70 orang responden (37.2%) yang memilih sangat setuju. Responden yang menjawab tidak pasti seramai 27 orang responden (14.4%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%) dan diikuti seorang responden (0.5%) yang memilih sangat tidak setuju. Min untuk keseluruhan kenyataan kelima iaitu 4.19. Peranan kerajaan dan badan bukan kerajaan sangat penting menyediakan perkhidmatan sesi kaunseling kepada pekerja muzium bagi membantu pekerja menguruskan emosi dan kesihatan fizikal. Berikutan tempoh pandemik COVID-19 yang masih belum pulih, “...kesihatan pekerja yang terpaksa bekerja dalam norma baharu ini sememangnya memberi impak yang negatif...” (Responden 1 Temu bual, 21 Oktober 2021). Permasalahan ini boleh dibendung sekiranya pelbagai organisasi

memainkan peranan mereka untuk membantu pekerja muzium melepaskan tekanan yang dihadapi.

Kenyataan keenam adalah *menggalakkan usaha penyelidikan sejarah dan kebudayaan* menunjukkan seramai 106 orang responden (56.4%) yang memilih setuju. Bagi responden yang memilih sangat setuju seramai 53 orang responden (28.2%) diikuti responden yang menjawab tidak pasti seramai 27 orang responden (14.4%). Manakala responden yang memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah seorang responden (0.5%). Min bagi keseluruhan kenyataan keenam iaitu 4.11. Kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu memberi galakan kepada para penyelidik atau pelajar dalam usaha meneroka sejarah dan kebudayaan yang melibatkan Malaysia. Misalnya, Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) Datuk Razali Idris menyatakan Muzium Bukit Besi di Dungun Terengganu akan menjadi pusat penyelidikan pelajar Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang geologi. Galakan daripada pelbagai agensi memberi peluang kepada pelajar dan juga penyelidik menerbitkan beberapa maklumat yang lebih terperinci terhadap koleksi yang ditemui (Rahman et al., 2012). Justeru, Muzium Nelayan Tanjung Balau juga boleh mengambil inspirasi itu menjadikan muzium sebagai tempat pelajar untuk membuat kajian penyelidikan tentang peradaban nelayan.

Selanjutnya, kenyataan ketujuh adalah *kerjasama daripada pihak muzium lain* menunjukkan seramai 91 orang responden (48.8%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 72 orang responden (38.3%). Responden yang menjawab tidak pasti seramai 22 orang responden (11.7%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%) dan seorang yang memilih sangat tidak setuju (0.5%). Min keseluruhan kenyataan ketujuh iaitu 4.22. Kenyataan

turut disokong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dalam media Sinar Harian yang menjelaskan sepanjang tempoh pemulihan pandemik COVID-19, Jabatan Muzium Malaysia telah menerajui pelancaran kempen "Kembali ke Muzium" yang bukan sahaja mempromosikan muzium di bawah jabatan itu, malah turut mempromosikan semua muzium di negara ini. Kempen itu bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong ke muzium di seluruh negara sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggiatkan semula pelancongan domestik melalui gelembung pergerakan pelancongan sasaran domestik, sejarah dan budaya. Pada tahun 2021, Jabatan Muzium Malaysia turut merancang menarik 1.5 juta pengunjung ke 20 muzium yang di bawah pentadbirannya. Terdapat responden temu bual turut memberi pernyataan yang sama di mana "...*Muzium Nelayan Tanjung sentiasa terlibat dengan program yang telah dianjurkan oleh muzium lain antaranya Muzium Negara...*" (Responden 1, Temu bual, 2021).

Kesimpulannya, hasil daripada analisis soal selidik mendapati menyediakan sumber infrastruktur Muzium Nelayan Tanjung menjadi salah satu peranan kerajaan dan badan bukan kerajaan mendapatkan sokongan tinggi daripada pilihan responden. Di samping itu, hasil daripada data temu bual yang diadakan dengan beberapa orang responden turut menyokong keberkesanan agensi terlibat dalam membantu Muzium Nelayan Tanjung Balau. Dengan berbuat demikian, muzium boleh beroperasi dengan lebih aktif untuk menggalakkan lebih ramai pengunjung hadir ke Muzium Nelayan Tanjung Balau.

#### 4.5.3 Ketersediaan Sumber Infrastruktur Muzium Nelayan Tanjung Balau

Berikutan muzium Nelayan Tanjung Balau ditutup buat sementara waktu, melalui hasil temu bual bersama Responden 1, pengkaji mendapati bahawa muzium akan sentiasa melakukan proses penyelenggaraan di mana ada penambahbaikan galeri-galeri yang terdapat di muzium Nelayan Tanjung Balau. Peruntukan yang diberikan oleh KEJORA dan Kementerian Luar Bandar digunakan untuk melestarikan muzium digunakan dengan sebaik mungkin. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kenyataan R1

*Kami tiada sebarang masalah dari segi kewangan kerana muzium Nelayan Tanjung Balau adalah agensi kerajaan jadi ianya serba cukup. Untuk makluman ... apabila tidak buka muzium kos-kos kewangan berkurangan dari segi utiliti dan juga beberapa kos yang melibatkan penyelenggaraan juga berkurangan. Jadi selaras dengan itu kami dapat menjimatkan kos yang diperlukan untuk muzium kecuali bila pihak kami mengadakan program memang kami perlukan kewangan sekurang-kurangnya 30-40 ribu melaksanakan acara secara maya. (Temu bual R1, 20 Oktober 2021)*

Kenyataan di atas turut disokong oleh Akhbar Berita Sarawak yang menjelaskan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) telah meluluskan bahagian pertama iaitu sebanyak RM20.25 juta kepada 103 muzium di bawah kerajaan negeri pada tahun 2021 ini. Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Datuk Seri Nancy Shukri berharap pembiayaan itu akan membantu Muzium Negeri melakukan penambahbaikan dari segi infrastruktur dan kemudahan sampingan untuk memberi manfaat kepada pelancong. Muzium seharusnya menjadi organisasi yang membawa pembangunan dan perubahan, kesinambungannya dilihat sebagai alat pembangunan yang



sangat berkesan selaras dengan pemodenan dan globalisasi. Ia mengandungi empat teras teras meliputi garis panduan dan prosedur penubuhan muzium, operasi pengurusan koleksi, pengurusan pemuliharaan dan keselamatan muzium (Akhbar Sarawak, 2021).

#### 4.5.4 Peranan Komuniti Dalam Melestarikan Muzium

Jadual 4.14: Peranan Komuniti Dalam Melestarikan Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kenyataan	Skala (N)										Jumlah (%)
	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
1. Mempromosikan muzium dalam talian (Instagram dll)	1	0.5	3	1.6	2	13.5	9	51.6	6	33.5	100
2. Mengadakan dokumentari atau siaran langsung	1	0.5	2	1.1	2	12.8	7	41.5	8	44.7	100
3. Komuniti perlu melibatkan diri dalam aktiviti muzium	1	0.5	2	1.1	2	13.3	8	44.1	7	41.0	100
4. Menyertai webinar yang dianjurkan oleh muzium	2	1.1	1	0.5	2	13.6	8	43.1	7	41.8	100
5. Melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan kepada muzium	2	1.1	1	0.5	2	12.4	8	47.9	7	38.2	100

6. Komuniti perlu mematuhi penjagaan SOP	0	0	0	0	2	11.	8	47.	7	41.	100
					1	2	9	3	8	5	

N=kekerapan % Peratus

Berdasarkan hasil data daripada Jadual 4.14, kenyataan pertama adalah *mempromosikan muzium dalam talian* menunjukkan seramai 96 orang responden (51.1%) yang setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 63 orang responden (33.5%). Bagi responden yang menjawab tidak pasti seramai 25 orang responden (13.3%). Manakala bagi responden yang memilih tidak setuju adalah 3 orang responden (1.6%) dan seorang reponden yang memilih sangat tidak setuju (0.5%). Min untuk keseluruhan kenyataan satu iaitu 4.15. Komuniti atau masyarakat membantu mempromosi muzium Nelayan Tanjung Balau melalui aplikasi media sosial seperti Instagram, Facebook, Twitter atau Tiktok merupakan peranan yang patut dicontohi. Kenyataan ini turut mendapat sokongan daripada beberapa orang responden komuniti yang telah ditemu bual bersama pengkaji. Tambahan pula, Responden 8 menjelaskan bahawa

*...cara mempromosi Muzium Nelayan Tanjung Balau merupakan strategi yang sangat cepat dan pantas yang membolehkan masyarakat mengetahui program yang dianjurkan oleh muzium. Kaedah mempromosi ini memudahkan komuniti setempat melakukan hebahan dan melibatkan diri dalam sebarang program tersebut (Responden 8, Temu bual, 20 November 2021).*

Selain itu, kenyataan kedua adalah *mengadakan dokumentari atau siaran langsung*, menunjukkan seramai 84 orang responden (44.7%) yang setuju dan diikuti

responden yang memilih sangat setuju seramai 78 orang responden (41.5%). Bagi responden yang menjawab tidak pasti seramai 23 orang responden (12.2%). Manakala bagi responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden (1.2%) dan diikuti seorang responden yang memilih sangat tidak setuju (1.1%). Min untuk keseluruhan kenyataan kedua adalah 4.28. Dokumentari Muzium Nelayan Tanjung Balau ini boleh dilakukan daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang menjalankan kajian ke atas muzium ini dan juga youtuber yang mempunyai jumlah penonton yang ramai. Perkara turut disokong oleh beberapa responden temu bual yang telah ditemu bual oleh pengkaji. Berikut adalah hasil temu bual mereka seperti

*Pada pendapat saya, saya setuju untuk mengadakan dokumentari dapat membantu Muzium Nelayan. Ini disebabkan pada waktu sekarang lebih-lebih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020 hingga 2021 orang ramai banyak menghabiskan masa menghadap gajet. Sekiranya pihak muzium atau masyarakat mengadakan video dokumentari sangat sesuai kerana orang akan terlibat dengan lebih mudah sebab mereka hanya perlu melihat melalui telefon sahaja. (Temu bual Responden 7, 17 November 2021)*

Kenyataan yang diberikan oleh responden turut mendapat sokongan daripada Responden 8 yang menjelaskan bahawa “...mengadakan dokumentari bersama dengan muzium merupakan cara yang terbaik untuk membantu Muzium Nelayan menangani kesan pandemik. Ini kerana melalui dokumentari bersama muzium dapat mempromosikan Muzium Nelayan kepada komuniti luar seperti promosi melalui laman media sosial. Jadi tindakan ini sekaligus dapat menarik minat pengunjung dari pelbagai negeri untuk mengunjungi Muzium Nelayan Tanjung Balau...” (Responden 8, Temu bual,

20 November 2021). Tambahan pula, keadaan tempoh pandemik ini ramai pengunjung masih tidak berpeluang melawati tapak muzium ini. Oleh itu, peluang sedemikian harus digunakan dengan sebaik-baiknya supaya imej Muzium Nelayan Tanjung Balau sentiasa terpelihara.

Di samping itu, kenyataan ketiga adalah *komuniti perlu melibatkan diri dalam aktiviti muzium*, menunjukkan seramai 83 orang responden (44.1%) yang setuju. Bagi responden yang memilih sangat setuju seramai 77 orang responden (41.0%) dan diikuti dengan responden yang menjawab tidak pasti seramai 25 orang responden (13.3%). Manakala responden yang memilih tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%) dan seorang responden yang memilih sangat tidak setuju (0.5%). Min untuk keseluruhan kenyataan ketiga iaitu 4.23. Komuniti perlu melibatkan diri dalam aktiviti muzium sebagai tanda sokongan kepada Muzium Nelayan Tanjung Balau. Terdapat beberapa responden temu bual mempunyai pandangan yang sama bahawa penglibatan masyarakat dalam sebarang aktiviti atau program dapat membantu meningkatkan pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau dengan lebih baik. Namun, pihak muzium turut memainkan peranan tentang program muzium sebelum dijalankan bagi memastikan maklumat hebahan adalah benar mengikut perancangan program.

Kenyataan keempat adalah *menyertai webinar yang dianjurkan oleh muzium* yang menunjukkan seramai 81 orang responden (43.1%) yang memilih setuju dan diikuti seramai 78 orang responden (41.5%) yang memilih sangat setuju. Responden yang menjawab tidak pasti seramai 26 orang responden (13.8%). Manakala terdapat seorang responden (0.5%) yang memilih tidak setuju dan diikuti dengan responden yang memilih sangat tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%). Min keseluruhan untuk kenyataan

keempat iaitu 4.23. “...*Penglibatan komuniti dalam sebarang aktiviti dan program seperti webinar yang dianjurkan oleh Muzium Nelayan Tanjung Balau dapat membantu mempromosi muzium tersebut...*” (Responden 5, Temu bual, 30 Oktober 2021). Perkara turut disokong oleh beberapa responden temu bual yang lain turut menjelaskan aktiviti webinar ini menggalakkan masyarakat menambah pengetahuan yang dikongsi oleh pakar-pakar muzium. Tambahan pula, program webinar seperti ini banyak dianjurkan oleh pelbagai muzium di Malaysia. Misalnya, Webinar Makanan Warisan Tradisi Budaya dianjurkan oleh Muzium Negeri Terengganu, Webinar Warisan dan Sejarah Negeri Perak, Webinar Bicara Ilmu oleh Muzium Warisan Melayu dan Webinar Kemerdekaan oleh Muzium Diraja. Topik-topik yang dibincangkan melalui webinar berikut adalah berbeza mengikut tema yang ditentukan oleh pihak muzium sendiri. Justeru, masyarakat akan memperolehi sesuatu pengetahuan dan pengalaman yang sukar dicari melalui webinar ini.

Seterusnya kenyataan kelima adalah *melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan kepada muzium* menunjukkan seramai 89 orang responden (47.3%) yang memilih setuju dan diikuti responden seramai 72 orang responden (38.3%) yang memilih sangat setuju. Responden yang menjawab tidak pasti seramai 24 orang responden (12.8%). Manakala terdapat seorang responden (0.5%) yang memilih tidak setuju dan diikuti dengan responden yang memilih sangat tidak setuju adalah 2 orang responden (1.1%). Min untuk keseluruhan kenyataan kelima iaitu 4.21. Penglibatan komuniti sebagai sukarelawan Muzium Nelayan Tanjung Balau akan membantu muzium lebih dikenali dalam kalangan masyarakat yang masih belum mengetahui kewujudan muzium tersebut. Russell (2005) mencadangkan organisasi perlu bergerak lebih jauh supaya golongan muda dapat menggunakan kemahiran yang mereka boleh bawa ke tempat kerja. Sebagai contoh,

banyak sukarelawan muzium terdiri daripada orang bersara yang mungkin kurang pengetahuan tentang kemahiran teknologi. Jadi, bagi golongan muda yang kemahiran teknologi boleh menawarkan diri mereka sebagai sukarelawan muzium. Memandangkan lebih banyak muzium memanfaatkan rangkaian media sosial sebagai alat pemasaran yang berguna untuk muzium maka mereka memerlukan 'pakar' untuk membantu.

Selanjutnya, kenyataan keenam adalah *komuniti perlu mematuhi penjagaan SOP* menunjukkan seramai 89 orang responden (47.3%) yang memilih setuju dan diikuti responden yang memilih sangat setuju seramai 78 orang responden (41.5%). Responden yang menjawab tidak pasti seramai 21 orang responden (11.2%). Min keseluruhan kenyataan ketujuh iaitu 4.23. Komuniti turut memainkan peranan penting dalam mematuhi penjagaan SOP bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19. Kenyataan turut mendapat sokongan daripada majoriti responden temu bual yang menjelaskan ketika berhadapan dengan cabaran pandemik ini, semua masyarakat perlu menjaga diri dan sentiasa mematuhi arahan yang dikeluarkan. Sekiranya didapati ada pengunjung yang tidak mematuhi peraturan SOP, mereka sangat setuju individu terbabit dikenakan tindakan dengan sewajarnya. Tujuan setiap muzium melaksanakan tindakan itu untuk membendung penularan virus COVID-19 daripada keadaan semakin teruk yang boleh mengganggu rutin harian masyarakat.



Kesimpulannya, hasil daripada analisis soal selidik yang dibuat didapati mengadakan dokumentari atau siaran langsung dapat membantu Muzium Nelayan Tanjung Balau supaya masyarakat tempatan dan luar negara lebih mengetahui kewujudan muzium ini. Di samping itu, hasil daripada data temu bual turut menyatakan keberkesanan mengadakan dokumentari ini membantu Muzium Nelayan Tanjung Balau melestarikan muzium dalam tempoh pandemik ini. Melalui hebahan dokumentari sebenarnya banyak membincangkan mengenai fakta-fakta sejarah yang masih belum diketahui oleh masyarakat. Kadang-kala mempromosi muzium disertakan dengan maklumat yang sahih dan nyata memberi tarikan kepada orang untuk mengetahui lebih lanjut sejarah atau nilai sesuatu warisan itu.

#### **4.6 Rumusan**

Secara keseluruhan, analisis dapatan kajian terhadap Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau adalah sangat relevan dengan situasi pada masa ini. Pada objektif pertama mengenalpasti kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan muzium dan objektif kedua iaitu mengkaji pengurusan muzium bertindak balas terhadap pandemik, pengkaji telah mendapatkan jawapan daripada 44 orang responden soal selidik dan dua orang responden daripada temu bual. Hal ini kerana seramai 46 orang responden adalah terdiri daripada kakitangan muzium dan KEJORA. Oleh hal demikian, jawapan yang diberikan oleh responden adalah berdasarkan pengetahuan mereka kerana mereka lebih memahami situasi yang berlaku di Muzium Nelayan Tanjung Balau pada masa ini.

Manakala bagi objektif ketiga iaitu menghuraikan peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau. Pengkaji telah menggunakan seramai 188 orang responden untuk soal selidik dan lapan orang responden dari hasil temu bual. Kesema responden ini terdiri daripada kakitangan muzium dan KEJORA serta komuniti setempat untuk memberi pandangan mereka bagi membantu mempromosi Muzium Nelayan Tanjung Balau dengan lebih giat.

## BAB LIMA

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan rumusan keseluruhan kajian Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Selain daripada itu, dapatan kajian turut dibincangkan di dalam bab ini. Pengkaji juga mengemukakan implikasi kajian ini serta cadangan untuk membantu pengkaji lain dalam meneruskan kajian di masa hadapan.

#### 5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi lima bab yang telah dipecahkan mengikut susunan. Bab Satu kajian ini tertumpu kepada pengenalan awal kajian seperti latar belakang, lokasi kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Pada bahagian bab satu ini, kajian ini memberikan gambaran tentang impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Berikutan fenomena COVID-19 adalah sesuatu yang sangat membimbangkan oleh semua peringkat global sehingga mempengaruhi kegiatan ekonomi termasuk pengurusan muzium. Oleh hal demikian, perbincangan sorotan kajian pada Bab Kedua ini terhadap kesan pandemik kepada pengurusan muzium

dibicarakan melalui rujukan hasil kajian tempatan dan luar negara. Pengkaji menjelaskan tentang dan perkembangan ICOFOM, jenis-jenis muzium dan pengurusannya turut disenaraikan di dalam bab kedua ini. Fungsi muzium yang merangkumi perolehan koleksi, penyimpanan koleksi, pemeliharaan koleksi, pameran muzium dan sebagai sumber penyelidikan dan sumber pendidikan yang memaparkan perubahan sepanjang pandemik COVID-19. Sehubungan dengan tajuk kajian berkaitan pengurusan maka pengurusan muzium yang merangkumi pengurusan koleksi, sumber kewangan dan pameran turut dibincangkan dalam keseluruhan bab ini. Di bawah pengurusan koleksi, pengkaji turut menjelaskan tentang penjagaan koleksi semasa pandemik COVID-19. Kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan muzium dan langkah yang diambil untuk membendung pandemik ini turut dibincangkan menggunakan sorotan kajian lepas. Pengkaji turut menerangkan pengaplikasian Teori Pengurusan dan Pentadbiran Henri Fayol sebagai panduan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini. Justeru, sorotan kajian yang digunakan sebagai panduan diharapkan dapat memberi lebih banyak pengetahuan di samping menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

Dalam pada itu, metodologi kajian merupakan aspek penting yang perlu diberi penekanan kerana hasil perbincangan dapatan kajian bergantung kepada metodologi yang digunakan oleh pengkaji. Perbincangan dalam Bab Ketiga, meliputi pendekatan kajian yang menggunakan pendekatan campuran untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif seperti soal selidik dan kaedah kualitatif, termasuk temu bual dan pemerhatian dan sumber perpustakaan. Pengkaji juga menggunakan teknik pengumpulan data yang terdiri daripada data primer dan data sekunder. Sementara itu, pengkaji turut melampirkan penggunaan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian di mana melibatkan pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Bagi menganalisis

data pula, pengkaji menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif untuk melihat sama ada data yang dikumpul mencapai matlamat kajian.

Penerimaan dan pandangan responden terhadap kajian ini sememangnya memberi sokongan dan dorongan kepada pengkaji untuk mengetahui bagaimana Muzium Nelayan Tanjung Balau mengalami kesan pandemik dan juga bagaimana muzium bertindak balas terhadap permasalahan ini. Oleh hal demikian, pengkaji membincangkan dapatan data yang diterima oleh pengkaji dalam Bab Keempat ini. Responden kurator muzium dan pembantu muzium menerangkan dengan lebih terperinci tentang situasi yang dihadapi oleh Muzium Nelayan Tanjung Balau pada ketika ini. Pengkaji memberi penekanan terhadap objek pertama iaitu mengenalpasti kesan pandemik COVID-19 terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau dan objektif kedua, mengkaji pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau bertindak balas terhadap pandemik kepada kurator muzium dan pembantu muzium. Manakala bagi responden komuniti setempat pengkaji memberi perhatian kepada objektif ketiga yang memerlukan pandangan mereka secara umum iaitu menghuraikan peranan pihak berkepentingan dalam menangani kesan pandemik terhadap Muzium Nelayan Tanjung Balau.

### 5.3 Dapatan Kajian

Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah meneliti lebih terperinci tentang impak pandemik COVID-19 kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau dan melihat sejauh manakah muzium ini menangani permasalahan ini daripada terus berlarutan. Berdasarkan dapatan kajian terhadap kesan pandemik kepada pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau menunjukkan operasi pentadbiran muzium menjadi perlahan disebabkan muzium ditutup dalam beberapa bulan dan pekerja hanya melaksanakan skop tugas mereka dari rumah sahaja. Oleh sebab pekerja mula bekerja dari rumah maka berlakunya rombakan jadual tugas supaya sistem pembahagian kerja diberikan sama rata terutama Muzium Nelayan Tanjung Balau hanya mempunyai lima orang pekerja sahaja. Selain daripada itu, kesan pandemik juga mempengaruhi kesihatan pekerja di mana terdapat beberapa masalah dengan kehadiran di muzium. Ini disebabkan sesetengah pekerja terkena jangkitan COVID-19 dan kesan pihak muzium terpaksa menghentikan semua promosi untuk mengelak pekerja hadir ke pejabat. Dengan keadaan sedemikian, Muzium Nelayan Tanjung Balau berhadapan dengan masalah pengurusan koleksi. Sekiranya pekerja muzium mula dikuarantin dalam tempoh beberapa minggu ada kemungkinan koleksi muzium akan mula terbiar kerana tiada penjagaan rapi. Tambahan pula, kumpulan pekerja yang sedikit menyukarkan pihak muzium untuk memantau koleksi dan artifak sekiranya muzium ditutup sepenuhnya.

Sehubungan dengan kesan pandemik melanda Muzium Nelayan Tanjung Balau, pengkaji turut mendapatkan maklumat tentang bagaimana muzium ini menangani permasalahan ini daripada terus berlarutan. Bagi pemeliharaan dan penjagaan koleksi



muzium sepanjang tempoh pandemik, pihak Muzium Nelayan Tanjung Balau mempunyai jadual tetap yang akan lakukan sebanyak enam kali dalam masa tiga bulan atau dua kali sebulan. Pemulihan koleksi dan artifak mengikut jenis permukaan seperti kayu, seramik, kaca, besar dan kecil. Ini kerana setiap koleksi mempunyai permukaan yang sensitif terhadap haba dan kelembapan suhu. Sebagai contoh, dalam tempoh seminggu pihak muzium akan menghabiskan satu hari untuk membersihkan koleksi dan persekitaran kompleks muzium. Daripada aspek pemasaran jika dilihat program seperti kerja promosi atau sebarang perancangan aktiviti bersemuka telah diubah kepada konsep maya. Sebagai contoh, perbincangan dan mesyuarat sesama pekerja diadakan dalam talian. Selain itu, pengkaji mendapati strategi yang digunakan oleh muzium adalah membentuk koleksi dalam paparan grafik 3 Dimensi sebagai tarikan kepada pengunjung. Manakala dari aspek pengurusan sumber kewangan pula, Muzium Nelayan Tanjung Balau telah menerima peruntukan kewangan tahunan sekitar RM50,000 untuk menjalankan aktiviti mempromosi dan program kerjasama dengan pihak luar. Apabila muzium tidak dibuka, kos kewangan di bahagian utiliti adalah lebih rendah, dan begitu juga beberapa kos yang terlibat dengan penyelenggaraan. Oleh itu, pekerja muzium boleh menjimatkan kos muzium sehingga 30 ribu sehingga 40 ribu. Kos kewangan ini boleh digunakan dalam program secara maya.

Oleh itu, hasil perbincangan yang dilakukan dalam dapatan kajian, pengkaji mendapati tujuan utama kajian Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau telah menerima struktur jawapan yang positif. Hasil data daripada kesemua responden terlibat sangat membantu pengkaji melakukan penambahbaikan dalam melaksanakan kajian ini.

## **5.4 Implikasi Kajian**

### **5.4.1 Implikasi Kajian Kepada Pengkaji**

Implikasi penelitian dan pelaksanaan tinjauan dalam kajian ini dilihat sangat penting bagi diri pengkaji sendiri kerana segala data yang dikumpulkan dalam kajian Impak Pandemik COVID-19 Kepada Pengurusan Muzium Tanjung Balau memberi persepsi yang berbeza kepada pengkaji. Ini kerana pengkaji mampu menerokai lebih mendalam di samping menambah pengetahuan yang luas tentang peringkat pengurusan muzium di dalam negara mahupun luar negara.

Melalui kajian ini, dapat ditunjukkan bahawa pengkhususan kerja yang melibatkan sejarah dan warisan ini memerlukan tahap pengawasan yang tinggi, kerana ia melibatkan koleksi yang tidak mudah mengulangi sejarah sehingga ia ditemui. Selain itu melalui kajian ini, pengkaji dapat memupuk minat untuk menerokai warisan tamadun masyarakat terdahulu yang masih belum diketahui umum.

### **5.4.2 Implikasi Kajian Kepada Bidang Pemuziuman**

Selain itu, kajian pengurusan muzium membantu mengekalkan reputasi penting muzium sebagai repositori maklumat dan kepakaran yang boleh dipercayai, di samping meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi tersebut. Perasaan meminati bidang pemuziuman mampu memberikan perkembangan dan pandangan baharu tentang pengkhususan kerja di muzium ini. Implikasi kajian ini dalam bidang pemuziuman dapat membantu kakitangan muzium atau penyelidik melihat perbezaan atau persamaan kaedah menguruskan sesebuah muzium. Tambahan pula, tempoh pandemik COVID-19

ini, pekerja muzium sentiasa berusaha untuk mewujudkan idea yang kritis bagi mempromosikan muzium seperti biasa.

#### **5.4.3 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat**

Seterusnya, kajian pengurusan muzium juga dilihat sangat penting kepada masyarakat kerana ia memberi cerminan yang positif kepada masyarakat. Ini kerana mereka boleh melihat dari pelbagai perspektif sama ada kajian ini dapat menjelaskan maklumat yang mereka memerlukan. Muzium telah memainkan peranan penting dalam memelihara sejarah dalam masyarakat. Seperti yang kita sudah sedia maklum, muzium merupakan tempat kepada masyarakat menjalankan penyelidikan, program pendidikan, mengunjungi pameran dan sebuah tempat yang menyediakan koleksi dan artifak yang jarang ditemui.

Namun disebabkan pandemik, batas pergerakan masyarakat adalah terhad untuk mengunjungi muzium. Jadi mereka memerlukan medium untuk mengakses maklumat untuk menambah sumber pengetahuan tentang Muzium Nelayan Tanjung Balau ini. Kewujudan pameran secara maya dapat memberitahu cerita tentang bagaimana peradaban nelayan pada satu masa dahulu dan juga sumber perikanan yang menjadi sumber asas kepada pemakanan dalam kehidupan seharian. Tanpa warisan ini, semua cerita yang perlu disingkap boleh dilupakan begitu sahaja seiring dengan peredaran masa.

## **5.5 Cadangan Kajian**

Pengkaji mengharapkan kepada kajian masa hadapan melakukan pembaharuan yang lebih menarik terhadap pengurusan Muzium Nelayan Tanjung Balau supaya kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji yang lain. Ini kerana pengkaji mendapati terbitan sumber penyelidikan dan dokumentari tentang Muzium Nelayan Tanjung Balau adalah sangat sedikit dibandingkan dengan sumber penyelidikan Muzium Negara. Oleh yang demikian, terdapat banyak aspek Muzium Nelayan Tanjung Balau boleh dikaji dan dianalisis seperti pengorganisasian, pemasaran muzium, pengaplikasian digital atau sebagainya. Dengan mewujudkan kajian lebih pelbagai atau inovatif dan tidak hanya tertumpu kepada penulisan teks sahaja, ia mampu memberi laluan kepada muzium lain untuk melihat kekuatan dan keunikan Muzium Nelayan Tanjung Balau. Misalnya, penggunaan medium yang bersesuaian mengikut peredaran masa dan teknologi semasa dapat menarik perhatian masyarakat untuk menghayati dan mendalami koleksi dan muzium lebih mendalam sekaligus dapat menyampaikan pengetahuan kepada masyarakat.

## **5.6 Penutup**

Pengkaji berharap agar kajian ini mampu memberikan manfaat kepada individu mahupun sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan berkaitan pemuziuman dan khususnya kajian yang berkaitan pengurusan yang melibatkan Teori Pengurusan dan Pentadbiran Henri Fayol. Justeru itu, pengkaji berharap semoga kajian ini, mampu memberi pengetahuan kepada pelbagai pihak tentang kepentingan pengurusan muzium lebih-lebih lagi dalam tempoh pandemik COVID-19 ini.

## RUJUKAN

- Arman Colin, Desvallees, A., and Mairesse, F., (2010). Key Concepts of Museology. *Academia Journal* 78: 200-2539
- Ahmad, AT. (2015). *Museums, History and Culture in Malaysia*. Singapore: NUS Press. P. 328
- Megan Lanz (2020). United States May Lose One- T hird of All Museums, New Survey Shows. American Alliance of Museums. <https://www.aamus.org/2020/07/22/united-states-may-lose-one-third-of-all-museums-new-survey-shows/>
- Amorim, J. P., & Teixeira, L. (2021). Art in the digital during and after COVID: Aura and apparatus of online exhibitions. *Rupkatha Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*. 12(5).
- Araujo, O. S., Hinsliff-Smith, K., & Cachioni, M. (2020). Education and the relationships between museums and older audiences: A scoping review protocol. *International Journal of Educational Research*, 102, 101591. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101591>
- Awang, Z. (2013). *Research Methodology and Data Analysis*. UiTM Press.
- Bennett, J. (2005). Museums and the History of Science. *Isis*, 96(4), 602–608.
- Brown, K., & Mairesse, F. (2018). The definition of the museum through its social role. *Curator: The Museum Journal*, 61(4), 525–539.
- Caulfield, J. (2020). How to Do Thematic Analysis: A Step-by-Step Guide & Examples. *Journal of Scribbr*. 5(42)-1017-18
- Choi, B., & Kim, J. (2021). Changes and Challenges in Museum Management after the COVID-19 Pandemic. *MDPI*. <https://www.mdpi.com/2199-8531/7/2/148/htm>.
- Duncan, S. A. (2005). The Via Media of American Museum Practice: Henry Watson Kent and the Metropolitan Museum of Art. *Curator: The Museum Journal*, 48(3), 301–316.

- Elizabeth Penisi. (2020). Shuttered Natural History Museums Fight for Survival. *Journal of Research Gate*. 36 (8)-1043
- Enonge, E., Mwangangi, R. I., Emmanuel, R., Valcheva, S., Media, O. P. P. N., macheso, G., Etienne, T., Studykira, Aisha, & Modesta. (2021). Primary Data VS Secondary Data: Definition, Sources, Advantages. *Journal of Research Gate*. 10 (13)-140
- Fitriyani, Khairani, D, Saepudin, D, Asnawi, A. & Jabali, Fuad. (2020). The Impact of Pandemic Covid-19 on Museum Existence. *Journal of Research Gate*. 10 (101-150).
- Griwade Conservation Service (2021). Cleaning Guide for Collection Spaces and Heritage Interiors In The Context Of Covid-19. The University of Melbourne.
- H, L. Y. (2021). How to do thematic analysis. Delve. <https://delvetool.com/blog/thematicanalysis>.
- Haleem, A., Javaid, M., & Vaishya, R. (2020). Effects of COVID-19 pandemic in daily life. Current medicine research and practice. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7147210/>.
- Haynes, S. (2019). Why the Definition of 'Museum' Is Stirring Up Controversy. Time. <https://time.com/5670807/museums-definition-debate/>.
- Hu, T. F., Lee, S. C., Cao, J. J., Ho, W. K., Ho, K. F., Chow, J. C., Watson, J. G., Rong, B., & An, Z. S. (2009). Atmospheric deterioration of Qin brick in an environmental chamber at Emperor Qin's Terracotta Museum, China. *Journal of Archaeological Science*, 36(11), 2578–2583.
- International Council of Museums. (2021). Fighting Illicit Trafficking of Cultural Property. [https://en.unesco.org/sites/default/files/en\\_unesco-icom\\_agenda-programme\\_01oct2021.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/en_unesco-icom_agenda-programme_01oct2021.pdf)
- Jiancheng Ou. (2020). China Science and Technology Museum Boosting Fight against COVID-19. Museums During the Global COVID-19. *Journal Of Medical*. 227-232.
- Kahn, R. (2020). The COVID-19 is prompting many museums to reconsider how they communicate their research to the public. *Elephant in the Lab*. 10 (5)-281



- Kampf, D. Todt, S. Pfaender, and E. Steinmann (2020). Persistence of coronaviruses on inanimate surfaces and their inactivation with biocidal agents. *Journal of Hospital Infection*. p 104 -246-251.
- Keith Christiansen. (2020). The Met and the COVID crisis. *Museum Management and Curatorship*. 10 (108)- 75.
- Lambert, S., & Mottus, T. (2014). Museum Storage Space Estimations: In Theory and Practice, ICOM-CC 17<sup>th</sup> Triennial Conference At: Melbourne. *Journal of Research Gate*. 31(35)-98
- Luo, X., Gu, Z., Yu, C. W., Li, K., & Xiao, B. (2016). Preservation of in situ artefacts by local heating in earthen pit in archaeology museum in cold winter. *Building and Environment*, 99, 29–43. <https://doi.org/10.1016/j.buildenv.2016.01.015>
- Luo, X., Li, W., Yu, Y., Jin, L., & Gu, Z. (2016). An Energy Efficient Strategy for Local Environment Control of Relics Preservation in Archaeology Museums with Funerary Pits. *Energy Procedia*, 88, 271–276. <https://doi.org/10.1016/j.egypro.2016.06.156>
- MacLeod, S., Austin T. Jonathan, hing-kay, O. h. (2018). The Future of Museum And Gallery Design. *Routledge Publishing*. P 382.
- Mairesse. F. (2016). What is Zbynek Z. Stranskys “influence” on Museology. *Journal of Research Gate*. 31 (59)-177
- Matassa, F., (2018). Museum Collections Management. *Facet Publishing*. P. 258.
- McCarthy, M. A. (1998). Identifying declining and threatened species with museum data. *Journal of Biological Conservation*, 83(1), 9–17.
- McCombes, S. (2021). Sampling Methods: Types and Techniques Explained. *Journal of Scribbr*. 23(4)-105
- Moody Ki. (2020). COVID-19 Coronavirus: Auckland War Memorial Museum Puts Call Out for Pandemic Mementos. *New Zealand Herald*. <https://www.nzherald.co.nz/nz/news/article.cfm?cid=1&objectid=12329817>
- Muthiah, P, Siva, Badzris, Nayan, Rahim & Aziz. (2020). Qualitative Research: Data Collection and Data Analysis Techniques. Universiti Utara Malaysia Press. P 13-20

- Mairenne, A., Koresse, P. (2021). 6 Types of Qualitative Research Methods with Examples. *Journal of Research Gate*. 44(5)-109
- Neeltje van Doremalen, Dylan H. Morris, Myndi G. Holbrook, et. al. (2020). Letter to the Editor, "Aerosol and Surface Stability of SARS-CoV-2 as Compared with SARS-CoV-1," *The New England Journal of Medicine*.
- Noehrer, L., Gilmore, A., Jay, C. et al. (2021). The impact of COVID-19 on digital data practices in museums and art galleries in the UK and the US. *Journal of Humanit Soc Sci Commun*, 8-236.
- Norman, Cushla. (2020). NZ Museums Snapping up COVID-19 Memorabilia for their Collection. *TVNZ 1 New*. 98 (3)-105
- Ou, J. (2020). China Science and Technology Museum boosting fight against COVID-19. *Museum Management and Curatorship*, 35(3), 227–232.
- Pappa, S., Ntella, V., Giannakas, T., Giannakoulis, V. G., Papoutsis, E., & Katsaounou, P. (2020). Prevalence of depression, anxiety, and insomnia among healthcare workers during the COVID-19 pandemic: A systematic review and meta-analysis. *Journal of Brain, behavior, and immunity*, 91(2)-308-45.
- Pfefferbaum, B., & North, C. S. (2020). Mental Health and the Covid-19 Pandemic. *New England Journal of Medicine*, 383(6), 510–512.
- Piryani, R.M., Shakya, D.R., (2020). Covid1-9 and Lockdown: Be Logical in Relaxing [https://www.researchgate.net/publication/342529476\\_COVID-19\\_And\\_Lockdown\\_Be\\_Logical\\_in\\_Relaxing\\_It](https://www.researchgate.net/publication/342529476_COVID-19_And_Lockdown_Be_Logical_in_Relaxing_It)
- Puvenesvary, M., R, Silvaba, N., Mastura, B., Noor Fadhilah, M, N., Radziah Abdul, R., Noor Hashima, A, Z. (2020). Qualitative Research Data Collection and Data Analysis Technique. *Journal of Methodology*, P. 26-65.
- Qarabolaq, Z. F., Inallou, M. S., Hafezi, H. A., & Tabaei, A. N. (2013). The Role of PREMIS Preservation Metadata in Information Management in Virtual Museums. *Journal of Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 73, 396–402.
- Robson, Stuart., MacDonald, S., Were, G., and Hess, M (2018). 3D recording and museums. <https://booksc.org/ireader/718818013D>

- Rojas-Sola, J. I., Castro-García, M., & Carranza-Cañadas, M. del. (2011). Content management system incorporated in a virtual museum hosting. *Journal of Cultural Heritage*, 12(1), 74–81.
- Rumsey, M. S. (2021). Geological Museums and Collection Curation. *Journal of Geology*, 585–606.
- Ruso, L., & Bayram, E. (2014). The Use of Museum for Educational Purpose Using Drama Method. *Procedia-Social and Behavioral Science*, 141: 628-632.
- S. Emmens and N. McEnroe (2021). Acquiring infection: The Challenges of Collecting Epidemics and Pandemics, Past, Present and Future. <https://doi.org/10.1098/rsfs.2021.0030>
- Seibert, E. (2016). Alfred H. Barr's Visionary Concept of the Prehistoric and the Modern: An Inspiration for American Artists. *Ten Americans: After Paul Klee* (exh. cat. Phillips Collection, Washington DC, and Centre Paul Klee, Bern). [https://www.academia.edu/40344358/Alfred\\_H\\_Barr\\_s\\_Visionary\\_Concept\\_of\\_the\\_Prehistoric\\_and\\_the\\_Modern\\_An\\_Inspiration\\_for\\_American\\_Artists](https://www.academia.edu/40344358/Alfred_H_Barr_s_Visionary_Concept_of_the_Prehistoric_and_the_Modern_An_Inspiration_for_American_Artists).
- Sen, S., & Neel, A. (2020). The Impact of Covid-19 on The Museums and The Way Forward for Resilience. *Journal of International Museum Education*. Vol, 2, (No.1), 54-61.
- Sinar Harian. (2021). Pengunjung Ke Muzium Merosot Lebih 70 Peratus. <https://www.sinarharian.com.my/article/176581/BERITA/Nasional/Pengunjung-ke-muzium-merosot-lebih-70-peratus>
- Taheri, B., Gorman, K, O., & Baxter, I., (2016) Contemporary issues in museums and heritage marketing management: introduction to the special issue. *Journal of Marketing Management*. 32:15-16,
- Yawn, J., Lim, T., (2009). Administrative Theory by Fayol. *Journal of Research Gate*. 45 (1)-10
- The National Museum of Natural History, Paris. (1935). *Journal of Nature*, 136(3428),
- The Tate Gallery. (2020). The impact of the COVID-19 virus on TATE. *Journal Of Research Gate*. 115 (91)-10

- Thomas Themeyer (2019). What kinds of Museums for Wvat Kinds of Societies?  
*Journals of Open Edition: ISS. 2306-4161*
- Tissen, L. N. M. (2021). Authencity and Meaningful Futures for Museums: The Role of 3D Printing. *Journal of the Lucas Grdaduate Conference. Vol 9: pp 94-122.*
- Wahab, A, M., Zuhardi, A, F., (2013). Human Visual Quality: Art Gallery Exihibition.  
*Journal of Science Direct. P 1877-0428*
- Wells, M. R., (2012). Collection- Based Research in Museums, Understanding, Structure, Visibility by *Museum Studies*. M. A Thesis, Masse University, Palmerston North, New Zealand.
- Xiao, Y., Becerik-Gerber, B., Lucas, G., & Roll, S. C. (2021). Impacts of Working from Home During COVID-19 Pandemic on Physical and Mental Well-Being of Office Workstation Users. *Journal of occupational and environmental medicine, 63(3), 181–190.*
- Zainudin, A (2012). Research Methodology and Data Analysis. Universiti Teknologi Mara. Selangor. P 69-137